

# CBTDM

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA



**KESEJAHTERAAN KELUARGA TD DIUTAMAKAN,  
KEDAULATAN NEGARA TERJAMIN**



# PENA KETUA PENGARANG

EDISI 228

BERITA TENTERA DARAT MALAYSIA

**“Di samping mempertingkat aspek latihan dan kesiagaan, kebijakan dan kelestarian warga TD tidak sesekali diabaikan oleh pucuk pimpinan. Seiring dengan tema Hari Tentera Darat Ke-89: Kesejahteraan Keluarga TD Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin, Panglima Tentera Darat (PTD) dalam Amanat Tahun 2022 menyatakan komitmen beliau terhadap aspek kesejahteraan dan kebijakan warga TD sebagai fokus utama untuk dilaksanakan pada tahun 2022.”**



السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Ramadan Al-Mubarak 1433 Hijrah/2022 Masihi

Dengan penuh rasa keinsafan dan kesyukuran, marilah kita khususnya umat Islam memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana diberi kesempatan untuk bertemu dan menyambut kehadiran bulan mulia, Ramadan, bulan yang dinanti-nantikan kedatangannya saban tahun. Justeru, seluruh ahli Sidang Redaksi BTDM ingin merakamkan ucapan selamat berpuasa dan semoga kita semua diberi kesihatan untuk melaksanakan ibadah kepada-Nya dengan penuh iman dan taqwa.

Fasa suku tahun pertama 2022 dilihat membawa beberapa pengharapan baharu kepada negara amnya dan TD khasnya. Walaupun pandemik COVID-19 masih membelenggu negara serta merencatkan pertumbuhan sektor ekonomi, sosial dan pendidikan, pengumuman pihak kerajaan yang membawa kepada “Fasa Peralihan Ke Endemik” bermula 1 Apr 2022 disifatkan sebagai titik mula kepada Malaysia yang lebih makmur dan sejahtera.

Dari aspek ekonomi, pembukaan sempadan negara yang akan merancakkan semula sektor pelancongan sekaligus ditafsir akan memulihkan semula sektor-sektor berkaitan seperti perhotelan, kebudayaan dan perniagaan domestik. Situasi ini diharap dapat membawa harapan bahru kepada golongan berkaitan dari segi mendapatkan kembali peluang pekerjaan dan perniagaan setelah terjejas selama dua tahun akibat penutupan sektor-sektor berkenaan.

Di samping itu, usaha pihak kerajaan membantu rakyat melalui pelbagai insentif serta kemudahan pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) turut membawa sinar baharu kepada rakyat umum. Ironinya, bagaimana memanfaatkan segala kemudahan yang diterima adalah terserah kepada kematangan dan kebijaksanaan individu.

Dalam masa sama, kita dapat melihat bahawa usaha-usaha menjurus kepada memperkuatkkan kedaulatan tanahair terus dimartabatkan. Pengajuran *17th Defence Services Asia* (DSA) di ibu negara membawa kepada dimensi baharu keupayaan pertahanan dan keselamatan di mana ianya menyaksikan majlis menandatangani kontrak, *Letter of Acceptance* (LOA), *Letter of Intent* (LOI) dan *Memoranda of Understanding* (MoU), bernilai lebih dari RM 4.6 billion, sekaligus memperkuatkkan lagi kerjasama serantau antara negara ASEAN dengan industri pertahanan dan keselamatan global.

Khusus untuk TD, Menteri Kanan Pertahanan semasa DSA 2022 turut mengumumkan proses perolehan beberapa aset baharu sedang dilaksanakan melibatkan *Armoured Personnel Carrier* (APC) untuk kegunaan Ma-

laysian Battalion (MALBATT) 850 di Lubnan, 155mm *Self-Propelled Howitzers* untuk Rejimen Artileri Diraja (RAD), *Logistic Support Bridges* untuk Rejimen Askar Jurutera Diraja (RAJD), *Light Anti-Tank Weapon* (LAW) untuk Pasukan Khusus dan 3-tonne GS *Cargo Trucks*.

Pada masa yang sama, TD telah merekodkan penerimaan beberapa aset dan peralatan baharu merangkumi aspek mobiliti, tempur dan persenjataan. Antara aset baharu yang diterima ialah Trak 1 Tan *GS Cargo*, Trak 1 Tan *Fitted For Radio* (FFR), Trak 3 Tan, Trak 1 Tan FFR untuk MALBATT 850, 40 laras Sniper M107A1 50 Caliber dan 240 laras FN Minimi 5.56 Mk3 *Light Machine Gun*. Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) juga dapat melangkah dengan lebih gagah apabila menerima enam unit Pesawat Tempur Ringan Helikopter MD 530G pada 28 Feb 2022.

Ke upayaan perisikan TD turut mengorak langkah memasuki dimensi baharu apabila fungsi *Intelligence Fusion Centre* (IFC) berjaya direalisasikan pengoperasiannya pada 14 Mac 2022. Pencapaian ini seiring dengan Pelan Pembangunan Keupayaan Strategik TD (Army4NextG) dan antara salah satu daripada manifestasi matlamat keupayaan TD iaitu pengesanan.

Di samping mempertingkat aspek latihan dan kesiagaan, kebijakan dan kelestarian warga TD tidak sesekali diabaikan oleh pucuk pimpinan. Seiring dengan tema Hari Tentera Darat Ke-89: Kesejahteraan Keluarga TD Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin, Panglima Tentera Darat (PTD) dalam Amanat Tahun 2022 menyatakan komitmen beliau terhadap aspek kesejahteraan dan kebijakan warga TD sebagai fokus utama untuk dilaksanakan pada tahun 2022.

Melihat kepada perkembangan positif di peringkat nasional serta kemajuan yang dicapai oleh perkhidmatan dalam banyak aspek, adalah diharapkan agar seluruh warga TD merangkumi setiap lapisan pemerintahan serta operator di medan kekal komited dan taat setia menuaikan tanggungjawab masing-masing kepada ibu pertiwi yang dicintai.

**“GAGAH SETIA”**

Mej Jen Datuk Hamzah Hj Ali  
Ketua Pengarang

# Paparan Menarik

6

## Kerjaya Ekonomi Gig Membuka Lembaran Baharu Kepada Veteran ATM



Pelancaran Kerjaya Gig akan menjadi satu langkah bersejarah dalam usaha menggalakkan dan memartabatkan veteran ATM menerusi penglibatan di dalam kerjaya ekonomi kerana permintaan terhadap kerjaya ini semakin meningkat kesan daripada pandemik COVID-19. Semua pihak mengambil berat isu-isu berkaitan kesejahteraan hidup veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Dengan pelancaran kerjaya gig menerusi Code 7 ini, seramai 128,000 veteran ATM berpotensi

untuk menyertainya di mana buat masa ini 517 veteran menunjukkan minat dan 307 daripadanya telah berjaya didaftarkan sebagai E-Responder iaitu jawatan yang ditawarkan oleh Code 7.

### TD Komited Bantu Anggota Dilanda Musibah Banjir

13

Seramai 90 anggota TD yang terkesan akibat banjir menerima sumbangan berbentuk wang tunai, keperluan harian dan barang elektrik yang terdiri daripada peti sejuk, dapur memasak, cerek dan periuk nasi elektrik serta sepersalinan barang persekolahan untuk anggota yang mempunyai anak bersekolah.



22

### 304 Unit RKMAT Khusus Buat Warga 4 RAD



RKMAT, Kem Segamat mula dibina pada 24 Apr 2018 dengan kos mencucuh RM 147.7 juta melibatkan 305 unit kediaman pelbagai kelas untuk kemudahan keluarga pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) pasukan Rejimen Keempat Artilleri Diraja (4 RAD).


Ia bukan sahaja menyediakan kemudahan perumahan kuarters malah dilengkapi dengan kemudahan awam yang lain seperti surau, dewan serbaguna, taska dan tabika, gelanggang futsal, bola tampar, sepak takraw serta bola jaring.

<b>Pena Ketua Pengarang  </b>	<b>1</b>
<b>Bersama Pemimpin  </b>	<b>4</b>
<b>Hari Ulang Tahun (HUT)  </b>	<b>26</b>
<b>DSA &amp; NATSEC 2022  </b>	<b>42</b>
Latihan	44
Sejarah	52
<b>Profil Pasukan  </b>	<b>56</b>
<b>Tentera Bersama Rakyat  </b>	<b>60</b>
Kepakaran TD	64
Pengorbanan	68
Penghargaan	72
Inspirasi	80
<b>Semasa Formasi  </b>	<b>92</b>
<b>Bahasa Sabah/Sarawak  </b>	<b>106</b>
<b>Bilateral  </b>	<b>108</b>
PBB	110
Kebajikan	112
BAKAT	116
<b>Keagamaan/Kerohanian  </b>	<b>118</b>

BTDM mengalu-alukan artikel, idea dan pandangan anda agar dapat dikongsi bersama. Setiap surat atau artikel perlu disertakan nama penuh dan ditandatangani.

Segala sumbangan artikel boleh disalurkan terus kepada:

Editor BTDM  
 Tingkat 8.11,  
 Markas Tentera Darat,  
 Wisma Pertahanan, Jalan Padang  
 Tembak, 50634 KUALA LUMPUR  
 atau  
 e-mail: editor@btdm.my  
 Faks: 03-26923195  
 Tel: 03-40140489/40140490  
 atau  
 lawati halaman sesawang kami di  
<http://www.btdm.my>



# SIDANG REDAKSI

## PENAUNG

Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain

## KETUA PENGARANG

Mej Jen Datuk Hamzah Hj Ali

## TIMBALAN KETUA PENGARANG

Kol Zamri Kamarudin

## EDITOR

Mej Suriatie Alias

## PENOLONG EDITOR

Kapt Mursyideen Ahmad Iskandar Shah

## WARTAWAN/JURUGAMBAR

SSjn Shamsul Zaidi Zolkoffly, Sjn Nurulhaswani Ruzaini, LKpl Zulkarnain Maxmillan Abdullah, Pbt Mohammad Shukri Suhaimi, Pbt Mohammad Fadzil Akirul, Mohd Nazif Mohd Zuki & Riffat Mohd Yusof

## SUSUN ATUR DAN GRAFIK

Saifun Hakimi Zainon, LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime & Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

## KORESPONDEN

### TRUP TD

Lt Mohd Ikram Hakim Mohd Fisol, PW II Ahmad Norizam Jaafar, Kpl Mohammad Shahrun Nizam Mohamad Radzuan, Kpl Nazirul Mifdal Mahmud & Pbt Mohammad Izzudin Ahmad Haidir

### MK PMBT

Mej Hamri Hassan, Lt Medelinna Ling & Pbt Muhamad Nawawi Mujtabar

### MK PMTTD

Mej Mohd Arif Ahmad Suparman, Sjn Zahir Saidin & LKpl Muhammad Amri Mohd Nayan

### 1 DIV

Mej Muhammad Azemy Dulhani & Pbt Muhammad Akmal Burhanuddin

### 2 DIV

Mej Mohammad Affiq Abdullah

### 3 DIV

Mej Muhammad Muzhafar Salji & Pbt Muhammad Hafiz Hasrin

### 4 DIV

Mej Suria Sulaiman, Kpl Khairil Nizam Yunus, Kpl Nor Azlina Abd Azmi & LKpl Muhammad Faruq Zahri

### 5 DIV

Lt Kol Aisyah Ismail, Mej Syaiful Shahidan, Lt Halisah Baharudin & Pbt Muhammad Akmaluddin Sallehudin

## PENULIS JEMPUTAN

Mej Henry Maling & Lt Sitti Zubaidah Kanisius Moa @ Benyamin

## HTD Ke-89: PTD Komited Capai Enam Fokus Tahun 2022

30



Pemilihan tema sambutan HTD Ke-89 adalah sejajar dengan Amanat Panglima Tentera Darat Tahun 2022 yang menggariskan enam fokus iaitu Aspek Kesejahteraan dan Kebajikan Warga TD, Usaha Meningkatkan Kesiagaan dan Keupayaan TD, Penstrukturran dan Penyusunan Organisasi TD, Pemerksaan Tadbir Urus dan Perbelanjaan Berhemah, Meningkatkan Diplomasi Pertahanan dan Komitmen TD untuk Membantu Kerajaan dalam *Military Operations Other Than War* (MOOTW).

64

## Skuadron Sierra, Wira Tidak Didendang



Skuadron Sierra merupakan salah satu elemen pasukan khusus dalam Rejimen 11 Gerak Khas (11 RGK) yang mahir dalam penyusupan melalui udara jauh ke dalam kawasan dikuasai musuh dengan menggunakan teknik *High Altitude High Opening* (HAHO), seterusnya mencari, melemah serta memusnahkan sasaran.

## Konsep 'Mesra Pelanggan' Kunci Kejayaan Gwany Enterprise - PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (Bersara)

84



Usia perniagaan yang telah menjangkau usia 12 tahun, beliau mempunyai prinsip tersendiri bagi mengekalkan perniagaan agar terus teguh dan kekal beroperasi iaitu dengan mementingkan konsep cepat dan mesra pelanggan demi untuk terus melangkah sebagai usahawan berjaya. Kepuasan pelanggan merupakan keutamaan yang sentiasa beliau titikberatkan.



## Tunaikan Amanah Dengan Cemerlang Dan Penuh Komited – PTD



Oleh: Mohammad Nazif Mohd Zuki

Gambar: SSjn Shamsul Zaidi Zolkoffly dan Pbt  
Mohammad Fadzil Akirul

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Datuk Zamrose Mohd Zain mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada mereka yang dinaikkan pangkat, selamat menjalankan tugas serta selamat maju jaya.

“Kenaikan pangkat ini merupakan suatu pencapaian yang membanggakan kerana ianya diperoleh hasil daripada usaha gigih saudara saudari.

“Suka saya ingatkan bahawa ke-naikan pangkat ini bererti tang-gungjawab yang dipikul akan turut bertambah dan saudara saudari akan terus menuaikan amanah yang diberi dengan cemerlang dan komited.

Beliau berkata demikian dalam ucapannya Sempena Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Kanan Tentera Darat (TD) di Dewan Zulkifeli Zin, Wisma Perwira TD pada 4 Jan 2022.

Tambahnya lagi, gunakan kebijaksanaan dan kematangan dalam menyelesaikan setiap cabaran atau permasalahan yang timbul serta jadi-kan nilai-nilai murni seperti amanah,

berintegriti, jujur dan ikhlas sebagai pegangan.

“Kepada pasangan mereka yang dinaikkan pangkat, saya ingin menzahirkan jutaan terima kasih di atas sokongan dan dorongan membolehkan pasangan masing-masing memberi sepenuh tumpuan kepada tugas yang diamanahkan,” ujarnya.

Terdahulu dari itu, PTD menyempurnakan acara pemakaian pangkat kepada 53 pegawai kanan TD dimulai dengan Brig Jen Dato'

(Dr) Ibrahim Yasir, Brig Jen Mohd Razali Alias, Brig Jen Abdul Aziz Samsi@Samsudin dan Brig Jen Hj Mohd Nor Abd Karim yang dinaikkan ke pangkat Mej Jen.

Selain itu, tujuh pegawai kanan dinaikkan pangkat ke Brig Jen, 10 pegawai kanan dinaikkan pangkat Kol, 32 pegawai kanan dinaikkan pangkat Lt Kol dan tiga pegawai kadet luar negara dipakaikan pangkat Lt M.

Turut Hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Pahlawan Mohammad Ab Rahman, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddin Jantan, Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Lt Jen Datuk Ahmad Norihan Jalal dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' (Dr) Zulkeffeli Mat Jusoh serta Pegawai Kanan TD.



# Panglima 11 Bgd Sembah Mengadap DYMM Sultan Selangor

Oleh: MK 11 Bgd

**SELANGOR:** Panglima Briged Ke-11 Infantri Malaysia (11 Bgd), Brig Jen Hj Fazal Hj Abdul Rahman melaksanakan Sembah Mengadap kehadapan Sultan Selangor, Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj bertempat di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 10 Feb 2022.

Sembah mengadap ini bersempena pelantikan Brig Jen Hj Fazal Hj Abdul Rahman sebagai Panglima 11 Bgd Ke-25 pada 3 Jan 2022.

Panglima 11 Bgd turut mempersembahkan cendera kenangan kepada DYMM Sultan Selangor.

Turut hadir, Pegawai Staf 2 Tadbir/Logistik dan Pegawai Staf 3A MK 11 Bgd.



## Pengerusi KAD Sembah Mengadap KDYMM Kol YDP KAD



**TERENGGANU:** Sultan Terengganu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah merangkap Kol Yang di-Pertua Kor Armor Diraja (Kol YDP KAD) berkenan menerima mengadap Pengerusi KAD, Mej Jen Dato' Zaidan Atan serta tujuh Pegawai Kanan KAD di Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu pada 14 Mac 2022.

Sembah Mengadap ini bertujuan untuk memperkenalkan Pegawai Kanan KAD di samping menyampaikan perkembangan aktiviti terkini kor tersebut serta penglibatan Kol YDP KAD dalam aktiviti KAD.

Pengerusi KAD turut mempersembahkan cendera kenangan ke hadapan KDYMM Kol YDP KAD.

Pelaksanaan sembah mengadap ini selaras dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentara Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi. - KAD

## Sembah Mengadap Panglima 2 Div Ke Atas KDYMM Sultan Terengganu


**TERENGGANU:** Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Sultan Terengganu, Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah berkenan menerima mengadap Panglima Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div), Mej Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri di Istana Syarqiyyah pada 14 Mac 2022.

Sembah Mengadap ini adalah bersempena dengan pelantikan Mej Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri sebagai Panglima 2 Div Ke-31 pada 27 Okt 2021.

Panglima 2 Div turut mempersembahkan cendera kenangan ke hadapan KDYMM Sultan Terengganu.

Panglima 2 Div dan warga 2 Div turut merafak sembah menjunjung kasih di atas perkenan KDYMM Sultan Terengganu menerima sembah mengadap ini.

Turut hadir, Panglima Briged Kelapan Infantri Malaysia, Brig Jen Abu Hasan Assha'ari Kamis@Shaffiee. - MK 2 Div





## Kerjaya Ekonomi Gig Membuka Lembaran Baharu Kepada Veteran ATM

Oleh: Mohammad Nazif Mohd Zuki

Gambar: Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz mengucapkan syabas dan tahniah di atas dedikasi serta semangat yang ditunjukkan oleh semua pihak dalam mengambil berat isu-isu berkaitan kesejahteraan hidup veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Hari ini kita akan menyaksikan pelancaran yang akan menjadi satu langkah bersejarah dalam usaha menggalak dan memartabatkan veteran ATM menerusi penglibatan di dalam Kerjaya Ekonomi Gig kerana permintaan terhadap kerjaya ini semakin meningkat kesan daripada pandemik COVID-19.

"Selain itu, kerajaan telah memberi tumpuan khas kepada Ekonomi Gig sebagai sumber pertumbuhan ekonomi baharu dalam rangka Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan pelbagai insentif yang ditawarkan kepada majikan dan peruntukan bagi perlindungan sosial dan latihan," jelas beliau.

Timbalan Menteri Pertahanan berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Pelancaran Kerjaya Ekonomi Gig untuk veteran ATM bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM pada 12 Jan 2022.

Tambahnya lagi, Ekonomi Gig ini merupakan satu terma yang semakin sinonim seperti *Grabcar*, *Grabfood*, *Foodpanda*, *Lalamove* dan perkhidmatan seumpamanya pasti mampu memberi limpahan peluang pekerjaan kepada veteran ATM di mana fleksibiliti masa dan lokasi merupakan *bonus point*.

Kerjaya Gig menerusi Code 7 Sdn Bhd (Code 7) yang menawarkan perkhidmatan berasaskan keselamatan adalah signifikan dengan kepakaran dan kemahiran yang dimiliki majoriti veteran ATM.

Dengan pelancaran Kerjaya Gig menerusi Code 7 ini, seramai 128,000 veteran ATM berpotensi untuk



menyertainya dan setakat ini 517 veteran menunjukkan minat di mana 307 daripadanya telah berjaya didaftarkan sebagai *E-Responder* iaitu jawatan yang ditawarkan oleh Code 7.

Turut hadir, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Datuk Zamrose Mohd Zain, Panglima Tentera Udara, Jen Tan Sri Ackbal Hj Abdul Samad TUDM dan Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany.



## **LTAT Sumbang Bantuan Banjir Untuk Warga ATM**

Oleh: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**KUALA LUMPUR:** Panglima Angkatan Tentera (PAT), Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM menyempurnakan penyerahan Sumbangan Bantuan Mangsa Banjir untuk warga Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Wisma Pertahanan pada 19 Jan 2022.

Sumbangan banjir ATM ini merupakan inisiatif daripada PAT dengan kerjasama Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dalam membantu warga ATM yang terkesan akibat bencana banjir yang terjejas di sekitar Lembah Klang.

LTAT menyumbangkan barang elektrik seperti 550 unit cerek elektrik, 410 unit periuk nasi elektrik, 100 unit peti sejuk mini, 400 unit peti sejuk serta 400 unit dapur *dual burner*.

Sumbangan bantuan barang elektrik ini telah diserahkan secara simbolik kepada Panglima-Panglima Perkhidmatan untuk diagihkan kepada mangsa banjir dalam usaha untuk membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Pecahan penerima bantuan di sekitar Lembah Klang secara keseluruhannya adalah seramai 236 keluarga melibatkan 97 keluarga bagi perkhidmatan Tentera Darat (TD), 27 keluarga perkhidmatan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), 58 keluarga perkhidmatan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) dan 54 keluarga bagi Markas Angkatan Tentera Malaysia (MK ATM).

Turut hadir, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain, Panglima Tentera Laut (PTL), Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Panglima Tentera Udara (PTU), Jen Tan Sri Ackbal Hj Abdul Samad TUDM.





## 88 Pegawai Kadet PALAPES Zon Selatan Ditauliahkan



Oleh: Riffat Mohd Yusof

Gambar: Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**JOHOR:** Seramai 88 Pegawai Kadet terlibat dalam Majlis Lafaz Pengisytiharan Pentaulahan dan Pemakaian Pangkat Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat Universiti Awam Ke-39 Zon Selatan yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Datuk Zamrose Mohd Zain di Dewan Sultan Iskandar, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) pada 7 Jan 2022.

Pegawai Kadet yang ditauliahkan adalah terdiri daripada 49 Pegawai Kadet Lelaki dan 39 Pegawai Kadet Wanita yang mana mereka telah berjaya menamatkan pengajian di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM).

Majlis ringkas pengisytiharan dan pemakaian pangkat ini dilaksanakan bagi menggantikan Perbarisan Pentaulahan yang kebiasaannya diadakan di padang kawad bagi mematuhi saranan kerajaan dalam membendung serta memutuskan rantaian penularan COVID-19.

Acara ini dilaksanakan secara tertutup dengan

penglibatan minimum tanpa kehadiran ibu bapa dan ahli keluarga sepetimana kebiasaan terdahulu sesuai dengan norma baharu serta pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UTM dianugerahkan kepada Lt M Umar Alfaruq Abdul Mutalib, lulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam manakala Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UTHM dinobatkan kepada Lt M Amyrul Nordin yang merupakan penuntut Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Teknik dan Vokasional.

Kedua-dua Pegawai Kadet Terbaik dianugerahkan Pedang Kehormat sebagai hadiah di atas semangat dan kesungguhan yang telah ditunjukkan sepanjang menjalani latihan PALAPES.

PTD mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Pegawai Kadet yang telah berjaya ditauliahkan sebagai Pegawai Muda di dalam Rejimen Askar Wataniah.

"Hasil kecemerlangan yang ditunjukkan sepanjang latihan, hari ini saudara dan saudari telah diiktiraf sebagai pegawai sukarela Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Saudara dan saudari sepatutnya sedar bahawa anda adalah aset modal insan yang akan membantu angkatan tetap dan sentiasa bersedia untuk diatur gerak bagi mengambil alih tanggungjawab daripada angkatan tetap.

"Adalah menjadi tanggungjawab saudara dan saudari untuk melapor ke Rejimen Siri 500 Askar Wataniah setelah ditauliahkan dan terus terlibat secara aktif di dalam aktiviti dan latihan Askar Wataniah agar pengetahuan ketenteraan yang dimiliki dapat dikembangkan serta menjadi seorang yang terlatih dan berjaya pada masa akan datang," jelas PTD.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan, Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Nazari Abd Hadi dan Naib Canselor merangkap Komandan PALAPES UTM, Kol (Kehormat) Prof Dr Ahmad Fauzi Ismail.





## Pegawai Kadet PALAPES Zon Tengah Dua Ditaliahkan

Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi

Gambar: Riffat Mohd Yusuf

**SELANGOR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Lafaz Pengisytiharan Pentauliahan dan Pemakaian Pangkat Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat Universiti Awam Ke-39 Zon Tengah Dua di Pusat Kesenian dan Kebudayaan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKKSSAAS), Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 17 Jan 2022.

Seramai 212 Pegawai Kadet terlibat dalam Majlis Lafaz Pengisytiharan dan Pemakaian Pangkat terdiri daripada 86 Pegawai Kadet Lelaki dan 126 Pegawai Kadet Wanita yang telah menamatkan pengajian di UPM dan Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

PTD mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Pegawai Kadet yang berjaya ditaliahkan sebagai Pegawai Muda di dalam Rejimen Askar Wataniah.

“Sebagai Pegawai Muda Askar Wataniah, anda adalah aset yang akan membantu ganti anggota tetap dan sentiasa bersedia diatur gerak dan mengambil alih tanggungjawab anggota tetap.

“Tuan dan puan juga boleh memohon skim pegawai graduan atau menyertai kerahan untuk diserap ke angkatan tetap.

“Sebagai rakyat Malaysia, saudara dan saudari perlu mempunyai rasa kekitaan atau *sense of belonging* agar semangat patriotik dan cintakan negara sentiasa terus kekal tersemat di dalam jiwa,” jelas PTD dalam ucapannya.

Acara pemakaian pangkat dibahagikan kepada empat sesi iaitu dua sesi telah disempurnakan sendiri oleh PTD dan dibantu Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Muhammad Hafizudeain Jantan manakala dua sesi lagi disempurnakan oleh PMB TD yang dibantu oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Nazari Abd Hadi.

Kemudian, acara diteruskan dengan penyampaian anugerah kadet terbaik UPM dan UPNM yang mana Pegawai Kadet ini telah dinilai secara keseluruhan dari segi personaliti, kepimpinan, pengetahuan isu semasa dan penglibatan dalam PALAPES.

Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UPM dianugerahkan



kepada Lt M Eddy Irwan Sidek lulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Sains Pertanian manakala Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UPNM dinobatkan kepada Lt M Firdaus Adnan yang merupakan penuntut Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal.

Kedua-dua Pegawai Kadet Terbaik dia-nugerahkan Pedang Kehormat sebagai hadiah atas semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan sepanjang menjalani latihan PALAPES.

Turut hadir, Komandan PALAPES UPM, Kol (Kehormat) Prof. Dr. Mohd Ruslan Sulaiman dan Pemangku Komandan UPNM, Lt Kol Prof. Ts Dr. Muhd Zu Azhan Yahya.





## 43 Pegawai Kadet PALAPES Zon Sabah Dan Sarawak Bergelar Pegawai Muda

Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi  
Gambar: Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**SARAWAK:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain mengucapkan syabas dan tahniah kepada 43 Pegawai Kadet yang berjaya ditauliahkan sebagai Pegawai Muda dalam Rejimen Askar Wataniah (AW) setelah tiga tahun mengikuti latihan di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) serta Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

"Profesjon ketenteraan merupakan satu bidang kerjaya yang amat mulia dan sentiasa dipandang tinggi oleh masyarakat kerana kerjaya ini menuntut setiap warganya memiliki jati diri yang teguh serta mengamalkan nilai-nilai murni sebilang masa," jelas PTD.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Lafaz Pengisytiharan Pentauliahan dan Pemakaian Pangkat Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Darat Universiti Awam Ke-39 Zon Sabah dan Sarawak di Dewan Tunku Abdul Rahman Putra (DeTAR PUTRA) UNIMAS pada 22 Jan 2022.

Dalam majlis ini, Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UNIMAS dianugerahkan kepada Lt M Mohamad Nur Syahid Mohd Rozaidi berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik, manakala Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UMS dianugerahkan kepada Lt M Hanif Fikri Peter berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Sukan.

Kedua-dua Pegawai Kadet Terbaik dianugerahkan Pedang Kehormat sebagai hadiah di atas semangat dan kesungguhan yang telah ditunjukkan sepanjang menjalani latihan PALAPES.

Tambah PTD lagi, Pegawai Muda yang baharu ditauliah disarankan untuk terus terlibat secara aktif di dalam aktiviti dan latihan AW dengan melapor diri ke siri Rej 500 AW agar pengetahuan ketenteraan yang dimiliki dapat terus dikembangkan.


"Manfaatkanlah semua pengalaman, ilmu dan kemahiran yang telah dipelajari serta pupuk keyakinan diri agar bersesuaian dengan bidang tugas dan cabaran yang

dihadapi dalam kerjaya selepas ini," ujar beliau.

Sebelum mengakhiri ucapan, PTD merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Markas Pemerintahan Latihan dan Doktrin Tentera Darat (MK PLDTD), Bahagian Pasukan Simpanan, PALAPES, Universiti Awam, para pegawai serta jurulatih yang terlibat dalam melahirkan barisan PALAPES kepimpinan negara.

Turut hadir, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Dato' Mardzuki Muhammad, Komandan PALAPES U N I M A S , Kol (Kehormat) Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Nazari Abd Hadi.





## 182 Pegawai Kadet PALAPES Zon Utara Berjaya Bergelar Pegawai Muda

Oleh: Riffat Mohd Yusof

Gambar: Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**PULAU PINANG:** Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Pahlawan Mohammad Ab Rahman menyempurnakan Majlis Lafaz Pengisytiharan Pentaulahan dan Pemakaian Pangkat Pegawai Kadet Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Awam Ke-39 Zon Utara di Dewan Budaya Universiti Sains Malaysia (USM) pada 7 Feb 2022.

TPTD mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Pegawai Kadet yang berjaya ditauliahkan sebagai Pegawai muda di dalam Rejimen Askar Wataniah (AW).

“Profesjon ketenteraan menekankan erti pengorbanan yang sebenar sama ada meneruskan kerjaya dalam bidang ini atau sektor awam dan hari ini seharusnya saudara saudari jadikan sebagai permulaan untuk menjadi warganegara yang lebih baik disebabkan pengalaman serta latihan sewaktu menjadi Pegawai Kadet.

“Berbekalkan ilmu dan kemahiran yang diperolehi sepanjang tiga tahun latihan PALAPES serta semangat juang dan sikap positif yang ditunjukkan sudah tentu saudara saudari mampu menempuh setiap cabaran dalam kerjaya masing-masing.

“Namun harus diingat, kemahiran yang disemai ini merupakan pengetahuan asas yang perlu digilap dan masih banyak lagi ilmu pengetahuan serta kemahiran yang perlu dipelajari agar ianya sejajar dengan perkembangan kerjaya masing-masing,” jelas TPTD dalam ucapannya.

Seramai 182 Pegawai Kadet Zon Utara berjaya ditauliahkan setelah menamatkan pengajian di USM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Acara pemakaian pangkat ini dibahagikan kepada dua sesi yang disempurnakan sendiri oleh TPTD dan dibantu oleh Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Nazari Abd Hadi.

Majlis diakhiri dengan penyampaian Anugerah Kadet Terbaik USM, UUM, UniMAP dan UPSI di mana Pegawai Kadet ini dinilai keseluruhan daripada segi personaliti, kepimpinan, pengetahuan isu semasa serta penglibatan dalam PALAPES.

Pegawai Kadet Terbaik PALAPES USM telah dianugerahkan kepada Lt M Muhammad Badrul Amin Abdul Halim berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan dan Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UUM dinobatkan kepada Lt M Raizazul Azfar Ruslan lulusan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan Dengan Kepujian.

Manakala Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UniMAP dianugerahkan kepada Lt M Arif Akmal Mohd Adnan yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Mekanikal (Pemesinan) dan Pegawai Kadet Terbaik PALAPES UPSI pula diberikan kepada Lt M Nor Amira Khaleeda yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga.

Keempat-empat Pegawai Kadet Terbaik dianugerahkan Pedang Kehormat sebagai hadiah atas semangat dan kesungguhan yang ditunjukkan sepanjang menjalani latihan PALAPES.

Turut hadir, Pemangku Asisten Panglima Pasukan Simpanan, Brig Jen Padman K. P. Bashkaran, Komandan PALAPES USM, Kol (Kehormat) Prof. Dato' Faizal Rafiq Muhammad Adikan, Timbalan Komandan PALAPES UniMAP, Lt Kol Prof. Ts Dr. Zaliman Sauli dan Komandan PALAPES UUM, Kol (Kehormat) Dato Dr. Ahmad Abdul Ghani.





## 'Ibrah Di Sebalik Musibah' Menginsafi Dan Muhasabah Diri



Oleh: Mohammad Nazif Mohd Zuki

Gambar: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain mewakili Panglima Angkatan Tentera (PAT) menyempurnakan Program Pentarama Zikir dan Fikir Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Tahun 2022 yang bertemakan 'Ibrah di Sebalik Musibah' bertempat di Auditorium Kementerian Pertahanan pada 26 Jan 2022.

Penganjuran program ini merupakan inisiatif Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT) dengan kerjasama daripada Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) sebagai program pengisian rohani bagi warga ATM sempena tahun baharu 2022 bermatlamatkan kepada konsep muhasabah diri dengan mengambil pengajaran dan kembali menginsafi serta pengharapan kepada Allah S.W.T atas dugaan yang diturunkan.

Antara pengisian program adalah bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, penyampaian Tausiah oleh Ustaz Elyas Ismail serta persembahan nasyid dari Kumpulan Nasyid Furqan yang ditubuhkan sejak 1993 diiringi oleh Kumpulan De'Potera dari Pusat Latihan Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) dan Badan Kesenian Tentera Darat (BKTD).

Sempena majlis ini, PTD turut melancarkan laman web

rasmi KAGAT sebagai medium siber untuk masyarakat memahami peranan serta hala tuju KAGAT di dalam proses dan gerak kerja kerohanian warga ATM yang merupakan benteng utama pertahanan negara sebagai medium penyampaian wadah ilmu dan dakwah kepada warga ATM serta seluruh umat Islam di Malaysia.

Majlis diakhiri dengan penyerahan hadiah oleh PTD bagi penyertaan Kempen Pahlawan Bank Islam dan Sambutan Hari ATM Ke-88 yang dianjurkan oleh BIMB.

Kempen yang berobjektifkan pengukuhan hubungan dan mempromosikan produk pembiayaan patuh syariah BIMB kepada pelanggan yang terdiri daripada warga ATM menyaksikan seorang pegawai ATM memenangi hadiah utama iaitu Proton X50 dan lima lagi pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) memenangi sebuah kereta Perodua Myvi 1.5 (A) manakala 30 anggota terdiri daripada pegawai dan LLP memenangi baucar peralatan rumah bernilai RM 3,000.00.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez Abd Aziz, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany, Timbalan Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Mohd Asghar Khan Goriman Khan TUDM, Ketua Staf Markas ATM, Lt Jen Datuk Mohd Zakaria Hj Yadi, Ketua Pengarah KAGAT, Mej Jen Hj Muhammad Azmi Wahab dan Ketua Pegawai Perniagaan BIMB, Mizan Masram.





## TD Komited Bantu Anggota Dilanda Musibah Banjir

Oleh: Mohammad Nazif Mohd Zuki

Gambar: Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Mangsa Banjir Warga Tentera Darat (TD) Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Divisyen Keempat Infantri Malaysia (4 Div) bertempat di Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) pada 28 Jan 2022.

Seramai 90 anggota TD yang terkesan akibat banjir menerima sumbangan fasa dua berbentuk wang tunai, keperluan harian dan barang elektrik yang terdiri daripada peti sejuk, dapur memasak, cerek dan periuk nasi elektrik serta sepersalinan barang persekolahan diberikan untuk anak-anak yang bersekolah.

Pemberian cerek elektrik menjadi simbolik kepada barang elektrik lain yang akan diperolehi dan perlaksanaan majlis ini adalah sebagai tanda keprihatinan TD buat warganya yang terkesan akibat banjir sejajar dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Pahlawan Mohammad Ab Rahman, Pemangku Panglima Medan Tentera Darat merangkap Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Hj Ya'kob Hj Samiran, Ketua Staf Tentera Darat, Mej Jen Dato' Hj Subari Hj Tomo dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia Markas Tentera Darat, Mej Jen Dato' Sofi Md Lepi.





## **Wisma Bintara ATM Lengkapkan Kemudahan Para PTTK**



Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

Gambar: Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz menzahirkan setinggi-tinggi syukur dan terima kasih kepada Perdana Menteri serta kepimpinan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) atas keprihatinan melengkapkan kemudahan para Bintara ATM.

"Seperti kata pepatah, orang memberi kita merasa, orang berbudi kita berbahasa, saya amat mengharapkan agar penghuni Wisma Bintara ini menghargai dan mendiami

kemudahan tersebut dengan penuh rasa tanggungjawab, memastikan segala peralatan yang ada dijaga dengan penuh hemah dan dihargai sewajarnya agar ia kekal lama untuk diwariskan kepada generasi akan datang.

"Pembinaan Wisma Bintara jelas merupakan suatu manifestasi sokongan jitu serta pengiktirafan pihak kerajaan dan Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) terhadap kepentingan ATM sebagai perisai negara, khususnya kepada para Bintara yang menjadi tulang belakang ATM dalam memastikan maruah dan kedaulatan negara tidak tercela atau dibolosi musuh.



"Yang pastinya pengorbanan, pengabdian serta perjuangan saudara saudari sentiasa dipandang tinggi oleh pihak kerajaan di mana KEMENTAH bersama ATM sentiasa berganding bahu dan teguh bersatu bagi memastikan perisai pertahanan negara terus berkembang dan ampuh.

"Pembangunan dan pemodenan ATM terus diperjuangkan bukan sahaja dalam aspek pemodenan aset ketenteraan bahkan juga dalam aspek kebajikan dan keselesaan warga ATM keseluruhannya," jelasnya.

Beliau berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Perasmian Wisma Bintara ATM di Dewan Wisma Bintara ATM pada 28 Jan 2022.

Tambah Timbalan Menteri Pertahanan lagi, beliau mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian pihak Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) yang

menyumbang sebanyak RM 30 juta dalam projek pembinaan dan infrastruktur Wisma Bintara di bawah program *Corporate Social Responsibility* (CSR) di mana pembinaan tersebut telah berjalan dengan lancar dan wisma dapat didiami dengan selesa.

Wisma Bintara ATM telah ditubuhkan pada tahun 1978 di Jalan Padang Tembak, Kuala Lumpur di mana penubuhan wisma ini sejarah dengan transisi kuasa pemerintahan tentera daripada *HQ Malaya Command* oleh pihak British kepada *HQ Armed Forces* milik Kerajaan Malaysia.

Ianya berperanan sebagai organisasi yang menyediakan kemudahan penginapan, sajian, riadah, sosial dan perkhidmatan hospitaliti kepada Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) ATM yang berkhidmat di KEMENTAH.

Wisma Bintara ATM yang lama telah dirobohkan pada tahun 2013 bagi rancangan pembangunan yang baharu. Bagi PTTK yang menghuni di situ telah ditumpangkan sementara di Blok F, Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT), Desa Pasifik Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

Rancangan pembinaan bangunan wisma yang baharu telah dicetuskan semula pada tahun 2015 bagi menampung peningkatan keperluan penginapan bagi PTTK yang bertugas di KEMENTAH. Acara Majlis Pecah Tanah telah disempurnakan oleh Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein bertempat di tapak lama Wisma Bintara ATM pada 27 Sep 2016.

Bangunan Wisma Bintara ATM yang baharu mula dibina pada 3 Jul 2017 dengan kos pembinaan adalah sumbangan daripada pihak LTAT dan telah siap dibina pada 28 Dis 2020. Wisma ini mula beroperasi pada 16 Jan 2021 dengan keahlian seramai 1,700 Bintara.

Wisma Bintara ATM menyediakan 200 bilik penginapan yang selesa meliputi 70 bilik jenis A dikhaskan untuk Pegawai Waran setaraf manakala selebihnya 130 bilik jenis B diperuntukkan untuk PTTK berpangkat Sjn dan SSjn.

Wisma ini turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan peralatan moden termasuk surau, dewan *banquet*, gelanggang sukan, *gymnasium*, ruang istirahat dan lain-lain kemudahan.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez Abd Aziz, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain mewakili Panglima Angkatan Tentera, Ketua Staf ATM, Lt Jen Datuk Zakaria Mohd Yadi, Pengurus LTAT, Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor (B) dan Pengurus Perbadanan Perwira Harta Malaysia, Jen Tan Sri Dato' Sri Dr Zulkifeli Mohd Zin (B).





## Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat Wilayah Persekutuan

Sumber: Istana Negara

**KUALA LUMPUR:** Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berkenan berangkat ke Istiadat Pengurniaan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Wilayah Persekutuan bagi Tahun 2022 di Istana Negara pada 8 Feb 2022.

Sesi istiadat yang berlangsung pada jam 1000 melibatkan 263 penerima iaitu seorang penerima Seri Utama Mahkota Wilayah (SUMW), 15 penerima darjah Seri Mahkota Wilayah (SMW), 59 penerima Panglima Mahkota Wilayah (PMW), 48 penerima Johan Mahkota Wilayah (JMW), 53 penerima Kesatria Mahkota Wilayah (KMW), 34 penerima Ahli Mahkota Wilayah

(AMW) dan 53 penerima Pingat Pangkuhan Mahkota Wilayah (PPW).

Mendahului senarai penerima Darjah SUMW yang membawa gelaran Datuk Seri Utama ialah Menteri Besar Johor, Datuk Seri Utama Hj Hasni Mohammad.

Timbalan Panglima Tentara Darat (TPTD), Lt Jen Datuk Seri Mohamad Ab Rahman turut dianugerahkan Darjah





Seri Mahkota Wilayah (S.M.W.) manakala AKS Perisikan Markas Tentera Darat, Mej Jen Datuk Hamzah Hj Ali diaugerahkan pingat Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W.).



Penerima Tentera Darat yang lain adalah Brig Jen Fazal Abdul Rahman dan Brig Jen Isa Daud yang dianugerahkan pingat Johan Mahkota Wilayah (J.M.W.).





## PW I TD Merupakan Jambatan Menghubungkan Pegawai Atasan Dan Anggota Bawahan – PTD



Oleh: Mohammad Nazif Mohd Zuki  
Gambar: LKpl Zulkarnain Maxmillan Abdullah dan  
Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Pemakaian Pangkat Pegawai Waran Satu (PW I) Tentera Darat (TD) di Dewan Tanjung, Wisma Transit Kuala Lumpur pada 15 Feb 2022.

Seramai 21 PW II dinaikkan pangkat ke PW I terdiri daripada sembilan PW II Rejimen Askar Melayu Diraja,



empat PW II Rejimen Renjer Diraja, tiga PW II Kor Perkhidmatan Diraja dan seorang PW II masing-masing daripada Rejimen Sempadan, Kor Perkhidmatan Am (Kerani), Kor Perkhidmatan Am (Pendidikan), Kor Kesihatan Diraja dan Kor Risik Diraja.

Dalam ucapan PTD, beliau mengucapkan syabas dan tahniah kepada mereka yang dinaikkan pangkat kerana ianya merupakan suatu pencapaian yang wajar dibanggakan.

“Kenaikan pangkat ini bererti tanggungjawab yang dipikul akan bertambah dan harapan saya agar amanah yang diberi dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan penuh dedikasi.

“Selaku Pegawai Waran I TD, saudara saudari mempunyai peranan penting iaitu menjadi jambatan yang menghubungkan pegawai atasan dengan anggota bawahan dalam mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni dan kondusif agar segala penugasan yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan sempurna,” ujar beliau.



Tambahnya lagi, saudara dan saudari perlu menjadi pemudah cara yang dapat membantu anggota bawahan memahami di mana mereka mampu melaksanakan tanggungjawab dengan baik dan berilah bimbingan yang sewajarnya serta jagalah kebijaksanaan mereka sebilang masa.

“Gunakan kebijaksanaan dan pengalaman masing-masing dalam menghadapi setiap cabaran dan permasalahan yang mendarat serta jadikan nilai-nilai murni seperti sifat amanah, jujur, ikhlas dan berintegriti sebagai pegangan.

“Jika nilai ini dapat diterap dalam jiwa, saudara dan saudari akan dapat menuaikan tanggungjawab yang diberi dengan cemerlang,” tegas PTD.



Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Datuk Seri Pahlawan Mohammad Ab Rahman dan Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan.



## **PTD Rasmi *Eagle Eye 25 M Shooting Range***



*Target Retrieval System* untuk aktiviti menembak bagi jarak 5 hingga 25 m dan terdapat VIP lounge, bilik kawalan, bilik peluru, pantri serta tandas disediakan.

Terdahulu, ketibaan PTD disambut oleh Komander Artileri Divisyen 2 Divisyen (Arti Div 2 Div), diikuti taklimat yang disampaikan oleh wakil Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan Pertahanan (BPKP) sebelum dipersembahkan dengan tayangan video montaj pembangunan lapang sasar tersebut.

PTD menyempurnakan gimik perasmian dengan melepaskan tembakan ke arah piring dan menarik riben pembukaan tirai penamaan lapang sasar *Eagle Eye 25 M Shooting Range*.

Seterusnya, beliau diberi taklimat berhubung hal Perintah Tetap Lapang Sasar serta tatacara penggunaan pistol ketika latihan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

PTD mengakhiri program dengan melaksanakan latihan menembak bersama pegawai-pegawai kanan bagi meningkatkan kemahiran menembak pistol di samping memupuk semangat berpasukan.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan, Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri, Ketua Pengarah BPKP, Mej Jen Dato' Pahlawan Ir Hj Chapiti Hj Redzwan dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Mohd Sofi Md Lepi.



Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi  
Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**PULAU PINANG:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Perasmian *Eagle Eye 25 Metres Shooting Range* di Markas Divisyen Kedua Infantri Malaysia (MK 2 Div) pada 17 Feb 2022.

Lapang sasar tertutup ini menyediakan pelbagai kemudahan seperti lapan *shooting booth* dilengkapi dengan



## PTD Sambut Ketibaan Enam Pesawat MD530G

Oleh: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime  
Gambar: LKpl Zulkarnain Maxmillan Abdullah

**SELANGOR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyaksikan ketibaan enam Pesawat Tempur Ringan bertempat di Subang pada 28 Feb 2022.

Helikopter MD530G yang dibekalkan oleh Syarikat Halaman Optima Sdn Bhd melalui Syarikat Destini Sdn Bhd merupakan pesawat buatan Amerika Syarikat dan dibina oleh MD Helicopter Inc (MDHI).

Pergerakan helikopter ini bermula pada 20 Jan 2022 dari Pelabuhan Oakland, Amerika Syarikat dan selamat tiba di Pelabuhan Klang pada 21 Feb 2022 setelah melalui pelayaran yang mengambil masa selama 31 hari.

Selain membekal enam buah helikopter, kontrak perolehan juga merangkumi program latihan untuk Juruterbang dan Juruteknik Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD).

Seramai lapan juruterbang dan sembilan juruteknik telah menghadiri program latihan tersebut di Mesa, Arizona, Amerika Syarikat bermula pada 26 Apr hingga 11 Jun 2021.

Demi menentukan kualiti pesawat menepati spesifikasi Tentera Darat (TD), satu tim pemeriksaan *Pre-Delivery Inspection* (PDI) telah ditubuhkan pada Jul 2021 dan telah diatur gerak ke Premis MDHI di Mesa, Arizona untuk melaksanakan pemeriksaan bermula pada 6 hingga 17 Dis 2021.

Pemeriksaan merangkumi fizikal pesawat, kefungsian atau keupayaan pesawat, fizikal alat ganti, *Flight Training Device* (FTD) dan fizikal persenjataan.

Pesawat tersebut juga melalui pemeriksaan oleh *Directorate General Technical Airworthiness* (DGTA) yang mengambil masa selama lebih kurang enam hari sehingga 2 Mac 2022.

Seterusnya, enam buah helikopter ini akan melalui proses penerimaan akhir oleh TD di mana Tim *Final Acceptance Test* (FAT) telah ditubuhkan dan akan diperlengkungjawabkan untuk memeriksa pesawat secara terperinci.

Peranan utama helikopter ini adalah sebagai Pesawat Tempur Ringan dan ianya dilengkapi dengan kuasa tembakan jenis *Gatling Gun* 7.62mm, *Heavy Machine Gun* 2.7mm dan *Rocket Launcher* 70mm.

Keupayaan kuasa tembakan yang dimiliki oleh pesawat

ini mampu menggempur kenderaan perisai ringan dan trup infantri dalam jarak 500 meter ke tujuh kilometer dan ketangkasan helikopter ini juga membolehkan ianya melaksanakan tugas tinjauan udara.

Terdahulu dalam ucapan PTD, beliau menyatakan bahawa peningkatan dari segi kesiagaan dan keupayaan TD tetap menjadi agenda utama kerana TD perlu mempunyai aset yang lengkap dalam melaksanakan tugas utama mempertahankan kedaulatan negara.

"Demi mendukung Tonggak Pertama PTD iaitu Kelangsungan Misi Dan Kesiagaan, helikopter ini akan diatur gerakkan untuk membantu ketumbukan tempur TD yang lain di Semenanjung Malaysia dan juga Sabah dan Sarawak," jelasnya.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman dan Ketua Staf TD, Lt Jen Dato' Hj Subari Hj Tomo.



Spesifikasi Helikopter MD530G

Pembuat - MD Helicopter Inc (MDHI), USA.

Kategori - Scout Attack.

Crew + Pax - 2 + 0.

Enjin - Rolls Royce 250-C30 (Single Engine).

Kelajuan - Maksima 110 Knot.

Empty Weight - 855 Kg.

Max Takeoff Weight - 1,701 Kg.

Jarak Penerangan - 426 Km (230 nm).

Endurance - 2.8 Jam.

Peralatan Tinjauan - L3 Wescam MX-10D.

Peralatan Radio - Harris 7850A Radio.

Penerangan Malam - Cockpit With NVG Compatible.



## TD Terima Aset Baharu 2022



Oleh: Riffat Mohd Yusof

Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Penyerahan Aset Tentera Darat (TD) di 92 Depot Kenderaan Pusat (92 DKP), Kem Batu Kentonmen pada 7 Mac 2022.

TD menerima beberapa perolehan baharu bagi Kenderaan Jenis B (KJB) dan persenjataan dalam majlis tersebut yang merupakan Trak 1 Tan GS Cargo, Trak 1 Tan Fitted For Radio (FFR), Trak 3 Tan dan 1 Tan FFR untuk MALBATT 850 serta bas 44 penumpang.

Penerimaan senjata pula adalah sebanyak 280 laras senjata yang diperolehi pada penghujung Feb 2022 melibatkan 40 laras Sniper M107A1 50 Caliber yang akan diserahkan kepada pasukan infantri dan 240 laras FN Minimi 5.56 Mk3 Light Machine Gun untuk kegunaan operasi TD.

Majlis penyerahan kenderaan telah disempurnakan dengan pemberian replika kunci dan replika setiap jenis kenderaan kepada PTD sebagai simbolik penyerahan aset-aset tersebut kepada TD.

Penerimaan aset baharu ini bertepatan dengan Tonggak Pertama Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu Kelangsungan Misi Dan Kesiagaan di mana penumpuan kepada perolehan dan penyelenggaraan aset-aset bagi memastikan kesiagaan tempur TD berada di tahap terbaik untuk sebarang arus gerak operasi.

Turuthadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman dan Ketua Staf Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Subari Hj Tomo.



## Sambutan Hari Wanita Dan Program Wanita Solehah TD Hargai Jasa Dan Khidmat Bakti Anggota

**Gambar:** Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyatakan bahawa Majlis Sambutan Hari Wanita dan Program Wanita Solehah Tentera Darat (TD) Tahun 2022 amat bermakna kerana ia merupakan salah satu cara perkhidmatan menzahirkan tanda penghargaan serta terima kasih kepada seluruh anggota wanita TD di atas segala sumbangan dan khidmat bakti dalam memartabatkan angkatan ini.

Meskipun penglibatan wanita dalam bidang ketenteraan bermula dengan angka yang amat kecil iaitu seramai 40 orang pada tahun 1963, namun angka tersebut kini meningkat sehingga mencecah 7.8 peratus atau bersamaan 6,684 orang daripada keseluruhan warga TD.

Terdahulu, ketibaan PTD disambut oleh Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita Tentera Darat (JKHEWTD), Lt Kol Maslina Abu Said bersama barisan Ahli Jawatankuasa.

"Acara yang dianjurkan ini juga dapat menjadi platform untuk menyampaikan maklumat dan informasi terkini berhubung dengan peraturan serta dasar yang melibatkan anggota wanita TD.

"Selain itu, peluang seperti ini perlu diambil bagi meningkatkan ilmu pengetahuan supaya anggota wanita TD lebih berketerampilan, berintelektual dan berkemahiran untuk meningkatkan diri dari segi ilmu pengetahuan agar kita semua mampu menguasai apa jua bidang dalam usaha menuju ke arah yang lebih cemerlang."

"Wanita TD dilihat semakin relevan dalam pelaksanaan tugas semasa ketenteraan seperti yang digariskan di dalam direktif PTD.

"Oleh yang demikian, peringkat tertinggi TD mengambil inisiatif untuk membangunkan taraf profesionalisme wanita TD dalam bentuk hala tuju strategik," jelas PTD.

Beliau berucap sempena Majlis Perasmian Hari Wanita

TD Ke-57 dan Program Wanita Solehah TD di Dewan Salahuddin Al-Ayubi, Masjid Khalid Al-Walid pada 7 Mac 2022.

Tambah PTD lagi, beliau menyeru kepada seluruh anggota wanita TD untuk meneliti, memahami, memperhalusi dan mengambil tindakan yang bersesuaian berdasarkan tugas dan peranan masing-masing.

"Wanita TD juga hendaklah sentiasa bersedia untuk berkhidmat mengikut piawaian yang ditetapkan oleh TD dan janganjadikan kelembutan wanita sebagai satu alasan kerana di sebalik kelembutan perlu ada sifat ketegasan dalam pelaksanaan tugas sebagai seorang anggota tentera.

"Saya berkehendakkan agar saudari semua terus gagah dan setia memelihara imej TD khasnya dan Angkatan Tentera Malaysia amnya dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang serta elakkan dari melakukan perkara-perkara yang boleh menjadikan kredibiliti kita sebagai sebuah organisasi terbilang," tegasnya.

Majlis diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada PTD yang disampaikan oleh Pengerusi JKHEWTD.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman, Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Lt Jen Dato' (Dr) Zulkeffeli Mat Jusoh, Ketua Staf Tentera Darat, Lt Jen Dato' Hj Subari Hj Tomo dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia merangkap Penasihat JKHEWTD, Mej Jen Dato' Mohd Sofi Md Lepi.



# **305 Unit RKMAT Khusus Buat Warga 4 RAD**

Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi  
Gambar: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime

**JOHOR:** Perdana Menteri (PM), Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak kementerian di atas kejayaan menyempurnakan projek perumahan Rumah Keluarga Malaysia Angkatan Tentera (RKMAT) di Kem Segamat, Johor.

"RKMAT Kem Segamat mula dibina pada 24 Apr 2018 dengan kos mencelah RM 147.7 juta melibatkan 305 unit RKMAT pelbagai kelas untuk kemudahan keluarga pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) pasukan Rejimen Keempat Artilleri Diraja (4 RAD).

"Ia bukan sahaja menyediakan kemudahan perumahan kuarters malah dilengkapi dengan kemudahan awam yang lain seperti surau, dewan serbaguna, taska dan tabika, gelanggang futsal, bola tampar, sepak takraw serta bola jaring.

"Selain itu, bagi memberi lebih keselesaan dan kesejahteraan kepada para anggota, Kementerian Pertahanan telah meluluskan pembinaan Kem Segamat Fasa 2 yang akan dilengkapi lebih banyak fasiliti dan kemudahan termasuk pembinaan bangunan Wisma Perwira, Wisma Bintara dan Pusat Perubatan Angkatan Tentera," jelasnya.

PM berkata demikian ketika berucap dalam Majlis Pelancaran Rumah Keluarga Malaysia Angkatan



Tentera (RKMAT) di Dewan RKMAT Kem Segamat pada 6 Mac 2022.

Tambah beliau lagi, *Blueprint* Perumahan MINDEF 3.0 akan dilancarkan dalam masa terdekat.

"Jumlah RKMAT yang akan dibina di bawah *Blueprint* Perumahan MINDEF 3.0 ini adalah mengikut perancangan menyeluruh yang selari



dengan Aspirasi Keluarga Malaysia iaitu menitikberatkan kesejahteraan hidup setiap keluarga Malaysia yang berbilang bangsa, agama serta budaya,” ujar PM.

Program diakhiri dengan acara penyerahan kunci simbolik RKMAT yang disempurnakan oleh PM kepada tiga penerima yang mewakili pegawai dan anggota LLP dari 4 RAD.

Turut hadir, Menteri Besar Johor, Dato' Hj Hasni Mohammad, Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM dan Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain.





## Kebajikan Warga dan Kesiagaan TD Diutamakan – PTD

Oleh: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime  
Gambar: LKpl Zulkarnain Maximilian Abdullah

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh peringkat pemerintahan dan warga Tentera Darat (TD) kerana menunjukkan komitmen dan kesungguhan untuk merealisasikan Perintah Ulung PTD Ke-28 merangkumi Tiga Prinsip dan Lima Tonggak (3P+5T) yang dijadikan panduan oleh warga TD bagi mencapai visi dan misi.

"Berdasarkan penilaian semasa, beberapa fokus telah ditetapkan untuk dilaksanakan pada tahun 2022 di mana fokus utama adalah dari segi kesejahteraan dan kebajikan warga TD, iaitu salah satunya menambah pembinaan Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) yang akan memberikan manfaat kepada 1,031 keluarga TD.

"Kesejahteraan Keluarga TD Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin telah dipilih sebagai tema Hari Tentera Darat (HTD) Ke-89 kerana ia merupakan faktor moral serta semangat untuk warga TD melaksanakan tugas," jelas PTD.

PTD berkata demikian dalam ucapannya sempena Majlis Pra Pelancaran Sambutan HTD Ke-89 di Wisma Perwira TD pada 21 Feb 2022.

"Panglima Angkatan Tentera (PAT) menggariskan tiga keutamaan yang akan dilaksanakan oleh ATM pada tahun 2022 dengan memberikan keutamaan kepada pelaksanaan empat teras utama iaitu Memperkasakan Kesiagaan ATM, Memperkasakan Warga ATM Yang Cemerlang, Mengukuhkan Keupayaan ATM Dalam Domain Siber dan Menterjemahkan Kertas Putih Pertahanan," jelasnya.

Tambah PTD lagi, TD berada di landasan yang tepat bagi mencapai amanat dan aspirasi yang dizahirkan oleh pihak atasan di mana perancangan serta tindakan yang dilaksanakan oleh TD selari dengan plan strategik Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) serta Kertas Putih Pertahanan.

"Perolehan aset-aset penting seperti enam Mini





*Unmanned Aerial Vehicle, 378 buah Motorsikal scrambler 250cc, 27 buah All Terrain Vehicle (ATV) 250cc, 63 Trak 1 Tan GS Cargo dan Fast Interceptor Craft-Rigid Hull Inflatable Boat juga berjaya meningkatkan kuasa tembak melalui perolehan tahun 2021 yang telah diagihkan kepada pasukan-pasukan untuk melaksanakan misi.*

“Fokus yang kedua adalah meneruskan usaha meningkatkan kesiagaan dan keupayaan TD dengan pemerolehan aset-aset berpandukan pelan jangka panjang *Army4NextG*.

“Fokus ketiga merupakan penstrukturkan dan penyusunan organisasi TD melalui usaha memperkasakan *Chain of Command* dan menyeimbangkan kekuatan aset dengan sumber manusia mengikut nisbah *two third one third*,” ujar PTD.

PTD turut menekankan mengenai kepentingan fokus keempat, iaitu pemerkasaan tadbir urus dan perbelanjaan berhemah bertujuan menghasilkan tadbir urus yang cekap dan berintegriti bagi mencapai sasaran *zero negative comments* terhadap pengurusan organisasi.

“Fokus kelima adalah meningkatkan diplomasi pertahanan dengan kerjasama di peringkat KEMENTAH atau ATM serta menggunakan setiap platform dan mekanisme yang ada untuk menjalinkan hubungan dengan negara-negara yang berkepentingan.

“Akhir sekali, fokus yang keenam ialah komitmen membantu kerajaan dalam *Military Operations Other Than War* (MOOTW) iaitu menangani krisis berbentuk pandemik atau bencana alam melalui kerjasama dengan kerajaan atau agensi awam,” jelas PTD.

Tambah PTD lagi, setiap apa yang dihasratkan sudah tentu akan berhadapan cabaran terutamanya dari segi persekitaran ekonomi yang tidak menentu disebabkan pandemik COVID-19.

Selain itu, TD juga berhadapan cabaran berkaitan kompetensi sumber manusia agar seiring dengan pemodenan organisasi dan perubahan teknologi, di mana pengisian sumber manusia yang berkemahiran amat penting supaya TD dapat terus bergerak selari dengan perkembangan sains dan teknologi.

Cabarannya seterusnya adalah dari segi keyakinan rakyat terhadap TD akibat kepesatan penyebaran maklumat yang pantas dan menuntut TD untuk berusaha meningkatkan kepercayaan dan keyakinan rakyat termasuk melalui media sosial.

Tambah PTD, pelbagai lagi bentuk cabaran adalah bersabit ancaman masa kini seperti bencana alam dan pularan virus, oleh itu TD perlu sentiasa berwaspada dan bersedia supaya bantuan kepada rakyat dapat diteruskan.

Beliau mengakhiri amanat dengan menyeru agar seluruh warga TD di setiap peringkat pemerintahan memberikan kerjasama bagi memastikan segala perancangan tahun 2022 dapat dicapai.

Majlis diteruskan dengan Penyampaian Skrol Amanat PTD kepada Panglima-Panglima Formasi dan siaran lintas langsung dari 12 lokasi penempatan TD di seluruh negara.

PTD kemudian melancarkan MyQuran TD yang mempunyai ciri mengukur skala bacaan Al-Quran individu dan Buku Fiqh Askari untuk memberi panduan kepada warga TD bagi mengerjakan ibadah semasa latihan serta operasi.

Acara diakhiri dengan Perasmian Penyerahan Motorsikal Penguasa Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) sebanyak 10 buah motorsikal berkuasa tinggi.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Hafizuddeain Jantan dan Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Dato' Mardzuki Muhammad.



## Pameran BTDM Sempena HTD Ke-89

Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi

Gambar: Saifun Hakimi Zainon, Pbt Mohammad Fadzil Akirul, Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi dan Riffat Mohd Yusuf

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Perasmian Pameran Sempena Hari Tentera Darat (HTD) Ke-89 anjuran Markas Tentera Darat (MK TD) – Cawangan Perisikan di ruang legar Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) pada 28 Feb 2022.





Objektif utama pameran dilaksanakan bertujuan mengingatkan warga lokaliti KEMENTAH sama ada kakitangan awam mahupun anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan anggota TD khususnya mengenai tarikh penting 1 Mac 1933 untuk dihargai.

Terdahulu, ketibaan PTD di perkaraan KEMENTAH disambut oleh Asisten Ketua Staf Perisikan, Mej Jen Datuk Hamzah Hj Ali selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengangur lalu menyempurnakan gimik pelancaran yang

memaparkan beberapa imej tiga dimensi (3D) menggunakan teknologi holografik sejajar dengan perkembangan teknologi semasa negara.

Seterusnya, PTD diberi taklimat secara *walking brief* oleh AKS Perisikan sambil beliau meninjau galeri pameran di ruang legar KEMENTAH sebelum diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati.

Aktiviti yang berlangsung selama tiga hari mulai 28 Feb hingga 2 Mac 2022 merupakan kolaborasi di antara Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM) dengan TD yang memaparkan pelbagai bahan pameran berbentuk infografik dan artifak seperti Sejarah Penubuhan TD, transformasi pakaian dan kelengkapan TD, perkembangan Army4NextG, transformasi BTDM, termasuk penyediaan *photo booth* serta pemberian cenderahati kepada pengunjung.

Pameran mendapat sambutan yang baik daripada pelbagai peringkat warga kerja KEMENTAH sama ada tentera mahupun kakitangan awam.

Pelaksanaan program ini sejajar dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan TD Dengan Awam.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman dan Ketua Staf TD, Lt Jen Dato' Hj Subari Hj Tomo.





Oleh: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaim

Gambar: LKpl Zulkarnain Maxmillan Abdullah, Pbt Mohammad Shukri Suhaimi, Pbt Mohammad Fadzil Akirul dan Saifun Hakimi Zainon.

**NEGERI SEMBILAN:** Panglima Tentara Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyifatkan demonstrasi dinamik yang dipamerkan merupakan manifestasi Tentara Darat (TD) kepada kerajaan dan rakyat bahawa TD sentiasa bersedia pada sebilang masa dan berupaya melaksanakan segala tugasan





serta misi yang diamanahkan.

"Sepanjang tempoh 89 tahun, TD telah menempa kejayaan demi kejayaan, antaranya menamatkan pemberontakan komunis, mematahkan konfrontasi oleh negara jiran, memainkan peranan signifikan sebagai pengaman di negara-negara bergolak, menggagalkan pencerobohan anasir-anasir pengganas serta menjadi peranan utama dalam usaha membantu rakyat yang terkesan akibat bencana alam.

"Dalam Amanat Tahun 2022, kita telah mencapai banyak kejayaan untuk kelima-lima tonggak yang digariskan hasil daripada kerja keras serta komitmen tinggi yang diberikan oleh seluruh warga TD.

"Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa perkara yang belum dicapai sepenuhnya seperti tertangguhnya beberapa rancangan perolehan, jumlah Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) belum mencukupi,

kelengkapan *Head to Toe* belum mencapai tahap 100 peratus serta kekangan pelaksanaan kerjasama pertahanan akibat penularan wabak COVID-19," ujar PTD dalam perutusannya semasa Perbarisan Sambutan Hari Tentera Darat (HTD) Ke-89 di Padang Kawad Kem Segenting pada 1 Mac 2022.

Tambah beliau lagi, memandangkan aspek meningkatkan kebaikan warga TD akan terus diberi tumpuan, maka tema HTD pada tahun ini, 'Kesejahteraan Keluarga Tentera Darat Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin'.

Secara tidak langsung, pemilihan tema ini seajar dengan amanat yang disampaikan oleh beliau pada 21 Feb lalu yang menggariskan enam fokus iaitu Aspek Kesejahteraan dan Kebajikan Warga TD, Usaha Meningkatkan Kesiagaan dan Keupayaan TD, Penstrukturkan dan Penyusunan Organisasi TD, Pemerkaasan Tadbir Urus dan Perbelanjaan Berhemah, Meningkatkan Diplomasi Pertahanan dan Komitmen TD untuk Membantu Kerajaan dalam *Military Operations Other Than War* (MOOTW).

PTD turut menyatakan cabaran yang mungkin boleh menjelaskan usaha mencapai fokus tahun ini adalah ketidakstabilan persekitaran geo-politik dunia serta ancaman penularan wabak COVID-19 yang masih belum menampakkan pengakhirannya.

"Saya menyeru kepada semua peringkat kepimpinan untuk sentiasa mempersiapkan anggota masing-masing dengan melaksanakan latihan yang berkesan, menerapkan kemahiran-kemahiran khusus serta meneguhkan aspek kerohanian dan jati diri anggota sebagai persediaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan," tegas PTD.





Terdahulu, PTD menerima tabik hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) sebelum diteruskan dengan segmen demonstrasi dinamik yang mempersembahkan 72 aset serta persenjataan membabitkan kenderaan seperti kereta kebal PT 91-M Pendekar, Lipan Bara, kenderaan perisai 8x8 Gempita dan kenderaan perisai berantai Adnan.

Turut dipertontonkan Meriam 105mm LG 1 MK III, Helikopter LOH A109 Agusta, SUPACAT, kendaraan pengangkut senjata VAMTAC, motorsikal Scrambler, 72 Bot Tempur, *Rigid Inflatable Boat* (RIB) dan lain-lain aset.

Selain itu, perbarisan tempur yang berkekuatan seramai 35 pegawai dan 753 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) melibatkan lapan detasmen terdiri daripada detasmen Tempur Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div), detasmen Gerup Gerak Khas, detasmen 10 Briged (Para), detasmen Tempur 3 Div, detasmen Bantuan Tempur 3 Div, detasmen Bantuan Tempur 2 Div, detasmen Bantuan Khidmat 2 Div dan detasmen Wanita TD turut melaksanakan Kawad Berjalan Lalu Dalam Masa Cepat.

Seterusnya, PTD menyempurnakan acara penyampaian Pingat Perkhidmatan Setia (PPS) dan Pisau Tempur TD, Anugerah Khidmat Cemerlang (AKC) 2021 dan Anugerah Kesiagaan Panglima Angkatan Tentera (AKPAT) 2021.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Dato' Mardzuki Muhammad dan Ketua Staf TD, Lt Jen Dato' Hj Subari Hj Tomo serta Pegawai Kanan TD.







## Aktiviti Kerohanian Warnai Sambutan HTD Ke-89

Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi  
Gambar: Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**KUALA LUMPUR:** Seramai 500 pegawai bersama pasangan dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) sekitar Lembah Klang terlibat dalam Program Kerohanian peringkat Tentera Darat (TD) bertempat di Masjid Thariq bin Ziyad, Sg Besi pada 10 Mac 2022.

Program ini dilaksanakan bersempena Hari Tentera Darat (HTD) Ke-89 yang bertemakan 'Kesejahteraan Keluarga TD Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin' dengan niat memohon keredhaan dan keberkatan Ilahi setelah TD berusia 89 tahun.

Terdahulu, acara dimulakan dengan bacaan Yasin, Tahlil dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pengarah Agama MK TD, Brig Jen Zainal Abidin Mohamed Salleh sebelum disusuli dengan Solat Maghrib secara berjemaah.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Perdana Israk Mikraj yang disampaikan oleh penceramah jemputan, Ustaz Mohamad Uda Kassim bertujuan untuk memberi pendedahan secara terperinci mengenai sejarah peristiwa Israk Mikraj dan hikmah serta pelajaran yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut.

Sejurus selesai Solat Isyak, Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan penyerahan cenderahati kepada penceramah jemputan semasa sesi jamuan makan malam di Wisma Perwira TD.

Pelaksanaan program seumpama ini sejajar dengan Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu Tonggak Ketiga, Pelestarian Kesejahteraan Warga dan Tonggak Kelima, Peningkatan Hubungan TD Dengan Awam.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman, Panglima Medan Barat Tentera Darat dan Lt Jen Datuk Hafizuddeain Jantan.





## Pengoperasian IFC Tingkat Keupayaan Perisikan TD



Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi  
Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul dan Riffat Mohd Yusuf

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Majlis Perasmian Pengoperasian *Intelligence Fusion Centre* (IFC) di Cawangan Perisikan, Markas Tentera Darat (MK TD) pada 14 Mac 2022.

Pembangunan IFC ini bertujuan untuk melaksanakan penyatuan maklumat dengan memberi gambaran situasi sebenar menerusi *Common Intelligence Picture* (COP) yang berkeupayaan mendapatkan *Real Time Data* daripada semua elemen *Intelligence Surveillance & Reconnaissance* (ISR).

Selain itu, ianya ber-sandarkan kepada Pelan Pembangunan Keupayaan Strategik TD (Army 4NextG) 2021-2050 dan antara salah

satu daripada manifestasi matlamat keupayaan TD iaitu pengesanan.

Terdahulu, ketibaan PTD di Cawangan Perisikan disambut oleh Asisten Ketua Staf (AKS) Perisikan, Mej Jen Datuk Hamzah Hj Ali lalu dimulakan bacaan doa oleh Pengarah Agama MK TD, Brig Jen Zainal Abidin Mohamed Salleh yang dipaparkan dengan menggunakan teknologi holografik.

Seterusnya, PTD menyaksikan tayangan video gimik perasmian dan montaj keupayaan IFC sebelum mendengar taklimat mengenai Pengenalan Pengoperasian IFC yang disampaikan oleh AKS Perisikan.

PTD turut menandatangani Plat Perasmian Pengoperasian IFC sebelum diakhiri acara penyampaian cenderahati dan sesi bergambar.

Pengwujudan pusat penyatuan perisikan seumpama ini sejarar dengan Tonggak Pertama Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu Kelangsungan Misi dan Kesiagaan.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman, Ketua Staf TD, Lt Jen Dato' Hj Subari Hj Tomo dan Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Mej Jen Mohd Razali Alias.



**89 Tahun**

## RAMD Setia Menabur Bakti Kepada Negara

Oleh: LKpl Zulkarnain Maxmillan Abdullah

Sejarah Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) bermula dengan hasrat Raja-Raja dan Pembesar-Pembesar Tanah Melayu seperti Almarhum DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Muhamad Shah Ibni Yamtuan Antah, Almarhum DYMM Sultan Perak, Sultan Alang Iskandar Shah, Almarhum Raja Di Hilir Perak, Raja Sir Chulan dan Allahyarham Undang Rembau, Datuk Abdullah Hj Damad untuk melihat kedaulatan Tanah Melayu dipertahankan oleh anak bangsa sendiri.

Bermula dari hasrat murni ini, ia disusuli desakan-desakan kepada Pemerintah British untuk menubuhkan pasukan Askar Melayu demi mempertahankan maruah yang semakin tercaltar disebabkan kesan-kesan dari penjajahan.

Hasrat Raja-Raja Melayu telah direalisasikan melalui Persidangan Majlis Mesyuarat Persekutuan pada 23 Jan 1933 di mana Rang Undang-Undang Askar Melayu telah dibentangkan dan diluluskan yang dikenali sebagai Undang-Undang Negeri-Negeri Melayu Bersekutu No. 11 Tahun 1933.

Bagi menyahut seruan untuk mempertahankan ibu pertiwi, lebih dari seribu pemuda-pemuda Melayu dari seluruh pelosok tanah air tampil menawarkan khidmat mereka dan hanya 25 orang sahaja yang berjaya dipilih sebagai pengasas kepada Kompeni Percubaan Pasukan Askar Melayu.

Mereka diarah untuk melapor diri ke Haig Lines, Port Dickson untuk memulakan latihan pada 1 Mac 1933. Skuad Pertama ini telah menjalani latihan dengan penuh gigih dan tabah.

Peristiwa pertempuran di Bukit Chandu pada 14 Feb 1942 telah memperlihatkan bagaimana keperwiraan Lt Adnan Saidi yang mengetuai Pasukan Pertama Rejimen Askar Melayu semasa menentang penaklukan Tentera Jepun ke atas Singapura merupakan satu peristiwa penting yang sukar dilupakan dalam sejarah negara apabila Tentera Jepun melakukan serangan ke atas Bukit Chandu.

Di dalam pertempuran yang sengit ini, anggota Platun No. 7 telah berjuang dengan semangat yang gigih tanpa mengaku kalah. Lt Adnan sendiri mengendalikan senjata Lewis Machinegun dan mara untuk memberi semangat dan perangsang. Walaupun mengalami kecederaan parah, beliau memamerkan semangat juang yang kental untuk terus melawan sehingga ke titisan darah terakhir.

Akhirnya Tentera Jepun berjaya menawan Bukit Chandu dan Lt Adnan telah ditikam dengan bayonet

dan mayat beliau digantung terbalik dengan kepala ke bawah di sebatang pokok.

Keperwiraan Anak Melayu diserahkan lagi dalam satu peristiwa menyayat hati yang berlaku pada 27 Feb 1942, apabila seramai enam orang pegawai Askar Melayu setelah menjadi tawanan perang dibunuh oleh Tentera Jepun di Pasir Panjang disebabkan keengganan mereka meninggalkan pakaian seragam tentera.

Selain pengorbanan yang telah ditaburkan ketika pencerobohan Tentera Jepun semasa Kempen Malaya, Pahlawan-Pahlawan RAMD juga berhadapan dengan pemberontakan Parti Komunis Malaya (PKM) yang ingin menguasai Tanah Melayu.

Rentetan dari beberapa kejadian serangan dan keganasan yang dilakukan oleh PKM, darurat telah diisyitharkan di seluruh Tanah Melayu mulai 1948 sehingga 1960. Tidak lama selepas itu negara



berhadapan pula dengan kempen konfrontasi Indonesia ke atas Malaysia pada tahun 1963 sehingga 1966.

Pergolakan dalaman negara juga turut berlaku apabila rusuhan kaum meletus pada tahun 1969 tetapi tidak berpanjangan. Setelah beberapa ketika memencarkan diri, perjuangan PKM bangkit semula mulai tahun 1969.

Darurat telah diisyiharkan semula dan sekali lagi RAMD memainkan peranan penting untuk memelihara keselamatan negara agar pembangunan dapat diteruskan. Perjuangan ini berterusan sehingga termeterainya perjanjian peletakan senjata oleh PKM di Haadyai, Thailand pada 2 Dis 1989 dan Parti Komunis Kalimantan Utara (PKKU) pada 17 Okt 1990.

Tanggal 1 Mac 1958 merupakan satu tarikh yang penting dalam sejarah RAMD apabila DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Pertama, Tuanku Abdul Rahman Ibni Almarhum Tuanku Muhammad telah menganggerahkan gelaran 'Diraja' kepada Rejimen Askar Melayu di Kem Kepala Batas, Alor Star, Kedah. Penganggerahan ini telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Badlishah, Sultan Kedah sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jubli Perak RAMD.

Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong juga telah diaugerahkan kepada RAMD dan disempurnakan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang Kedua, Tuanku Syed Putera Ibni Almarhum Tuanku Syed Hassan Jamalulail pada hari Sabtu, 23 Mac 1963 dengan penuh adat istiadat ketenteraan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur.

Panji-Panji ini dikurniakan kepada RAMD sebagai lambang kesetiaan kepada raja dan negara selain sebagai tanda penghormatan dan penghargaan negara terhadap kesetiaan dan kecemerlangan anggota rejimen ini yang berjaya menempuh pelbagai cabaran dan pahit getir semasa menjalankan tugas terutamanya semasa pendudukan Jepun, darurat, konfrontasi serta misi-misi pengaman yang dijalankan.

Panji-Panji Diraja ini berwarna kuning serta mempunyai lambang Askar Melayu dan lambang Persekutuan Tanah Melayu. Pertukaran Pertama Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong telah disempurnakan oleh DYMM Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah, Kol Yang di-Pertua di Padang Kawad Pusat Latihan Rekrut, Port Dickson, Negeri Sembilan pada 30 Nov 1991. Ketua Perbarisan pada ketika itu adalah Pegawai Memerintah 1 RAMD, Lt Kol Hamzah Ibrahim.

Pertukaran Kedua Panji-Panji Yang di-Pertuan Agong telah disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Ke-12, DYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Almarhum Syed Putra Jamalullail di Padang Kawad Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur pada 20 Mei 2004 dan Ketua Perbarisan Pegawai Memerintah 1 RAMD, Lt Kol Abdul Basit Abdul Rahman.

Sepanjang perjuangan RAMD ketika menabur bakti dalam menentukan keselamatan negara, pelbagai onak dan duri terpaksa diharungi, kematian dan kecederaan adalah perkara biasa yang mereka lalui. Semua peristiwa ini merupakan satu pengajaran yang penting kepada rakyat Malaysia agar lebih menghargai kedamaian serta kesejahteraan yang dikehendaki ketika ini.

Selain itu, kita perlu menyedari bagaimana pentingnya semangat bekerjasama dalam mewujudkan perpaduan antara kaum kepada semua golongan masyarakat di bumi Malaysia yang tercinta ini supaya kehidupan kita berada dalam keadaan aman damai dan harmoni. Tanpa perjuangan terdahulu daripada pahlawan-pahlawan RAMD ini, kita mungkin tidak dapat menikmati kehidupan yang selesa.



HUT



14 Tahun

## Rejimen Sempadan Semakin Matang

Oleh: Riffat Mohd Yusuf

Gambar: Jabatan Arah Infantri (RS)

**PERLIS:** Pengerusi Rejimen Sempadan (RS), Lt Jen Dato' Hashim Aman Shah mengucapkan penghargaan kepada mantan-mantan pengerusi yang bertungkus lumus dalam mengemudi RS di landasan yang kukuh serta memastikannya menjadi semakin matang setanding kor-kor infantri yang lain.

"Pada hari ini, genaplah 14 tahun usia RS dan saya yakin serta percaya dengan kematangan ini merupakan bimbingan mantan-mantan pengerusi, panglima 30 Bgd dan 31 Bgd serta Pegawai Memerintah yang menjadi nadi dalam rejimen ini.

"Peranan mereka sebagai penggerak utama dalam memimpin dan membangukan RS di masa lalu telah melonjakkan rejimen ini sehingga ke tahap yang membanggakan pada hari ini.

"Setiap kor dan rejimen dalam Tentera Darat (TD) mempunyai peranan yang berbeza tetapi tetap bermatlamatkan keutuhan dan kemantapan organisasi kerana hanya dengan organisasi yang mantap dan kukuh sahaja dapat memberi keyakinan kepada rakyat bahawa TD mampu melindungi kedaulatan negara," katanya.

Pengerusi RS berkata demikian ketika menyampaikan perutusannya semasa Perbarisan Hari Ulang Tahun (HUT) RS Ke-14 di Padang Kawad Kem Bukit Cowder pada 12 Jan 2022.

Beliau juga menyeru agar seluruh warga RS untuk meletakkan iltizam dan komitmen dalam memperkuuhkan kesetiaan kepada pucuk pimpinan TD dan perkhidmatan.

"Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pucuk pimpinan tertinggi TD yang telah meluluskan penstrukturkan semula Batalion Rejimen Sempadan (BRS) kepada Batalion Infantri Standard (BIS) dan kini RS setaraf dengan Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) dan Rejimen Renjer Diraja (RRD).

"Dalam aspek penugasan operasi dan pentadbiran, laporan-laporan tangkapan dan rampasan jelas membuktikan profesionalisme yang dizahirkan oleh RS dan di kesempatan ini saya mengucapkan tahniah kepada Batalion Keempat Rejimen Sempadan dengan kejayaan membuat rampasan dadah jenis syabu seberat 402 kg yang bernilai RM 16 juta pada 8 Feb 2021 manakala Batalion Kelima Rejimen Sempadan pula merampas seberat 61 kg bernilai RM 2 juta pada 9 Apr 2021 dalam OP BENTENG Zon Utara kawasan OP MERPATI 8 Bgd, Kelantan.





"Kejayaan ini telah memberi impak signifikan yang besar kepada TD seterusnya berjaya mengharumkan nama RS dengan mendapat pengiktirafan daripada pucuk pimpinan TD," jelasnya.

Terdahulu Pengurus RS menerima tabik hormat daripada kontjen perbarisan terdiri daripada 15 pegawai dan 167 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) RS yang diketuai Pegawai

Memerintah Batalion Pertama Rejimen Sempadan dalam Perbarisan Sambutan HUT RS Ke-14 bertempat di Padang Kawad Markas Briged Ke-30 Infantri Malaysia pada 12 Jan 2022.

Acara diteruskan dengan Majlis Penyampaian Saguhati kepada Pegawai Memerintah 4 RS dan 5 RS sebagai tanda penghargaan di atas kejayaan pasukan melakukan rampasan dadah yang terbesar sewaktu operasi.

Turut hadir, Panglima 30 Bgd, Brig Jen Mohd Zaki Abu, Panglima 31 Bgd, Brig Jen Hj Abdul Jalal Zaidi Abdul Majid dan Pengarah Infantri, Brig Jen Asri Shukor.





## 27 Tahun PUTD Kekal Efektif dan Relevan

Oleh:Pbt Mohammad Fadzil Akirul  
Gambar: LKpl Zulkarnain Maximilian Abdullah

### Sejarah Penubuhan

Penubuhan sebuah Pasukan Udara di Kluang khusus untuk Tentera Darat (TD) telah dirancang sejak awal tahun 80an. Berdasarkan perkembangan pada waktu itu dan beberapa faktor yang tidak dapat dielakkan, rancangan tersebut terpaksa ditangguhkan.

Penubuhan Pasukan Udara Tentera Darat (PUTD) diusulkan semula pada awal tahun 1994 dan diluluskan oleh Jawatankuasa Panglima-Panglima (JPP) yang Ke-289 dalam mesyuarat pada 12 Apr 1994 dan seterusnya membawa kepada penubuhan nukleas Tim Projek PUTD pada 1 Jul 1994.

Tugas utama Tim Projek ini untuk menentukan proses penubuhan PUTD dapat dilaksanakan mengikut jadual. Tanggungjawab ini meliputi pembangunan infrastruktur, sumber manusia, latihan juruterbang, anggota teknikal dan lain-lain bidang kepakaran udara.

Selain itu, Tim Projek juga bertanggungjawab merumuskan rancangan komprehensif jangka panjang PUTD dan bertindak sebagai cawangan udara untuk urusan pentadbiran anggota yang berkhidmat dengannya.

Di awal penubuhannya, Tim Projek PUTD dianggotai oleh 14 pegawai dan 10 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di mana lima pegawai adalah berstatus tumpangan sementara daripada TUDM.

Majlis Angkatan Tentera (MAT) Ke-337 dalam mesyuarat pada 27 Feb 1995 telah merestui penubuhan PUTD. Berikutan kelulusan ini, satu acara telah dilaksanakan pada 11 Mac 1995 bertempat di PU TUDM Kluang di mana majlis yang bersejarah ini dirasmikan oleh Menteri Pertahanan pada ketika itu, Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak.

Asas penubuhan Skuadron ini adalah penyerahan 10 Helikopter Allouette MK III oleh TUDM kepada TD dan pada masa yang sama, TUDM turut menumpangkan seramai tujuh pegawai dan 31 anggota LLP yang meliputi Juruterbang, Jurutera Pesawat, Anggota Logistik, kawalan trafik udara dan bomba. Kehadiran anggota-anggota ini telah membantu TD dalam fasa kritis penubuhan PUTD, memberi tunjuk ajar dan





memindahkan budaya aviasi kepada anggota TD yang berkhidmat dengan PUTD.

PUTD memulakan operasi penerangan pada 11 Mac 1995. Apabila tertubuhnya pasukan ini, sebahagian daripada Pengkalan Udara Kluang telah diserahkan oleh TUDM kepada PUTD pada bulan Jan 1996 dan 881 Skuadron diisytiharkan beroperasi sepenuhnya pada 29 Mac 1997.

PUTD terus mengorak langkah untuk mempertingkatkan lagi usaha-usaha dalam membangunkan pasukan mengikut perancangan yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, beberapa pegawai TD telah dihantar untuk menghadiri Kursus Asas Penerangan.

Seramai tiga pegawai dari kumpulan kedua telah mengikuti Kursus Asas Penerangan di Kolej TUDM, Alor Setar dari 1 Sep 1995 hingga 30 Ogos 1996 manakala kumpulan ketiga Juruterbang TD yang terdiri daripada enam pegawai telah menjalani Latihan Asas Penerangan di United States Army Aviation Centre Excellence, Fort Rucker, Alabama, USA mulai 6 Mei 1996 hingga 21 Mac 1997.

Hasil usaha gigih ini akhirnya membawa kejayaan apabila PUTD diisytiharkan bertaraf operasi oleh Menteri Pertahanan pada ketika itu iaitu, Dato' Syed Hamid Albar Syed Jaafar di 881 Skn PUTD, Kem Mahkota, Kluang. Pada hari bersejarah tersebut juga Menteri Pertahanan turut merasmikan penggunaan Beret Biru PUTD untuk anggota-anggotanya.

### Sambutan Hari PUTD Ke-27

Pada tahun 2022, PUTD menjangkau usia 27 tahun dan seperti kebiasaan apabila sesebuah pasukan menyambut hari ulang tahun, maka pelbagai aktiviti dan acara-acara rejimental akan diadakan sebagai tanda mengingati agar ianya

dapat meninggalkan kenangan serta rujukan pada masa hadapan.

Seramai 12 pegawai dan 147 anggota LLP daripada Jabatan Arah PUTD, Rejimen 881 PUTD dan Tim Nukleus Rejimen 882 PUTD terlibat dalam Perbarisan Hari PUTD Ke-27 yang disempurnakan oleh Pengarah PUTD, Brig Jen Yazid Yusuf di Padang Kawad Rejimen (Rej) 881 PUTD pada 11 Mac 2022.

Terdahulu, sebaik ketibaan Pengarah PUTD, beliau menerima tabik hormat dari kontjen perbarisan melibatkan tiga detasmen yang diketuai oleh Lt Kol Ahmad Hisham Mohd Hedzir lalu memeriksa perbarisan dan kemudian menyampaikan ucapan sempena sambutan Hari PUTD Ke-27.

Pengarah PUTD menjelaskan selama 27 tahun kewujudan pasukan, visi untuk menjadi satu kuasa dimensi ketiga yang berupaya untuk beroperasi secara bersama di era peperangan dan misi untuk memberi keupayaan taktikal udara yang efisien dan efektif kepada Tentera Darat (TD) tetap kekal dan relevan.

"Setiap pegawai dan anggota dalam PUTD hendaklah sentiasa mengekalkan tahap kemahiran mereka pada sebilang masa mengikut *standard* yang ditetapkan di mana setiap prosedur dan peraturan yang digariskan berlandaskan etika penugasan masing-masing.

"Kegagalan untuk mengekalkan *standard* dan tahap profesionalisme di dalam bidang masing-masing pastinya akan memberi kesan ke atas keselamatan anggota serta aset sedia ada dan yang lebih serius apabila melibatkan kecederaan serta kehilangan nyawa," tegasnya.

Tambahnya lagi, TD telah menyambut Hari Tentera Darat (HTD) Ke-89 dengan tema 'Kesejahteraan Keluarga TD Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin' membawa maksud bahawa semua peringkat anggota hendaklah sentiasa menjaga diri sendiri, keluarga dan organisasi.

"Dengan terjaminnya kesejahteraan keluarga, maka anggota TD akan lebih bersemangat untuk berada di bariisan hadapan bagi mempertahankan kedaulatan negara.

"Mengambil semangat dari tema ini, PUTD akan meningkatkan kesiagaan di dalam membantu TD mempertahankan negara kita yang tercinta ini," katanya.

Perkembangan terkini adalah ketibaan enam buah pesawat baharu MD530G yang dipersembahkan kepada media pada 28 Feb 2022 merupakan perolehan aset baharu yang akan mengukuhkan visi dan misi PUTD.

Sebagai persediaan pengoperasian pesawat MD530G, penubuhan sebuah pasukan baharu iaitu Rej 883 PUTD Ad-Hoc telah diluluskan dan buat masa sekarang pesawat dan rejimen tersebut akan berada bersama Rej 881 PUTD.

Turuthadir, Pegawai Memerintah Rej 881 PUTD dan Pegawai Memerintah Tim Nukleus Rej 882 PUTD.





## DSA & NATSEC Kembali Di Malaysia International Trade and Exhibition Centre

Oleh: Riffat Mohd Yusof

Gambar: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime, Pbt Mohammad Fadzil Akirul, Pbt Mohammad Shukri Suhaimi dan Pbt Muhammad Shafirin Mohd Radzi

**KUALA LUMPUR:** Menteri Kanan Pertahanan, Dato' Seri Hishammuddin Tun Hussein menyatakan bahawa hasil penganjuran *Defence Services Asia* (DSA) dan *National Security* (NATSEC) Asia 2022 yang merupakan pameran pertahanan dan keselamatan terkemuka dunia menyaksikan majlis menandatangani kontrak, *Letter of Acceptance* (LOA), *Letter of Intent* (LOI) dan *Memoranda of Understanding* (MoU), bernilai lebih dari RM 4.6 billion, sekaligus memperkuatkan lagi kerjasama serantau antara negara ASEAN dengan industri pertahanan dan keselamatan global.

Meskipun pameran tersebut tidak dibuka untuk orang ramai, terdapat seramai 33,147 orang rakan dagangan, 350 delegasi luar negara serta lebih 1,000 syarikat dan 20 pavilion antarabangsa telah menyertai pameran ini.

"Selain itu, perjumpaan bilateral yang diadakan bersama Kementerian Pertahanan lima negara iaitu Indonesia, Filipina, Singapura, Brunei dan Maldives turut memberikan impak yang positif antaranya membincangkan isu persempadanan negara, usaha untuk membangunkan industri pertahanan, kerjasama pertahanan melalui latihan bersama dan isu-isu yang melibatkan kepentingan bersama.

"Malaysia, Indonesia dan Filipina secara dasarnya bersetuju agar Perjanjian Kerjasama Trilateral (TCA) perlu dikembangkan menjadi perjanjian kuartet dengan pembabitan Brunei di mana negara berkenaan sedang menunggu perkenan Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah untuk merealisasikan hasrat berkenaan.

"Seterusnya, mesyuarat bilateral bersama Indonesia semasa DSA dan NATSEC 2022 membawa kepada persetujuan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Am Sempadan Malaysia-Indonesia (MALINDO) pada Julai ini berhubung isu pos kawalan bersepada," jelasnya.

Menteri Kanan Pertahanan berucap ketika menyempurnakan Majlis Penghargaan dan Pengumuman DSA dan NATSEC Asia 2024 di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) pada 31 Mac 2022.





Tambah beliau lagi, DSA dan NATSEC Asia 2024 akan diadakan dalam masa dua tahun lagi dan dijadualkan bermula pada 6 hingga 9 Mei 2024.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda (SPB) Yang di-Pertuan Agong XVI, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah turut berkenan mencemar duli menyaksikan pameran DSA dan NATSEC pada 28 Mac 2022.

Baginda meluangkan masa selama dua jam meninjau pusat pameran di samping menyantuni para kakitangan syarikat-syarikat pemamer industri pertahanan tempatan dan luar negara antaranya Deftech DRB-Hicom Defence Technologies Sdn Bhd, Mildef International Technologies dan Turkish Aerospace.

KDYMM juga berkenan menamakan sebuah prototaip kenderaan berperisai Rentaka 4x4 Mildef yang dilhamkan dari sebuah meriam Melayu lama.

Kenderaan seberat lebih 8,000 kg itu dibina sepenuhnya di negara ini oleh syarikat milik penuh Bumiputera yang mana ianya dicipta bagi menggantikan peranan Radpanzer Condor.

Turut hadir, Menteri Dalam Negeri, Dato' Sri Hamzah Zainuddin, Panglima Angkatan Tentera, Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi Buang TUDM, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Dato' Sri Muez Abd Aziz, Ketua Polis Negara, Tan Sri Acryl Sani Hj Abdullah Sani, Panglima Tentera Darat, Jen Tan Sri Dato' Sri Zamrose Mohd Zain, Panglima Tentera Laut, Laksamana Tan Sri Mohd Reza Mohd Sany dan Panglima Tentera Udara, Jen Dato' Sri Mohd Asghar Khan Goriman Khan TUDM.



## Eksesais HARINGAROO Kukuhkan Hubungan Pertahanan Malaysia dan Australia

Oleh: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zame  
Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**PAHANG:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMBTD), Lt Jen Datuk Hafizuddeain Jantan menzahirkan rasa bangga dan syabas atas kejayaan pegawai dan anggota Batalion Ketujuh Rejimen Renjer Diraja (Mekanize) (7 RRD (Mek)) yang menamatkan latihan bilateral bersama Tentera Darat Australia.

"Saya mengucapkan syabas kepada semua yang terlibat dalam latihan," jelas PMBTD ketika berucap semasa Penutup Eksesais HARINGAROO Siri 72/2022 di Felda Triang pada 11 Feb 2022.

Tambah PMBTD lagi, latihan yang dilaksanakan membuktikan bahawa Tentera Darat (TD) sentiasa komited melaksanakan latihan bilateral bersama negara asing.

"Objektif utama eksesais ini adalah untuk memupuk semangat kerjasama, setiaikawan dan persefahaman





## LATIHAN

antara kedua-dua angkatan tentera yang meliputi aspek pelaksanaan latihan bersama dan hubungan dua hala Malaysia dan Australia.

"Saya yakin sepanjang pelaksanaan eksesais, pegawai dan anggota tentera kedua-dua negara telah memperkenan sikap profesionalisme yang tinggi dan terbaik merangkumi segala aspek pengetahuan, disiplin, pelaksanaan tugas, tatatertib serta meningkatkan pengetahuan ketenteraan" ujarnya.

PMBTD menyeru semua pegawai dan anggota yang terlibat untuk menjadikan eksesais ini sebagai platform untuk meningkatkan kompetensi dalam pelaksanaan tugas pada masa hadapan.

"Walaupun negara sedang menghadapi cabaran penuhan COVID-19 semenjak tahun 2020, ianya tidak menjadi penghalang untuk kita mencari alternatif dalam mencapai Tonggak Keempat Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pengukuhan Hubungan Pertahanan melalui Kerjasama Dua Hala Serantau dan Antarabangsa.


Terdahulu, PMBTD menerima tabik hormat daripada detasmen perbarisan yang diketuai oleh Mej Mohd Nazamuddin Mohmad Razali melibatkan lima pegawai dan 115 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 7 RRD (Mek) serta anggota 134 Rifle Company Butterworth (134 RCB) TDA.


Eksesais ini berkonsepkan gerak mara Mekanize yang melibatkan Kenderaan Jenis A (KJA) pasukan bawah naungan Briged Keempat Infantri Malaysia (Mekanize) (4 Bgd (Mek)).

Ianya merupakan siri latihan bilateral melibatkan TD dan TD Australia dalam perkongsian ilmu pengetahuan serta pengalaman dalam aspek doktrin, teknik, taktik dan prosedur dalam perlaksanaan operasi Mekanize.

Turut hadir, Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Dato' Zahari Mohd Ariffin dan Penasihat Pertahanan Australia, Colonel Brandon Woods.







## Eksesais MANTIS Latih TD Tangani Situasi Sebenar Ancaman CBRNe

Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi

Gambar: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime dan Riffat Mohd Yusuf

**KUALA LUMPUR:** Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Datuk Seri Mohammad Ab Rahman menyaksikan Latihan Akhir Eksesais MANTIS Siri 8/2022 di Stesen Mass Rapid Transit (MRT) Cochrane, Cheras pada 19 Mac 2022.

Latihan ini merupakan kerjasama bilateral di antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dengan Angkatan Tentera Kanada (ATK) melibatkan kolaborasi bersama agensi awam yang turut dijadikan sebagai latih amal Pelan Tindakan Kecemasan daripada pihak Rapid Rail Sdn Bhd.

Objektif eksesais dilaksanakan adalah untuk menguji tahap kesiapsiagaan staf MRT dengan penglibatan Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan beberapa agensi awam lain dalam menghadapi sebarang insiden atau ancaman serta membantu mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) berkaitan *Safety and Security*.


Konsep eksesais ini menjurus kepada Operasi Melawan Keganasan dalam situasi ancaman *Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive* (CBRNe) di Stesen Keretapi bawah tanah dan tempat parkir kendaraan.


Eksesais ini menguji tahap keupayaan pasukan Skuadron Ke-12 Rejimen Askar Jurutera Diraja (12 Skn RAJD) sebagai Tim CBRNe, 21 Grup Gerak Khas (21 GGK) dan Canadian *Special Operation Forces Command* (CANSOFCOM) sebagai Tim Penggempur serta pasukan perubatan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam menangani rampasan keretapi oleh pengganas melibatkan tebusan orang awam.

Pelaksanaan latihan seumpama ini sejajar dengan Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Tonggak Pertama, Kelangsungan Misi Dan Kesiagaan, Tonggak Keempat, Pengukuhan Hubungan Pertahanan

serta Tonggak Kelima, Peningkatan Hubungan TD Dengan Awam.

Turut hadir, *Group President* dan *Chief Executive Officer* (CEO) Prasarana Malaysia Berhad, Tuan Mohd Azharuddin Mat Sah, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan, Canadian *Defence Advisor*, Lt Col Jason King dan Komander Jurutera Medan Barat, Mej Jen Ir Abdul Hamid Mohd Isa.





# Eksesais SEMANGAT BERSATU

## Lambang Kesepaduan Dua Negara



Oleh: Riffat Mohd Yusuf  
Gambar: LKpl Zulkarnain  
Maxmillen Abdullah dan Pbt  
Mohammad Fadzil Akirul

**JOHOR:** Seramai 41 pegawai dan 441 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) daripada pasukan naungan Briged Ketujuh Infantri Malaysia (7 Bgd) dan sembilan pegawai serta 85 anggota LLP daripada 1st Batalion Singapore Guard terlibat dalam Perbarisan Penutup Eksesais SEMANGAT BERSATU Siri 26/2022 di Felda Ulu

Tebrau pada 24 Mac 2022.

Majlis penutup eksesais disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain bersama Panglima Tentera Darat Singapura (PTDS), Brig Jen David Neo Chin Wee.

Eksesais ini merupakan latihan bilateral di antara Tentera Darat (TD) dengan Tentera Darat Singapura (TDS) yang dilaksanakan pada setiap tahun secara bergilir semenjak tahun 1990.

Penglibatan peserta Eksesais SEMANGAT BERSATU pada tahun ini terdiri daripada Batalion Keenam Rejimen Renjer Diraja (6 RRD), Batalion Kelima Rejimen Askar Melayu Diraja (5 RAMD), 10 RAMD, Rejimen 501 Askar Wataniah (Rej 501 AW) dan Trup Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (Trup 3 Div).

Konsep eksesais ini adalah menjurus kepada Operasi Ofensif dalam peperangan konvensional melibatkan dua fasa iaitu gerak mara dan serangan bermula pada 18 Mac 2022.

Semasa penutup eksesais, senario serangan terhadap kubu pertahanan musuh dilaksanakan di dalam fasa ofensif bertujuan bagi menguji tahap kecekapan dan pengetahuan setiap peserta.

Eksesais ini telah berlangsung selama seminggu dan mengikuti Prosedur Operasi Standard (SOP) COVID-19 di mana pegawai dan anggota dari kedua-dua negara menjalani kuarantin kendiri selama tujuh hari sebelum pelaksanaan eksesais bagi memastikan peserta berada dalam keadaan sihat dan selamat.

Terdahulu ketika menyampaikan ucapan penutup, PTD mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada PTDS, Brig Jen David Neo Chin Wee di atas pelantikan beliau sebagai PTDS pada 10 Mac 2022 dan kesudian beliau hadir dalam penutup latihan kali ini.

"Melalui latihan ini, persahabatan dan persaudaraan kita yang terjalin dapat diperkuatkan lagi, saya percaya bahawa bidang ilmu yang luas telah disampaikan dan dibudayakan melalui perkongsian maklumat dan pengalaman semasa pelaksanaan latihan ini."

"Latihan ini sememangnya menyediakan pendedahan dan pengajaran yang tidak ternilai, termasuk peningkatan kerjasama antara TD dan TDS", jelasnya.

Tambah PTD lagi, latihan ini bertujuan menguji fungsi pasukan infantri dengan penglibatan pelbagai elemen Tempur dan Bantuan Tempur dalam menangani sebarang ancaman di samping mencapai kerjasama bilateral sesama negara.

Majlis penutup eksesais telah disempurnakan oleh PTDS dengan acara penanggalan Toha kemudian diikuti acara pertukaran cenderahati antara PTD dan PTDS.

Melalui kerjasama hubungan ketenteraan ini dapat meningkatkan kerjasama di antara Malaysia dan Singapura serta dapat berkongsi pengetahuan, teknologi peralatan dan kepakaran.

Turut hadir, Panglima Medan Barat Tentera Darat, Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan, Panglima Latihan Tentera Darat, Mej Jen Dato' Nazari Abd Hadi dan Panglima 7 Bdg, Brig Jen Mohamad Suria Mohamad Saad.



# OP DAULAT: Insiden Berdarah Lahad Datu



Oleh: Kapt Mursyideen Ahmad Iskandar Shah

**P**encerobohan ke atas persempadanan negara oleh sekumpulan pengganas yang menggelarkan diri mereka sebagai ‘Tentera Sultan Sulu’ bermula pada 9 Feb 2013 di Kampung Tanduo, Lahad Datu, ia merupakan ancaman keselamatan terhadap kedaulatan negara tahap tertinggi selepas Peristiwa Konfrantasi 1963. Walaupun peristiwa pencerobahan dan keganasan bersenjata di Lahad Datu tersebut telah berjaya diatasi melalui pendekatan penyelesaian ketenteraan oleh Pasukan Keselamatan (PK) Malaysia, namun secara implisitnya, kewaspadaan dan pengurusan kawalan terhadap pertahanan dan keselamatan negara memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh mencakupi aspek militer dan bukan militer.

Dalam erti kata lain, aspek keselamatan kedaulatan negara tidak hanya boleh ditangani semata-mata berdasarkan kepada pendekatan militer. Suatu dimensi yang

Pada 1 Mac 2013, Lahad Datu digemparkan dengan tembakan senjata api sehingga mengorbankan dua anggota komando polis VAT 69 di Kampung Tanduo, Lahad Datu manakala enam anggota polis terkorban serta meraugut nyawa 12 pengganas dalam serang hendap di perkampungan air Kampung Sri Jaya Simunul, Semporna pada 2 Mac 2013. Terpukul dengan keganasan yang dipamer oleh kumpulan pengganas ini, Op DAULAT dilancarkan di mana pasukan keselamatan negara menggempur kubu mereka dengan serangan udara dan darat pada 5 Mac 2013. Perdana Menteri (PM) semasa itu turut menegaskan agar pengganas meletak senjata tanpa syarat dan memberi amaran bahawa mereka sedang berhadapan dengan negara berdaulat.

Atas dasar mempertahankan negara, PM telah mengumumkan penubuhan Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) yang merangkumi daerah Kudat, Tawau, Kunak, Sandakan dan Lahad Datu dan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE) sebagai landasan perundangan



boleh kita katakan sebagai ‘rahmat’ di sebalik pencerobohan tersebut adalah kesedaran terhadap keperluan untuk melihat ancaman terhadap keselamatan kedaulatan negara dari aspek yang lebih luas melangkaui aspek dan batasan ketenteraan persempadanan Malaysia khususnya di Wilayah Timur. Tarikh 1 dan 2 Mac 2013 akan kekal dalam sejarah negara sebagai detik hitam yang menyaksikan kedaulatan negara dicabar dan serangan dibuat oleh penceroboh menyebabkan sepuluh wira tanah air gugur semasa mempertahankan negara.

Krisis pencerobohan Lahad Datu 2013 bermula apabila sekumpulan pengikut Jamalul Kiram III yang mendakwa waris sah Kesultanan Sulu telah menceroboh dan mendarat di Kampung Tanduo, Lahad Datu pada 9 Feb 2013 bagi menuntut Sabah dikembalikan ke wilayah Kesultanan Sulu. Kumpulan ini turut mendakwa bahawa sebelum Sabah diambil oleh British, ianya berada di bawah pemrintahan Kesultanan Sulu. Namun, pendekatan melalui toleransi Malaysia jelas tercabar kerana walaupun telah berunding dengan kumpulan itu pada 14 Feb 2013, mereka enggan berganjak sekalipun tempoh mereka diminta meninggalkan Malaysia berakhir pada 26 Feb 2013.

kepada penubuhan ESSCOM.

Op DAULAT turut menyaksikan penangkapan beberapa individu yang didapati bersekongkol dengan kumpulan pengganas terbabit selain anggota militan itu sendiri yang keluar daripada persembunyian selepas digempur. Pada 21 Mac 2013, lapan rakyat Filipina dihadapkan ke mahkamah dan berdepan hukuman mati serta penjara seumur hidup atas tuduhan melancarkan perang ke atas Yang di-Pertuan Agong dan menganggotai kumpulan pengganas.

Seramai 443 orang turut dilapor ditahan kerana masuki zon merah kawasan Op DAULAT dan pelbagai kesalahan manakala 173 ditahan mengikut Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA). Sebagai menghargai pengorbanan wira-wira yang gugur, PM mengumumkan kenaikan pangkat kepada mereka. Secara keseluruhannya, insiden berdarah itu juga meragut nyawa 68 anggota militan dalam pertempuran manakala PK melibatkan dua anggota ATM dan lapan anggota polis telah terkorban demi mempertahankan kedaulatan negara.

Dua anggota ATM yang terkorban iaitu Pbt Ahmad



# SEJARAH




Hurairah Ismail, 24, yang gugur semasa pertempuran dan Pbt Ahmad Farhan Ruslan, 21, yang meninggal dunia dalam kemalangan jalan raya semasa bertugas, masing-masing dinaikkan pangkat Kpl. Enam anggota polis pula ialah Supt Ibrahim Lebar (ACP), ASP Michael Anak Padel (DSP), Sjn Abdul Aziz Sarikon (SM), LKpl Mohd Azrul Tukiran (Kpl), Sjn Baharin Hamit (SM) dan Kpl Salam Tugiran (Sjn).

PM menyifatkan pencerobohan pengganas Sulu di Lahad Datu sebagai peristiwa yang bukan sahaja membuka mata kerajaan, tetapi juga seluruh rakyat Malaysia, terutama di Sabah, tentang betapa pentingnya meningkatkan persiapan untuk menghadapi ancaman luar. Al-Fatihah untuk semua wira-wira negara yang terkorban.

Kesimpulannya krisis pencerobohan ini jelas menunjukkan bahawa dalam konteks keselamatan nasional di Malaysia sejak negara mencapai kemerdekaan, ancaman yang ditimbulkan oleh pengganas Sulu ini merupakan elemen penting yang memainkan peranan dalam isu keselamatan di Malaysia. Insiden ini sekaligus memberikan gambaran bahawa pendekatan holistik adalah alternatif penting untuk memahami isu dan masalah persoalan keselamatan di negara ini. Sekaligus menunjukkan bahawa pendekatan ketenteraan semata-mata belum cukup untuk mengurangkan kadar ancaman yang ditimbulkan oleh pengganas seperti yang ditunjukkan dalam insiden Kampung Tanduo ini.





# Transformasi Muzium TD

Muzium TD merupakan satu-satunya muzium yang mempamerkan artifak-artifak dan sejarah ketenteraan di Malaysia. Pada tahun 1999, Tentera Darat (TD) mula serius merealisasikan hasrat memiliki sebuah muzium menyimpan segala sejarah perjuangan TD. Bermula dengan penubuhan Nukleus Tim Projek Muzium TD yang terdiri daripada lima pegawai dan lima anggota Lain-Lain Pangkat (LLP). Kemudiannya Jawatankuasa Induk Muzium TD ditubuhkan dan berganding bahu dengan Nukleus Tim Projek Muzium TD untuk menghasilkan Rancangan Pembangunan Muzium TD yang lengkap.

TD mula membina muzium dengan mengubah suai dua buah bangunan lama di Pusat Latihan Asas Darat (PUSASDA) pada tahun 2002. Pemilihan lokasi di Port Dickson diputuskan dalam Mesyuarat JKPTD Siri 1/2000 bertarikh 20 Jan 2000. Ini adalah bersesuaian dengan kedudukannya sebagai satu destinasi pelancongan dan mampu menarik semua lapisan pengunjung tempatan dan luar negara di mana Port Dickson juga telah diisytiharkan sebagai Bandar Tentera Darat pada 27 Apr 2012 oleh Menteri Besar

Negeri Sembilan.

Dengan berkonsepkan gabungan proses pembelajaran dan penyampaian maklumat, Muzium TD berupaya menarik perhatian pengunjung dengan elemen berteraskan konsep informatif dan interaktif.

Setelah hampir empat fasa pembinaan bermula tahun 2000, Muzium TD tersergam kukuh bersendikan semangat perjuangan pahlawan-pahlawan terdahulu. Muzium TD telah dirasmikan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke-XII, Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Jamalullail pada 28 Jun 2005 bersamaan 21 Jamadilawal 1426H.

Mengimbau kembali, idea untuk membangunkan sebuah Muzium TD di Port Dickson tercusus pada tahun 1999 oleh Panglima Tentera Darat Ke-18, Jen Tan Sri Md Hashim Hussein. Namun ianya tidak dapat dilestarikan kerana kegawatan ekonomi dan pada masa yang sama wujud idea penubuhan Memorial Kemerdekaan Negara di sekitar Kuala Lumpur.

Objektif utama pembangunan Muzium TD adalah untuk mendokumenkan segala fakta sejarah ketenteraan tanah air melalui sistem teknologi masa kini selain menyimpan khazanah maklumat bagi membantu pembentukan jati diri dan semangat juang untuk warga tentera dan rakyat Malaysia. Berpegang kepada objektif utama mungkin tidak cukup untuk Muzium TD berkembang lebih jauh, lantas tujuh misi menjadi pegangan Muzium TD iaitu Mewujudkan, Mengumpul, Mendokumenkan, Memelihara, Mempamer, Menyelidik serta Menginterpretasi dititikberatkan agar Muzium TD lebih maju ke arah masa hadapan.

Selain itu, objektif penubuhan Muzium TD adalah untuk mempamerkan peningkatan taraf profesionalisme warga TD dengan pengembangan dari aspek intelektual dan budaya serta cintakan organisasi dengan menghayati sejarah TD dengan sepenuhnya. Ianya juga sebagai sumber maklumat kepada orang awam dan pelajar dengan bertujuan memberi kesedaran tentang kepentingan TD.

Muzium TD juga telah menerapkan konsep *edutainment* dengan menggabungkan proses pembelajaran dan hiburan bermaklumat serta mewujudkan suasana ceria, terhibur dan menarik kepada setiap pengunjung selaras



dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat (PTD) Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan TD Dengan Awam. Elemen yang telah diterapkan adalah seperti berikut:

a. **Informatif.** Bermaksud memberi maklumat yang tepat, padat tetapi ringkas melalui berita bergambar, lukisan, catatan, peta, diorama, model, replika, buku skrap, keratan akhbar, buku rujukan, brosur, risalah, bahan audio visual dan khidmat perpustakaan.

b. **Interaktif.** Bermaksud menggunakan kaedah pameran bersifat *user friendly*, melalui aplikasi teknologi canggih seperti alat pandang dengar, grafik hologram, *touch on screen, simulator, hands on* dan sebagainya.

c. **Sejarah.** Infrastruktur bangunan Muzium TD yang mempunyai nilai sejarah sebagai bekas bangunan di mana para perajurit dilatih, memberikan konsep yang amat bersesuaian untuk dipersembahkan dengan mengekalkan imej asal.

Secara keseluruhan, terdapat 11 galeri pameran iaitu Galeri TD Sepintas Lalu, Galeri Era Empayar Melaka, Galeri Era British, Galeri Penubuhan RAMD, Galeri Era Pra Kemerdekaan, Galeri TD Hari Ini, Galeri Sumbangan TD, Terowong Komunis dan Perkampungan Hutan serta Galeri Dataran Terbuka. Yang terbaru adalah sebuah lagi Galeri Khusus yang dikenali sebagai Galeri PTD yang menempatkan barang-barang koleksi dan biodata mantan-mantan PTD yang pertama hingga terkini. Galeri ini telah dirasmikan oleh Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain pada 13 Dis 2021.

Bagi meningkatkan kemahiran, seseorang anggota yang bertukar masuk ke muzium ini akan dirancang kepakaran khusus seterusnya menghadiri kursus yang bersesuaian dengan tugas semasa di Muzium TD. Kursus-kursus ini hanya dianjurkan oleh muzium-muzium di bawah Jabatan Muzium Malaysia dan Institusi Pengajian Tinggi Awam. Antara kursus yang diberi perhatian adalah seperti berikut:

- Kursus Konservasi.
- Kursus Pengurusan Muzium.
- Kursus Pengurusan Arkib.
- Kursus Arkeologi.
- Kursus Jurupandu Pelancong.
- Kursus Jurufoto.
- Kursus Pereka Grafik.

Buat masa ini, Muzium TD mempunyai beberapa pegawai dan anggota yang mempunyai kemahiran khusus seperti berikut:

a. Lt Kol Zuraiman. Kelayakan dari USM dalam bidang Permuziuman dan Forensik Arkeologi serta berkelulusan Arkeologi dari Universiti Silpakorn Bangkok.

b. Mej Azhar. Kelayakan Kurator dari Australia Army History Unit serta berkelulusan Arkeologi dari USM dan Universiti Silpakorn Bangkok.

c. Mej Johizan. Kelulusan Arkeologi dari Universiti Silpakorn Bangkok.

Secara peratusnya dianggarkan dalam 60 peratus anggota Muzium TD mempunyai kemahiran khusus dalam aspek pengurusan muzium. Manakala, yang lain tidak mempunyai kursus berkaitan muzium kerana terdapat anggota yang telah dilatih bertukar keluar dan bersara serta anggota yang baru bertukar masuk.

Kejayaan Muzium TD dalam mempamerkan perjuangan dan pengorbanan anggota tentera dari Era Kesultanan Melaka hingga kini telah memberikan kesedaran kepada pihak awam tentang jasa dan pengorbanan anggota tentera.

Muzium TD juga sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kepentingan memelihara warisan sejarah ketenteraan. Antara penambahbaikan yang telah dilaksanakan adalah dengan menubuhkan Galeri PTD sebagai satu inisiatif murni untuk menyimpan dan mempamer bahan-bahan serta koleksi PTD.

Tapak bangunan asal yang dijadikan Galeri PTD ini merupakan bangunan pentadbiran PUSASDA yang diserahkan kepada Muzium TD untuk dijadikan tempat mengumpulkan artifak serta "memorabilia" hasil sumbangan mantan-mantan PTD yang terlibat. Ia merupakan bangunan lama dua tingkat yang telah dibaik pulih sepenuhnya pada akhir Jul 2021.


Matlamat utama cetusan idea penubuhan Galeri PTD adalah bagi menghargai sumbangan mantan-mantan PTD Pertama sehingga PTD yang terkini dan akan disambung dengan PTD yang akan datang. Ianya dilaksanakan dengan mengabdikan segala sumbangan, jasa, kecemerlangan khidmat bakti serta idea yang dicurahkan kepada TD, Angkatan Tentera Malaysia dan Negara semasa pemerintahan setiap PTD.

Selain itu, Muzium TD juga sentiasa berusaha untuk menambah koleksi bahan pameran seperti persenjataan dan peralatan yang digunakan di dalam TD untuk dipamerkan.

Usaha keras pihak terlibat berbaloi apabila pelbagai pengiktirafan telah diterima oleh Muzium TD. Antaranya diperakuan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia sebagai salah sebuah lokasi tarikan pelancongan terbaik. Muzium ini juga diiktiraf sebagai produk pelancongan wajib dilawati oleh kerajaan Negeri



## PROFIL PASUKAN



Sembilan. Selain itu, di antara pencapaian dan perakuan yang diterima oleh Muzium TD adalah seperti berikut:

- Anugerah Pelancongan Malaysia 2005/2006. Dari-pada 500 pencalonan dari seluruh negara, Muzium TD telah dianugerahkan *Merit Award Tempat Kedua bagi Kategori Tarikan Pelancongan Terbaik berteraskan Warisan Identiti Kebangsaan pada 22 Jul 2007 serta diiktiraf di antara muzium yang terbaik di Malaysia.*
- Muzium TD telah dipilih oleh Kementerian Pelancongan Malaysia sebagai ikon pelancongan ketenteraan di Malaysia pada 3 Jul 2008. Pemilihan ini menjadi penanda aras kepada produk permuziuman tanah air kerana menjadi satu-satunya ikon dari kategori muzium tentera untuk seluruh Malaysia.
- Anugerah Inovasi Kementerian Pertahanan 2011. Muzium TD telah memenangi tempat Kedua bagi Kategori Pengurusan Pelanggan menerusi cadangan





pelaksanaan Program *Barrack Stay* yang sinonim dengan maksud *Home Stay* sebagai usaha memperkasakan produk bercirikan pelancongan ketenteraan atau *military tourism*.


Menyentuh mengenai perancangan hadapan, kini TD sedang merancang penstrukturkan semula Muzium TD bersesuaian dengan pelan Army4NextG. Penstrukturkan ini bertepatan di mana Muzium TD sebagai *Instrument Military Tourism* yang berperanan membawa kepentingan sejarah ketenteraan negara kepada masyarakat di dalam negara dan luar negara.

Umumnya, Muzium TD telah dapat mencapai piawaian bertepatan dengan matlamat penubuhannya sebagai sumber sejarah ketenteraan. Muzium TD telah menjadi tempat rujukan sejarah ketenteraan oleh anggota tentera, orang awam dari berbagai lapisan masyarakat dan juga penuntut IPT.

Pengarah Muzium TD, Lt Kol Mohd Yusri Abdul Manap amat berharap TD merancang untuk pembangunan kemahiran permuziuman bagi anggota yang bertugas di Muzium TD di masa akan datang di samping merancang kumpulan pelapis bagi mengurus dan mentadbir Muzium TD demi menjaga dan memulihara khazanah perkhidmatan TD khasnya.

"Saya amat berterima kasih kepada Pimpinan TD terutamanya PTD yang sentiasa memberi sokongan dalam pembangunan dan peruntukan senggaraan kepada Muzium TD sehingga mencapai tahap yang boleh dibanggakan oleh seluruh warga TD khasnya dan rakyat Malaysia amnya.

"Kejayaan Muzium TD sebagai *Instrument Military Tourism* dapat dinilai dengan kehadiran pelancong dari berbagai latar belakang untuk mengetahui sejarah



perjuangan anggota tentera. Statistik pelancong yang melawat Muzium TD sehingga Mac 2022 adalah seramai 5.516 juta pelawat dari dalam negara dan seramai 195,328 pelawat dari luar negara," jelas Pengarah Muzium TD ketika ditemubual oleh Editor Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), Mej Suriatie Alias.



## Rej 515 AW Komited Teruskan Bantuan Pasca Banjir

Oleh: Rej 515 AW

**SELANGOR:** Seramai tiga pegawai dan 26 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Rejimen 515 Askar Wataniah (Rej 515 AW) terus komited membantu penduduk yang terjejas banjir di kawasan Hulu Langat pada 4 Jan 2022.

Aktiviti pembersihan serta menyusun atur kelengkapan bilik darjah di Sekolah Kebangsaan Sungai Serai dilaksanakan dan membolehkan sekolah beroperasi dengan baik apabila fasa persekolahan bermula.

Pegawai dan anggota turut membantu penduduk dalam kerja pembersihan kawasan Jalan Delima di Taman Sri Nanding.

Program ini secara tidak langsung dapat meringankan beban penduduk yang terkesan akibat banjir sekaligus bertepatan dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.



## 10 RAMD Laksana PJM Pembinaan Telaga



**SABAH:** Pegawai Memerintah Batalion Ke-10 Rejimen Askar Melayu Diraja (10 RAMD) menyempurnakan Penyerahan Telaga kepada Wakil Pengetua Sekolah Kebangsaan Pulau Danawan di Semporna pada 13 Jan 2022.

Pembinaan dua buah telaga ini mengambil masa selama tujuh hari untuk disiapkan sepenuhnya oleh anggota 10 RAMD yang berada di Pos Penempatan Pulau Danawan.

Perlaksanaan Projek Jiwa Murni (PJM) tersebut adalah untuk membantu pihak sekolah mendapatkan keperluan air bersih bagi kegunaan guru dan pelajar yang mana sebelum ini keperluan air bersih hanya diperoleh melalui tадahan air hujan.

Selain itu, ianya juga bagi menjalankan tanggung-jawab sosial 10 RAMD kepada masyarakat setempat sekaligus bertepatan dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam. - **Lt Muhammad Qamarull Abd Wahid, Gambar: LKpl Khalid Kadir**

## 5 Div Laksana Program Khidmat Komuniti MDN

**SABAH:** Seramai dua pegawai dan 30 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Divisyen Kelima Infantri Malaysia (5 Div) bersama Jawatankuasa Kemasyarakatan Dalam Bandar Putatan terlibat dalam Program Khidmat Komuniti Majlis Dakwah Negara (MDN) 5 Div bertempat di sekitar Masjid Daerah Putatan pada 15 Jan 2022.

Gotong-royong ini melibatkan ketumbukan 5 Div daripada pasukan Rejimen Semboyan Divisyen Kelima Infantri (5 RSD), 75 Batalion Kor Perkhidmatan Diraja (75 Bn KPD) dan Rejimen Keenam Artileri Diraja (6 RAD).

Program ini turut dibantu oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Majlis Daerah Putatan (MDP) dan komuniti setempat.

Kerjasama ini berjaya mewujudkan persepsi baik masyarakat awam terhadap Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sekaligus mendukung Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam. - **MK 5 Div**



# 7 RS Laksana PJM Di Kg Sg Asap

Oleh: MK 31 Bgd

**SARAWAK:** Batalion Ketujuh Rejimen Sempadan (7 RS) melaksanakan Program Jiwa Murni (PJM) bagi membersihkan kawasan Masjid Al-Fattah serta Tanah Perkuburan Islam Kampung Sungai Asap pada 22 Jan 2022.

Pegawai Memerintah 7 RS merakamkan ucapan tahniah dan syabas di atas kejayaan pasukan melaksanakan program tersebut dan berharap hubungan baik antara tentera dan awam berterusan sebagaimana Keluarga Malaysia.

Program ini turut dijayakan dengan penyertaan pihak pengurusan Masjid Al-Fattah

dan masyarakat muslim setempat sekaligus bertepatan dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.



## MB Negeri Sembilan Tinjau Pembinaan Jambatan *Compact Bailey 200*

**NEGERI SEMBILAN:** Menteri Besar (MB) Negeri Sembilan, Dato' Seri Hj Aminuddin Harun melakukan Lawatan Rasmi ke Kg Bemban, Jelebu pada 4 Feb 2022.

Lawatan tersebut bertujuan untuk melihat struktur jambatan sementara *Compact Bailey 200* yang siap dipasang pada 20 Jan 2022 oleh Skuadron Kelapan Rejimen Askar Jurutera Diraja (8 Skn RAJD) dan 9 Skn RAJD.

Jambatan sementara ini dipasang bagi menggantikan

jambatan yang runtuh akibat banjir besar yang melanda Kg Bemban pada bulan Dis 2021.

Sementara itu, Panglima Briged Pertama Infantri Malaysia (1 Bgd), Brig Jen Mohd Saifulisham Hj Baharun memberi penerangan kepada MB Negeri Sembilan mengenai peranan anggota tentera dalam pemasangan jambatan sementara tersebut serta membantu penduduk terjejas banjir di daerah Jelebu amnya dan Kg Bemban khasnya.

MB Negeri Sembilan turut menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada pasukan Batalion Ke-15 Rejimen Askar Melayu Diraja (15 RAMD), MK RAJD 3 Div dan agensi lain yang terlibat dalam operasi banjir serta pasca banjir di daerah Jelebu.

Peranan anggota tentera dalam membantu Pihak Berkuasa Awam (PBA) terutama dalam operasi sebegini meningkatkan kredibiliti anggota tentera di mata masyarakat semasa aman mahupun sebaliknya.

Usaha yang dilaksanakan ini juga selaras dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam. - MK 1 Bgd



# Warga 5 Bgd, ULS Kota Belud dan 5 KAD Mengecat Dinding Sekolah Tabika Kemas



Oleh: MK 5 Bgd

**SABAH:** Warga Brigid Kelima Infantri Malaysia (5 Bgd), Unit Lapang Sasar (ULS) Kota Belud dan Rejimen Kelima Kor Armor Diraja (5 KAD) melaksanakan Program Jiwa Murni (PJM) mengecat dinding sekolah Tabika Kemas Kem Paradise, Kota Belud pada 3 Feb 2022.

Proses mengecat dinding sekolah yang mengambil masa selama satu hari ini merupakan hasil kerjasama daripada ibubapa yang bertugas di Kem Paradise, Kota Belud.

Selain itu, ianya juga bagi menjalankan tanggungjawab sosial Kem 5 Bgd, ULS Kota Belud dan 5 KAD kepada masyarakat setempat.

Program ini bertepatan dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.

## 75 BOD Hantar Barang Keperluan Kepada Mangsa Banjir

**SABAH:** Divisyen Kelima Infantri Malaysia (5 Div) mengatur gerak pasukan 75 Batalion Kor Ordnans Diraja (75 BOD) bagi membantu menghantar barang sumbangan Keluarga Malaysia ke kawasan Kota Murudu dan Pitas pada 8 Jan 2022.

Terdahulu, sumbangan periuk nasi dan toto disalurkan kepada wakil daerah menggunakan Pesawat C130 Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) untuk diagihkan kepada mangsa banjir sekitar Sabah.

Inisiatif ini merupakan usaha kerajaan bagi meringankan beban keluarga yang terjejas banjir di Sabah.

Bantuan dan kerjasama sebegini selaras dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam yang memberi penumpuan kepada aspek pembentukan keyakinan serta pengiktirafan rakyat terhadap kredibiliti dan keupayaan TD. - MK 5 Div



## Program Super Powers Unite Peringkat 7 RAMD



**SABAH:** Seramai 55 anggota tentera Batalion Ketujuh Rejimen Askar Melayu Diraja (7 RAMD) bersama pasangan terlibat dalam program *Super Powers Unite* Peringkat 7 RAMD bersama perunding program terdiri daripada Tim *Super Powers Unite* yang diketuai oleh Cik Hamizah Hassim (*Education Consultant*) di Dewan Berani Ikhlas pada 4 Feb 2022.

Aktiviti yang dilaksanakan adalah berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dan *Science Technology Engineering and Mathematics* (STEM) bagi membolehkan ibu bapa menarik minat anak-anak untuk belajar di samping menjalankan penilaian kecerdasan ke atas anak daripada seawal bayi hingga berusia 12 tahun.

Pelaksanaan program tersebut adalah bagi mendukung inisiatif Pelan Strategik MINDEF (PSM) Teras Ketiga iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga Kerja Pertahanan bagi meningkatkan semangat untuk bekerja menerusi kesejahteraan keluarga dan juga sejajar dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam . - 7 RAMD

# Lawatan Op MURNI Panglima 7 Bgd



Oleh: MK 7 Bgd

**JOHOR:** Panglima Briged Ketujuh Infantri Malaysia (7 Bgd), Brig Jen Mohamad Suria Mohamad Saad menganjurkan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Daerah Batu Pahat dan Muar pada 6 Jan 2022.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat bersama agensi awam terlibat dan perjumpaan dengan pegawai

serta anggota di Pusat Kawalan Bantuan Bencana (PKOB) Daerah Batu Pahat dan Muar.

Panglima 7 Bgd turut berkongsi maklumat berkaitan kesiapsiagaan Tentera Darat (TD) dalam menyalurkan segala bentuk bantuan kepada penduduk dan agensi awam.

Selain itu, beliau turut melawat ke PPS Sekolah Menengah Kebangsaan Yong Peng, Batu Pahat bagi meninjau perkembangan semasa keadaan banjir dan mangsa yang terjejas.

Seterusnya Panglima ke PPS Balai Raya Kampung Jawa dan Sekolah Kebangsaan Lenga, Muar bagi meluangkan masa bersama agensi awam, keluarga yang terjejas serta memantau keadaan semasa situasi banjir di sana.

Keprihatinan Panglima 7 Bgd terhadap pelaksanaan Op MURNI selaras dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan TD Dengan Awam yang memberikan penumpuan kepada aspek pembentukan keyakinan dan pengiktirafan rakyat terhadap TD.

## 4 RAD Membantu Bersihkan Peralatan Sekolah

**JOHOR:** Tentera Darat melalui Rejimen Keempat Artilleri Diraja (4 RAD) telah diatur gerak untuk membantu memindah dan membersihkan barang serta peralatan Sekolah Kebangsaan Kundang Ulu dan Sekolah Kebangsaan Penchu, Tangkak pada 6 Jan 2022.

Kerja-kerja tersebut dilakukan bagi meringankan beban para guru serta kakitangan sekolah berkenaan dalam memulihkan kembali perlatalan dan kelengkapan sekolah setelah dilanda banjir.

Usaha ini bertepatan dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam. - 4 RAD



## 1 Komp KPD Komited Bantu Pasca Banjir



**NEGERI SEMBILAN:** Seorang pegawai dan empat anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 1 Kompeni Angkut Kor Perkhidmatan Diraja (1 Komp KPD) komited membantu penduduk yang terjejas banjir di kawasan Seremban pada 9 Jan 2022.

Usaha ini dilaksanakan dengan melakukan pembersihan serta menyusun atur kelengkapan bilik darjah Sekolah Kebangsaan Pantai bagi memastikan sekolah tersebut boleh beroperasi sebaik mungkin apabila fasa persekolahan bermula.

Pelaksanaan ini turut melibatkan kerjasama daripada agensi awam termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Bantuan yang dihulurkan ini sejahtera dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.

- MK 1 Bgd



## Skuadron Sierra, Wira Tidak Didendang



Oleh: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime  
Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**M**engintip dan Memusnah, itulah cogan kata keramat Skuadron Sierra, iaitu sebuah elemen Pasukan Khusus Tentera Darat (TD) yang kurang diketahui umum serta bersifat *low profile*.

Mungkin ramai di antara kita yang tidak sedar bahawa TD mempunyai sebuah Pasukan Khusus yang sentiasa bersedia untuk diaturgerak dalam apa jua situasi bagi mengekang sebarang unsur ancaman yang boleh menggugat kedaulatan negara. Rakyat Malaysia pastinya tidak dapat tidur dengan lena pada malam hari, sekiranya sekumpulan kecil anggota tentera ini, lebih sinonim dengan gelaran komando, tidak melaksanakan tugas mereka, yang dengan rela hati meninggalkan ahli keluarga dan merisikokan nyawa demi menjayakan sesuatu misi sulit.


Anggota komando inilah yang melaksanakan semua kerja berbahaya dan kasar dalam usaha memusnahkan musuh yang cuba mengganggu gugat kedaulatan negara. Bakti dan pengorbanan mereka amat besar ertiannya kepada negara demi memastikan rakyat umum

dapat menjalani kehidupan harian tanpa rasa gusar dan takut.

Antara sejarah penglibatan serta jasa Skuadron Sierra di dalam operasi semasa era Peperangan Melawan Insurgensi, adalah di dalam Operasi BERTAM NESAI pada tahun 1987. Di dalam operasi tersebut, semasa membuat rondaan di kawasan am Bertam Nesai, Bentong, Pahang, kumpulan yang diketuai oleh Kapt Ali Amir berjaya mengesan kedudukan Pengganas Komunis dan seterusnya telah melaksanakan Serbuan Mengejut ke atas kedudukan musuh. Walaupun dengan kekuatan yang kecil dibandingkan dengan musuh yang berkekuatan lebih tiga kali ganda, namun operasi itu telah berjaya membunuh seorang anggota komunis dan mencederakan beberapa anggota komunis yang lain serta sekaligus menghuru-harakan pasukan musuh.

Untuk penceritaan lebih lanjut, ikuti wawancara wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM), LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime dan Jurugambar Pbt Mohammad Fadzil Akirul





bersama elemen 21 GGK yang mahir dalam penyusupan melalui udara dengan menggunakan teknik *High Altitude High Opening* (HAHO), mencari dan memusnahkan sasaran serta melatih gerila, iaitu Skuadron Sierra.

Rejimen 11 Gerak Khas (11 RGK) merupakan salah satu unit tempur di dalam 21 GGK yang merupakan *tip of the spears* bagi melaksanakan misi bernilai strategik bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Berpegang kepada cogan kata Tetap Unggul, 11 RGK berperanan untuk melak-

sanakan operasi khusus terutama pengumpulan maklumat bermakna strategik, mengharu dan memusnahkan musuh, melawan keganasan serta *Unconventional Warfare*.

Sejak penubuhannya pada 1 Apr 1981, 11 RGK telah mengalami beberapa fasa transformasi sejarah dengan tafsiran pelbagai bentuk ancaman yang semakin kompleks di mana pada masa kini, ancaman lebih bersifat Hybrid.

Skuadron Sierra merupakan skuadron tempur dalam 11 RGK yang mempunyai kepakaran membuat penyusupan jauh ke dalam kawasan yang dikuasai musuh. Secara umumnya, peranan utama Skuadron Sierra adalah melaksanakan operasi pengumpulan maklumat melalui tinjauan jarak jauh ke dalam kawasan musuh dengan melaksanakan penyusupan serta *Unconventional Warfare* yang mana memerlukan Skuadron Sierra menubuh, melatih dan mengawal pasukan gerila.

Seperti elemen lain di dalam 21 GGK, Skuadron Sierra beroperasi di dalam kumpulan kecil yang dipanggil Intip. Bagi memastikan tahap kompetensi dan kesiagaan Skuadron

Sierra di tahap yang tertinggi sebilang masa, setiap anggota akan sentiasa diuji kecekapan dan kemahiran mereka melalui latihan berterusan sama ada di peringkat skuadron dan rejimen, mahu pun secara eksesais bersama, bilateral dan multilateral, di dalam dan luar negara

Bergerak dalam kumpulan kecil,



anggota Skuadron Sierra berkeupayaan menyusup masuk, seterusnya mengenal pasti dan menyerang titik lemah atau Critical Vulnerability musuh sebelum keluar dari zon bahaya tanpa dapat dikesan. Impak yang ditinggalkan akan mengurangkan keupayaan tempur musuh untuk meneruskan operasi, mengurangkan moral musuh untuk melawan serta memberi kelebihan strategik kepada ATM untuk melancarkan operasi ofensif selanjutnya.

Secara lazimnya, atur gerak elemen Pasukan Khusus ATM akan menggunakan kaedah penyusupan ke dalam kawasan musuh sama ada melalui laluan darat, laut atau udara. Skuadron Sierra merupakan satu-satunya elemen Pasukan Khusus dalam 21 GGK yang dilatih melaksanakan penyusupan khusus melalui udara dengan mengaplikasikan kaedah HAHO di ketinggian sehingga 25,000 kaki dari aras laut.

Eksesais TEDUNG BARA Siri 1/2022 yang telah dilaksanakan di sekitar Negeri Melaka dan Pahang pada bulan Feb hingga Mac 2022 telah diolah bagi menguji kemampuan Skuadron Sierra dalam kepakaran HAHO. Semasa eksesais ini, elemen Intip telah melaksanakan penyusupan

HAHO di ketinggian 17,000 kaki, melaksanakan Operasi Melatih Gerila, pengumpulan maklumat sasaran serta *Direct Action Mission* yang menumpukan atur gerak operasi menyelamat tawanan perang berprofil tinggi di sasaran sebelum m e l a k - s a n a k a n penarikan keluar.

Selain daripada latihan berterusan di peringkat rejimen, Skuadron Sierra turut terlibat dalam eksesais bersama dengan Pasukan Khusus negara asing seperti United State Special Forces, United Kingdom Special Air Service, Australian Special Air Service Regiment, New Zealand Special Air Service dan KOPASSUS Indonesia dan lain-lain Pasukan Khusus negara asing mengikut keperluan semasa. Eksesais secara bersama diadakan bertujuan untuk berkongsi kepakaran, meningkatkan interoperability dan sebagai salah satu medium bagi membantu negara dalam aspek pengukuhan hubungan antarabangsa.

Pada masa kini, Skuadron Sierra terus komited dalam meningkatkan kompetensi dan memastikan kesiagaannya sentiasa berada di tahap tertinggi bagi mendukung misi dan visi 11 RGK dan 21 GGK yang merupakan *The Force of Choice* di dalam ATM bagi menghadapi sebarang ancaman yang menggugat keaulatan negara.

Melihat kepada situasi semasa, dapat dirumuskan bahawa dengan beberapa konflik yang berlaku di luar negara perlu menjadi petunjuk kepada ATM agar terus membangun serta mempertingkatkan keupayaan menghadapi Peperangan Hybrid, yang mana Skuadron Sierra dan elemen-elemen lain di dalam Pasukan Khusus ATM merupakan antara aset utama negara dalam menjayakan sebarang misi di dalam Peperangan Hybrid masa kini. Sokongan padu dari pihak kerajaan dalam melihat kepentingan memperkasakan keupayaan menghadapi Peperangan Hybrid juga amat diperlukan bagi membangun Spektrum Penuh Operasi Pasukan Khusus ATM supaya bersiap sedia dengan ancaman bentuk baharu serta senario peperangan masa kini dan masa hadapan.



Oleh: Pbt Mohammad Shukri Suhaimi  
Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**N**ama Kpl Hamzah Hassan (B) mungkin bukanlah satu nama yang gah seperti beberapa nama besar dalam sejarah tanah air. Tetapi, beliau merupakan antara anggota tentera yang telah menyumbang keringat dan pengorbanan kepada tanah air ketika pengganas komunis sedang melakukan onar dan huru hara di dalam negara.

Walaupun secara fizikal kelihatan seperti insan biasa, tiada sesiapa pun yang menyangka bahawa beliau merupakan antara veteran yang mengalami kecacatan kekal di bahagian kaki kanan iaitu putus kaki paras lutut akibat terkena jerangkap samar pengganas komunis ketika melaksanakan operasi di Gubir.

Bagi mengikuti lebih lanjut pengalaman serta pengorbanan yang dicurahkan oleh **Kpl Hamzah Hassan (B)**, ikuti wawancara wartawan **Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM)**, Pbt Mohammad Shukri Suhaimi bersama jurugambar BTDM, Pbt Mohammad Fadzil Akirul.

Kpl Hamzah Hassan (B) dilahirkan pada 14 Ogos 1954 di Kuala Lipis, Pahang dan menerima pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan Clifford, Kuala Lipis. Beliau menamatkan persekolahan pada tahun 1972 dan mengikut ayahnya merantau ke Kuala Lumpur iaitu di Kampung Congo yang kini dikenali sebagai Bandar Tun Razak.

Beliau mula bekerja sebagai juruukur jalan raya selama setahun sebelum menceburji bidang ketenteraan. Ketika itu gaji yang diterimanya amatlah lumayan dan beliau selesa dengan pekerjaan tersebut. Namun atas desakan keluarga dan beberapa faktor beliau terpaksa berhenti kerja.

Ketika itu, abang iparnya mencadangkan supaya



## Kecacatan Kekal Tidak Halang Kpl Hamzah Hassan (Bersara) Terus Berbakti

Hamzah memohon untuk menjadi seorang anggota Polis tetapi mungkin belum rezekinya lagi. Beliau gagal dalam temuduga pemilihan polis disebabkan tidak menepati syarat ketinggian yang ditetapkan. Di sifitulah bermulanya kisah beliau dalam tentera.

Pada suatu malam, ketika mereka sekeluarga sedang menikmati makan malam bersama, tiba-tiba bapa Hamzah bertanyakan sesuatu kepadanya.

“Kamu nak masuk askar tak?” soal ayahnya. Hamzah amat terkejut, terbantut hasratnya untuk meneruskan suapan. Beliau tidak menjawab namun membala persoalan tersebut dengan soalan. “Kenapa bapak bertanya?” Tidak pernah terlintas sedikit pun di hatinya untuk memasuki tentera.

“Kalau bukan orang muda macam kamu masuk askar, siapa lagi yang akan mempertahankan negara? Bapak sudah tua, inilah senapang patah yang telah meragut nyawa dua komunis pada suatu ketika dahulu,” jelas bapanya







yang bekerja sebagai pengawal keselamatan.

Kata-kata bapanya telah membakar semangat Hamzah, lalu beliau bertekad mengabdikan dirinya ke alam tentera untuk membanteras komunis yang pada ketika itu giat mengancam ketenteraman negara. Walaupun beliau sedar keselamatan dirinya sentiasa dalam bahaya, namun Hamzah sanggup menyahut cabaran orang tuanya yang tidak putus-putus mendoakan keselamatannya.

Dengan berkat doa orang tuanya, Hamzah berjaya lulus kesemua ujian sekaligus melayakkan dirinya menjalani pemilihan akhir di Pusat Latihan Asas Tentera Darat (PUSASDA), Port Dickson, Negeri Sembilan pada 10 Apr 1974. Ketika dalam latihan, beliau yang merupakan Squad Leader Platoon 25 Kompeni Delta telah menerima anugerah Penembak Terbaik dan Kawad Terbaik dalam Perbarisan Tamat Latihan Perajurit Muda pada 10 Apr 1974.

Beliau kemudian dihantar ke unit Batalion Kesembilan Rejimen Askar Melayu Diraja (9 RAMD) yang pada ketika itu terletak di Kem Simanggang, Sri Aman, Sarawak. Antara pegawai di 9 RAMD pada ketika itu ialah Kapt Mohd Zahidi Zainuddin yang menamatkan perkhidmatan sebagai Panglima Angkatan Tentera Ke-12 pada 30 Apr 2005.

Sikap tekun dalam melakukan sesuatu perkara, komited, minat dan patuh arahan jurulatih telah menarik perhatian Pegawai Memerintah 9 RAMD. Hamzah ketika itu baru berkhidmat selama tiga bulan, namun atas sikap yang ditunjukkan, beliau telah diarahkan untuk melapor ke Kursus Kadar bagi kenaikan pangkat ke LKpl. Walaupun beliau merupakan anggota yang paling muda dalam kursus tersebut, Hamzah telah dilantik sebagai Ketua Perbarisan dalam Majlis Penutup Latihan Kursus Kadar serta dianugerahkan sebagai Penuntut Kursus Kadar Terbaik. Beliau sememangnya telah menunjukkan prestasi yang amat membanggakan pasukannya.

Kejayaan LKpl Hamzah sememangnya dicemburui oleh segelintir pihak yang kurang senang melihatnya terlalu awal dinaikkan pangkat. Namun, itu tidak mematahkan semangat beliau untuk terus mara ke hadapan kerana kejayaan yang dikecapinya bukan datang secara bergolek, sebaliknya berkat hasil kesabaran dan usaha sepanjang bergelar sebagai anggota tentera.

Pada tahun 1976, 9 RAMD diatur gerak ke Kem Kepala Batas, Alor Setar, Kedah bagi mengambil alih tugas 3 RAMD. Operasi pertama beliau di Gerik ditugaskan menjaga keselamatan kerja-kerja pembinaan empangan Temenggor kerana pihak komunis sentiasa mencari jalan untuk menggagalkan projek tersebut.

Selain menentang komunis, beliau juga sering berhadapan dengan haiwan-haiwan buas dan berbisa. Memang tidak dapat dinafikan pernah beberapa kali berlaku perkara mistik sepanjang pengalamannya terlibat operasi di dalam hutan. Namun berbekalkan ilmu perubatan Islam yang dipelajarinya di kampung, Hamzah dapat mengelakkan gangguan mistik dan merawat mangsa dengan keizinan Allah SWT.

Sewaktu sedang menguruskan pentadbiran diri masing-masing, tiba-tiba kedengaran beberapa das tembakan di kawasan berhampiran di mana Polis Hutan telah diserang hendap oleh komunis.

Hamzah diberi peranan sebagai Ketua Peninjau disebabkan kemahiran beliau dalam Ilmu Medan Perang (IMP). Pasukannya berkekuatan seramai 10 anggota telah diatur gerak ke lokasi kejadian bertindak sebagai pasukan penyekat.

Selama 10 hari sembilan malam pasukan penyekat melakukan *stand to* di kawasan tersebut.



Dan pada hari terakhir, komando tiba di lokasi kejadian dengan helikopter tatkala pasukan Hamzah melakukan fasa pengunduran. Komando bersama anggota peninjau orang asli melakukan serang hendap ke atas komunis dan berjaya merampas semula peralatan yang diambil komunis.

Selain di Gerik, beliau dan pasukannya turut ditugaskan di kawasan Kroh yang merupakan antara kawasan hitam di utara tanah air. Kawasan hitam ditakrifkan sebagai kawasan di mana gerila komunis sedang bergiat aktif.

Ketika ditugaskan di Kroh, pelbagai pengalaman telah dikongsikan oleh Hamzah. Antaranya muslihat yang digunakan oleh komunis bagi mengumpam anggota pasukan keselamatan untuk memasuki kawasan serang hendap.

"Bayangkan sebatang pokok sebesar tiga empat pemeluk tumbang merentasi anak sungai dan sudah tentu menjadi harapan komunis agar kami meniti pokok tersebut," kata Hamzah.

Mereka membayangkan sekiranya mereka meniti batang pokok tersebut, sudah tentu gerila komunis akan melancarkan serang hendap kerana tiada perlindungan terdapat di lintasan tersebut. Namun, Hamzah dan kumpulannya memilih untuk tidak merentasi anak sungai itu.

Hamzah turut berkongsi pengalamannya terlibat dalam Operasi SEDAR GUBIR IV di sempadan Kedah-Thailand pada Ogos 1978. Ketika berehat dari operasi, Hamzah dan pasukannya ternampak kelibat seseorang yang mencurigakan sedang melakukan pengintipan terhadap pangkalan tentera. Beliau bersama seorang anggota pasukan mula bergerak perlahan-lahan untuk menangkap lelaki yang disyaki pengganas komunis. Ketika menghampiri kedudukan, suspek terbabit berjaya melarikan diri.

Walaupun begitu, pengganas terbabit berjaya

ditangkap oleh anggota Pasukan Polis Hutan dari Senoi Praaq tidak jauh dari kawasan mereka. Hasil pemeriksaan, polis hutan telah menjumpai lukisan pelan kem tentera termasuk kedudukan kubu dan perimeter pertahanan. Komunis tersebut telah menyerah diri dan menyalurkan maklumat kedudukan kem komunis 50 kaki bawah tanah di sempadan.

Hamzah segera melapor kepada ibu pejabat dan melancarkan beberapa serangan Mortar 81mm ke arah kem bawah tanah tersebut. Hasil pemeriksaan mendapat pihak komunis terlebih dahulu melarikan diri meninggalkan kem tersebut.

Namun, kehidupannya berubah apabila beliau terkena jerangkap samar semasa operasi tersebut. Walau bagaimanapun beliau tidak dapat mengingati dengan tepat tarikh malapetaka berkenaan menimpanya. Segala-galanya berlaku terlalu terpas.

"Bila dah terkena jerangkap samar, saya lihat kaki kanan saya sudah berkecaci dan kaki kiri cedera parah. "Saya buka kasut dan ikat *tourniquet* dengan ketat di sekeliling kaki untuk memberhentikan darah yang mengalir", kata Hamzah.

Ketika kejadian, Hamzah sudah bertunang dan akan mendirikan rumah tangga dengan pilihan hatinya. Setelah diberikan rawatan kecemasan, beliau dibawa keluar dari kawasan operasi dengan menggunakan teknik *winching* oleh Helikopter Nuri Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Hamzah kemudiannya dirawat di Hospital Alor Setar selama sebulan sebelum dipindahkan ke Rumah Sakit Angkatan Tentera. Walaupun kehilangan kaki kanan akibat jerangkap samar yang dipasang oleh komunis, ahli keluarga Hamzah melahirkan rasa bangga mereka terhadap pengorbanan yang dilakukan olehnya.

Tunang Hamzah sendiri pun bangga dengan pengorbanan yang dicurahkan olehnya terhadap tanah air dan turut mengambil keputusan untuk meneruskan perancangan mereka bagi mendirikan rumah tangga.

Selepas mengalami kecacatan kekal, Hamzah tetap meneruskan tugas beliau sebagai anggota tentera. Beliau kemudian dinaikkan pangkat ke Kpl atas segala sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan. Kpl Hamzah meneruskan pekerjaan sehingga berpencen 21 tahun.

Sebelum mengakhiri perbualan kami, beliau turut menggesa agar generasi muda untuk menghargai nikmat keamanan yang sedia ada. Ini terutamanya dengan melihat pengorbanan yang dilakukan oleh anggota tentera dan polis semasa negara masih dalam kancan insurgensi.

"Perlu ingat bahawa ini adalah tanah air kita, sebaik-baiknya kita yang jaga."

"Kalaupun bukan kita yang jaga, siapa lagi?" kata Hamzah ketika mengakhiri wawancara.





## 36 Tahun Mej Jen Dato' Nazri Abu Bakar

Mencurah Bakti Kepada Perkhidmatan

Oleh: Mohammad Nazif Mohd Zuki

Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**KUALA LUMPUR:** Seramai sembilan pegawai dan 79 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Penghargaan Ketua Pengarah Rekod dan Pencen (KPRP), Mej Jen Dato' Nazri Abu Bakar di Dataran Jabatan Arah Rekod dan Pencen (JRP) pada 7 Jan 2022.

Mengimbas latar belakang Men Jen Dato' Nazri Abu Bakar, beliau dilahirkan di Klang, Selangor pada 6 Mei 1962 dan mula menceburi bidang ketenteraan apabila memasuki Maktab Tentera Diraja (MTD) pada tahun 1978 sebelum ditauliahkan ke dalam Kor Perkhidmatan Am (KPA) pada 1 Nov 1985 dengan memulakan tugas sebagai Penolong Pegawai Rekod di Markas Angkatan Tentera Malaysia (MK ATM).





Antara jawatan penting yang pernah disan-dang beliau adalah Ketua Tim Projek Kompeni, Pegawai Staf 1 Rekod, dan Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Am (AKS PA) sebagai Ketua Pengarah.

Sejurus tamat perbarisan, acara Serah Terima Tugas KPRP di antara Men Jen Dato' Nazri Abu Bakar dengan Kol Fazlie Rizal Ishak diadakan di Bilik Mesyurat JRP yang disaksikan oleh Asisten Ketua Staf Perkhidmatan Anggota (AKS PA), Mej Jen Datuk Arman Rumaizi Hj Ahmad.

Simbolik acara diakhiri dengan *Street Lining* di mana beliau berjalan dari laman kaunter ke Pusat Olah Perang (POP) ATM.

Turut hadir, Pegawai Staf 1 Pengurusan, Lt Kol Norhayati Mohd Noor dan Pegawai Staf 1 Operasi, Lt Kol Nor Sham Sinar Abd Rahman.





## 21 Pegawai Kanan TD Bersara Dirai

Oleh: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime  
Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**KUALA LUMPUR:** Seramai 21 pegawai kanan Tentera Darat (TD) diraikan dalam Majlis Makan Malam Rejimental Penghargaan Pegawai Kanan yang disempurnakan oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain bertempat di Wisma Perwira Tentera Darat pada 28 Jan 2022.

Majlis rejimental ini diadakan bertujuan untuk meraihkan empat pegawai kanan ber pangkat Lt Jen, tujuh ber pangkat Mej Jen dan 10 ber pangkat Brig Jen.

PTD di dalam ucapannya menzahirkan penghargaan dan terima kasih kepada kesemua pegawai kanan yang diraikan, di atas segala jasa, bakti, sumbangan dan pengorbanan yang telah dicurahkan sepanjang tempoh perkhidmatan mereka.

Semoga ikatan ukhwah yang sedia terjalin akan terus berkekalan selamanya.







## Perbarisan Penghargaan Mantan Panglima 21 GGK



Oleh: MK 21 GGK

**JOHOR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyempurnakan Perbarisan Penghargaan Sempena Persaraan Panglima 21 Gerak Khas (21 GGK) Ke-14, Mej Jen Datuk Jamaluddin Jambi bertempat di Padang Kawad Markas 21 GGK, Mersing pada 18 Feb 2022.

Perbarisan yang melibatkan seramai 18 pegawai dan 173 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri daripada detasmen gabungan MK 21 GGK dan MK Garison Mersing, detasmen Rejimen 11 Gerak Khas (11 RGK), detasmen Rejimen 21 Komando (Rej 21 Kdo), detasmen Rej 22 Kdo

dan detasmen gabungan PULPAK, 21 Kump Log GGK, 21 KPTD, 21 SS GK dan 21 Skuadron Medik GGK.

Dalam ucapan PTD, beliau menyatakan perbarisan seperti ini adalah satu amalan serta budaya tradisi rejimental dalam Tentera Darat (TD) yang mencerminkan organisasi TD umumnya dan RGK khasnya.

PTD turut menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada Mej Jen Datuk Jamaluddin Jambi di atas segala sumbangan dan jasa yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan.

Perbarisan ini merupakan tanda penghargaan kepada Mej Jen Datuk Jamaluddin Jambi yang menamatkan perkhidmatan pada 20 Apr 2022 setelah 41 tahun sembilan bulan berkhidmat dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Turut hadir, Panglima 21 GGK, Mej Jen Nubli Hj Hashim dan Asisten Ketua Staf Sumber Manusia, Mej Jen Dato' Mohd Sofi Md Lepi.





## Dua Pegawai Kanan KRD Dirai Dengan Penuh Istiadat

Riffat Mohd Yusof

Gambar: SSjn Shamsul Zaidi Zolkoffly dan Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**PAHANG:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada mantan Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan (TKPPP), Mej Jen Dato' Mohd Anuar Mohamad Ali dan Inspektor Jeneral (IJ) Bahagian Staf Perisikan Pertahanan (BSPP), Brig Jen Dato' Othman Jamal yang masing-masing bakal menamatkan perkhidmatan pada 11 Mac 2022 dan 16 Mei 2022.



"Sepanjang perkhidmatan mereka telah mengorbankan seluruh jiwa dan raga serta sentiasa komited terhadap tugas yang dipertanggungjawabkan.

"Mereka merupakan antara barisan pegawai kanan Tentera Darat (TD) dan Kor Risik Diraja (KRD) yang amat berpengalaman dan berpengetahuan tinggi.

"Menyingkap perjalanan kerjaya mereka, kedua-dua pegawai kanan ini telah menjawat pelbagai jawatan penting dan pastinya telah memberikan sumbangan yang amat bermakna kepada perkhidmatan tanpa mengira penat lelah baik dari segi mental maupun fizikal.

"Sesungguhnya, persaraan kedua-dua pegawai kanan ini merupakan suatu kehilangan yang besar kepada TD amnya dan KRD khasnya, semoga Allah S.W.T membala segala jasa dan budi Dato' berdua," jelasnya.

PTD berkata demikian semasa ucapannya dalam Perbarisan Penghargaan Mej Jen Dato' Mohd Anuar Mohamad Ali dan Brig Jen Dato' Othman Jamal di Padang Kawad Kolej Perisikan Angkatan Tentera Malaysia (KP ATM) pada 9 Mac 2022.

Mej Jen Dato' Mohd Anuar Mohamad Ali memulakan perkhidmatan di dalam ATM dengan ditauliahkan sebagai Lt M pada tahun 1981 di dalam KRD.

Sepanjang tempoh perkhidmatan selama 41 tahun lima bulan, beliau telah menyandang pelbagai jawatan penting di peringkat TD dan ATM di mana jawatan terakhirnya adalah sebagai TKPPP.

Manakala Brig Jen Dato' Othman Jamal mula berkhidmat di dalam ATM dengan ditauliahkan sebagai Lt M di dalam Kor Armor Diraja (KAD) pada 1982.

Beliau memulakan perkhidmatan sebagai Pegawai Muda KAD sebelum bertukar ke KRD pada tahun 1991, dalam tempoh 40 tahun 10 bulan, beliau juga menyandang pelbagai jawatan penting di peringkat TD dan ATM di mana jawatan terakhirnya adalah sebagai IJ BSPP.

Perbarisan perhargaan ini dilaksanakan dalam norma baharu mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melibatkan seramai 15 pegawai dan 113 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) yang diketuai oleh Lt Kol Zulkefli Yusuf.

Sejurus tamat perbarisan, PTD kemudiannya diiringi ke Dewan KP ATM, bagi menikmati jamuan dan menonton tayangan video montaj yang memaparkan serba sedikit coretan kenangan sepanjang perkhidmatan Mej Jen Dato' Mohd Anuar Mohamad Ali dan Brig Jen Dato' Othman Jamal.

Simbolik acara diakhiri dengan *Street Lining* di mana kedua pegawai kanan ini diarak menaiki kenderaan istiadat yang ditarik oleh warga KRD.

Turut hadir, Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan merangkap Pengerusi KRD, Lt Jen Datuk Ahmad Norihan Jalal, Panglima 4 Bgd (Mek), Brig Jen Dato' Zahari Mohd Ariffin dan Pengarah KRD, Brig Jen Johari Ismail.





# Tidak Ada Jalan Singkat Untuk Berjaya

-Lt Kol Izdian Ayub (Bersara)



**K**alaupun tidak dipecahkan ruyong manakan dapat sagunya, kerana setiap kejayaan yang telah dikecapi pada saat ini adalah merupakan berkat doa dan titisan keringat yang tidak berpenghujung demi mencapai cita-cita murni. Begitulah diibaratkan sifat tekad yang tidak berbelah bagi setiap insan yang ingin Berjaya selepas bersara dari Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Lt Kol Izdian Ayub (Bersara).

Wawancara Berita Tentera Darat (BTDM), Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan Jurugambar Pbt Mohammad Fadzil Akirul menemubual Lt Kol Izdian Ayub (Bersara), 43, yang berjaya dalam perniagaan takaful yang mana syarikat beliau dikenali sebagai Qanaah Millionaire Group Sdn Bhd yang merupakan wakil takaful, bernaung di bawah Etiqa Takaful, Ahli Kumpulan Maybank yang secara keseluruhannya mula beroperasi pada 1 Mac 2019 di Ayer Keroh Melaka.

Pesara Tentera yang berasal dari Batu Pahat, Johor

ini merupakan anak kedua daripada enam orang beradik yang mendapat pendidikan di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Baru, Melaka sebelum meneruskan persekolahan di SMK (A) Sultan Muhammad, Batu Berendam, Melaka serta telah mendirikan rumah tangga bersama pasangan tercinta iaitu, Kapt Khairina Che Man (Bersara) dan dikurniakan enam orang cahayamata, tiga lelaki dan tiga perempuan.

Beliau mula menyertai ATM setelah melayakkan diri bergelar Pegawai Kadet Siswa di Akademi Tentera Malaysia (ATMA) pada 18 Mei 1997 dan mengikuti pengajian Sarjana Muda Pengurusan (Teknologi). Di samping lulus pengajian, beliau berjaya mengharungi cabaran modul ketenteraan sebelum ditauliahkan ke Batalion Kedua Rejimen Renjer Diraja pada 27 Okt 2001 dengan pangkat Lt.

Beliau juga merupakan graduan ATMA yang pertama lulus Kursus Asas Komando pada 21 Sep 2002 di mana Lt Kol Izdian Ayub (Bersara) menyertai Pasukan Khusus dan berkhidmat di Rejimen 11 Gerak Khas sebagai Ketua Terup pada 17 Feb 2003.

Beliau menyertai Komando atas sebab minat yang mendalam sejak dari kecil serta ingin mencabar kemampuan diri dari segi mental dan fizikal di samping ingin mengikuti jejak arwah datuk saudaranya yang dikenali sebagai Pegawai Waran II Mamor Said PGB.

Kerana itulah beliau ingin berkhidmat dalam Rejimen Gerak Khas (RGK) dengan tujuan mengetahui tahap kemampuan diri sendiri kerana anggapannya bahawa manusia yang berani menghadapi cabaran akan menjadi seorang insan dan hamba yang lebih baik kerana kita akan menemui jawapan bahawa sehebat mana pun seseorang itu, hanya Allah S.W.T. yang berkuasa menentukan perjalanan kehidupannya. Sepanjang perkhidmatan, banyak ilmu dan pengalaman yang telah beliau perolehi dari senior-senior, mentor-mentor dan teman-teman seperjuangan yang sentiasa bersama dan menyokong di saat senang dan susah.

Beliau turut mempunyai pengalaman yang tidak dapat dilupakan sewaktu berkhidmat dalam ATM antaranya sewaktu menghadiri kursus *Special Forces Officer Qualification* di Amerika Syarikat di mana pada ketika itu beliau baru sahaja menyertai Rejimen Gerak Khas dan beliau terpilih menjalani kursus tersebut untuk bersaing dengan tentera Amerika Syarikat yang sememangnya terlatih dan professional. Dengan saiz fizikal yang kecil jika dibandingkan dengan mereka dan pengalaman yang tidak seberapa pada ketika itu beliau harus menggandakan usaha. Dengan berbekalkan kegigihan dan kekuatan mental beliau akhirnya berjaya menamatkan kursus tersebut.

Sepanjang berkhidmat dalam ATM, beliau telah menghadiri kursus di dalam dan luar Negara antaranya, The Army Instructor Training - USAISTD di Fort Benning, *Special Forces Officer Qualification Course - USAJFKSWCS* di Fort Bragg dan *Command and Staff*

## INSPIRASI

College di Marine Corps University , Quantico.

Walau bagaimanapun setelah 22 tahun berkhidmat dalam ATM beliau memutuskan untuk bersara pada tahun 2019 kerana ingin menguji diri dengan cabaran yang baharu iaitu dalam bidang perniagaan.

Beliau memutuskan untuk menyertai perniagaan Takaful kerana berniat untuk menghindari riba serta ingin terus menyumbang bakti selepas bersara kepada masyarakat dan khususnya kepada golongan tentera dengan memberikan skim perlindungan yang dapat membantu mereka di saat yang tidak terduga.

Dan pada masa ini, perniagaan yang beliau jalankan adalah merupakan sebuah Agensi Takaful yang memberikan perkhidmatan untuk Takaful Keluarga dan Takaful Am. Beliau menyifatkan bahawa insuran takaful pada masa ini boleh dianggap sebagai keperluan dan amat penting untuk pendidikan di masa hadapan bagi anak-anak, untuk perubatan keluarga serta dapat menjamin pendapatan sesebuah keluarga.

Mengimbas kembali detik semasa beliau ditemuduga oleh pihak Etiqa Takaful, beliau telah ditawarkan jawatan sebagai *Group Agency Director* berdasarkan potensi yang dilihat serta latar belakangnya semasa berkhidmat dalam ATM. Beliau mengakui bahawa ilmu dalam ketenteraan banyak membantu beliau dalam menyelesaikan masalah.

"Berdasarkan pengalaman berkursus semasa berkhidmat dalam ATM, setiap jurulatih akan memberikan kita satu situasi masalah dalam medan perang yang harus diselesaikan dan begitu jugalah dalam perniagaan takaful, kita kena memikirkan jalan penyelesaian dalam mencapai matlamat yang kita inginkan", jelas beliau.

Tambahnya lagi, banyak pengalaman dalam Komando yang beliau lalui menjadi pencetus kepada kejayaan beliau pada masa ini, kerana mental dan fizikalnya telah diasah sehabis baik sebelum mencari punca rezeki dalam dunia perniagaan.

Bermula dengan seorang staf serta lapan orang wakil takaful, kini syarikat beliau beroperasi dengan lima orang *Agency Director* dan 47 orang wakil takaful. Majoriti wakil wakil syarikat beliau adalah terdiri dari pesara tentera dan anak-anak pesara tentera.

Di setiap kejayaan seseorang pasti ada insan yang sentiasa berdiri teguh di samping dan menjadi pendorong. Begitulah juga dengan Lt Kol Izdian yang sentiasa mendapat sokongan dan dorongan daripada isteri tercinta, Kapt Khairina Che Man (Bersara), yang juga merupakan skuad beliau semasa di ATMA. Contohnya semasa pandemik COVID-19 tercetus, di mana perniagaan beliau pada ketika itu baru saja meningkat naik. Berkat doa dan tawakkal serta sokongan daripada isteri dan anak-anak, beliau berjaya mengharungi cabaran dan membawa perniagaan sehingga mengecapi kecemerlangan dan dianugerahkan sebagai *Million Dollar Round Table* semasa *Agency Dinner & Award Presentation* pada tahun 2020 dan 2021 serta mampu melahirkan dua orang *Million Dollar Round Table* (MDRT). Karier beliau dalam perniagaan Takaful tidak habis di sini sahaja kerana pada masa hadapan beliau akan terus mengorak langkah demi mencapai matlamat dan meningkatkan lagi kecemerlangan.

Dengan menginspirasikan seorang yang menjalankan perniagaan syarikat penerbangan iaitu, Datuk Tony Fernandez yang berlatar belakangkan muzik beliau juga yakin bahawa seorang bekas pegawai komando juga boleh berjaya dalam perniagaan Takaful.

Pada masa kini, beliau turut berhasrat untuk merakut lagi wakil-wakil baharu dan melebarkan sayap perniagaan. Beliau memfokuskan dari kalangan pesara





atau anak-anak tentera kerana nilai disiplin yang telah diterapkan, kerana pada beliau usaha gigih serta disiplin yang telah diterapkan dalam tentera sudah memadai bagi menjamin kesejahteraan hidup dan memudahkan kita menjalani kehidupan dengan dunia luar.

Beliau berharap agar golongan muda pada masa kini sentiasa berusaha untuk mencapai kecemerlangan, dan berusaha menjadi insan yang cemerlang dari sudut akhlak, pekerjaan dan apa jua bidang yang diceburi. Motto beliau "Negara yang cemerlang bermula dari individu yang cemerlang". Di masa yang sama, beliau turut mengingatkan bakal-bakal pesara dan anggota yang masih berkhidmat untuk sentiasa menjaga nama baik ATM dan menunjukkan sikap profesionalisme dan menjunjung tinggi sikap keperwiraan dan kehormatan tentera. "Jika kita sendiri tidak memartabatkan ATM, siapa lagi", tegasnya. Beliau juga turut menegaskan bahawa dirinya sentiasa memegang teguh sumpah perajurit komando yang ke dua belas.

"Saya akan mengharumkan nama Beret Hijau dan juga rakan-rakan seperjuangan yang memakainya hingga akhir hayat saya," ikrar Lt Kol Izdian.





*Konsep Mesra Pelanggan, Kunci Kejayaan  
Gwany Enterprise*

- PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (Bersara)

Oleh: Nazif Mohd Zuki

Gambar: Pbt Muhammad Shukri Suhami

T uah ayam nampak di kaki, tuah manusia siapa yang tahu, perumpamaan ini sesuai untuk menggambarkan kejayaan seorang bekas anggota tentera yang telah berpencen dan menceburi dunia perniagaan setelah berjaya menamatkan perkhidmatan selama 22 tahun dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Beliau tanpa mengenal erti jemu dan berputus asa mengusahakan bidang perniagaan yang telah dipilih untuk menampung kehidupan keluarganya.

Sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah At Taubah ayat 105 yang bermaksud, dan katakanlah wahai Muhammad "Hendaklah kamu semua berusaha (beramal) kerana Allah akan melihat dan menilai apa yang kamu usahakan." Dalam ayat yang lain Allah S.W.T berfirman yang bermaksud: "Maka bertebarlah di muka bumi serta carilah rezeki daripada kurniaan Allah" Surah Al Jumuah ayat 10.

Kejayaan yang hadir memerlukan usaha, tenaga dan pengorbanan yang tinggi kerana semua itu tidak akan datang dengan sendiri. Semakin tinggi tangga didaki semakin terasa kepenatan, hanya yang tidak mengenal erti kalah dan tekad yang tinggi sahaja mampu sampai



ke anak tangga terakhir. Begitulah sifat yang boleh digambarkan kepada pesara tentera ini.

Untuk mengetahui dengan lebih lanjut kisah seorang pesara tentera yang berjaya ini, ikuti wawancara khas **Wartawan Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM)**



**Mohammad Nazif Mohd Zuki dan Jurugambar Pbt Muhammad Shukri Suhaimi** menemubual PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (B) yang kini mempunyai syarikat percetakan Gwany Enterprise di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pemuda kelahiran Tanah Merah, Kelantan ini bukanlah berasal dari golongan keluarga yang berada. Melihat nasib keluarganya yang agak susah membuatkan beliau mempunyai cita-citanya tersendiri iaitu membantu mengubah nasib mereka semua.

Atas alasan tersebut, PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (B) mengambil keputusan dengan memasuki bidang tentera pada Feb 1988 dan mendapat latihan ketenteraan di Port Dickson yang kini dikenali sebagai Pusat Asas Latihan Tentera Darat (PUSASDA) selama enam bulan bagi membentuk peribadi sebagai seorang anggota tentera yang berdisiplin.

Selepas menamatkan latihan, beliau memulakan tugasnya sebagai seorang anggota tentera dengan melapor diri di Rejimen Ke-31 Artileri Diraja pada ketika itu di Kem Sungai Besi, Kuala Lumpur. Beliau telah berkhidmat selama 22 tahun dengan jawatan terakhir yang disandang olehnya adalah PW I di Grup Artileri Pertahanan Udara.

Menyentuh serba sedikit keperibadian PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (B), beliau sememangnya seorang yang peramah dan mudah bergaul. Oleh itu, tidak hairanlah sikap beliau disenangi dan disukai oleh semua pihak yang berada di sekelilingnya.

Mengimbas kembali detik awal permulaan perniagaan beliau dalam bidang ini adalah ketika sedang mengikuti latihan peralihan di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera (PERHEBAT), Kem Sungai Buloh dalam bidang grafik dan percetakan selama 18 bulan.



Semasa mengikuti kursus di PERHEBAT, timbulnya minat untuk membuka perniagaan percetakan ini pada tahun 2010 yang dinamakan sebagai Gwany Enterprise.

Bermodalkan wang persaraan sebanyak RM 60,000.00 beliau menubuhkan syarikatnya sendiri dan berpegang kepada konsep tidak mahu bekerja dengan orang lain. Dengan wang tersebut PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (B) membuka, mengubah suai kedai dan membeli peralatan dengan harapan biarlah perniagaan ini merupakan asbab punca rezekinya dalam menampung kehidupan mereka sekeluarga.

"Perniagaan ini mula bertapak dengan mempunyai satu mesin namun kerana tiada pengalaman dalam bidang percetakan mesin yang dibeli mulai rosak dan langkah terakhir yang digunakan ialah dengan membuat pinjaman di bank untuk membeli mesin yang baru bagi menampung proses percetakan" ujarnya.

Kemudian, beliau memohon pinjaman dengan TEKUN untuk membeli mesin yang lebih kecil dan keuntungan yang diperolehi setiap tahun bertambah kerana kepelbagaian perkhidmatan yang ditawarkan.

Perniagaan PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (B) kini merangkumi perkhidmatan *Banner, Signboard, Name Card, Backdrop Banner* dan sebagainya. Perkhidmatan yang ditawarkan olehnya menjadi tumpuan bagi orang awam dan anggota tentera di sekitar untuk mendapatkan servis yang ditawarkan kerana kualiti dan harga yang berpatutan.

Kini perniagaannya telah menjangkau usia 12 tahun, beliau mempunyai prinsip yang tersendiri bagi mengekalkan perniagaan terus teguh dan kekal beroperasi iaitu dengan mementingkan konsep cepat dan mesra pelanggan agar beliau terus melangkah sebagai usahawan yang berjaya. Kepuasan pelanggan merupakan keutamaan yang sentiasa beliau titik beratkan.

Setiap kejayaan yang dikehapi sudah tentu adanya cabaran dan dugaan yang terpaksa dilalui, namun di sebalik kejayaan ini berdiri teguh seorang isteri yang menjadi tulang belakang dan sentiasa memberi dorongan serta semangat kepada PW I Wan Zamri untuk terus kekal maju dalam perniagaannya. Apabila beliau sibuk menguruskan perniagaan, isterinya pula memberi tumpuan menguruskan hal-hal berkaitan rumah tangga.

Beliau mendirikan rumah tangga dengan Kamariani Suati Tapah dan dikurniakan enam cahaya mata, iaitu tiga lelaki dan tiga perempuan. Isterinya turut memainkan peranan yang sangat penting dalam perniagaan yang diusahakannya di mana beliau adalah pembantu, penasihat dan sebagainya dalam membantu PW I Wan Zamri Wan Abu Bakar (B) menguruskan perniagaan.

Selain itu, beliau turut dibantu oleh empat orang pekerja yang mempunyai kemahiran dari segi grafik dan percetakan. Hari demi hari perniagaan yang diusahakan ini berkembang dengan jayanya berkat keazaman yang tinggi untuk mendapatkan taraf hidup yang lebih baik selepas bersara.

"Pesan saya kepada bakal-bakal pesara, buatlah sesuatu itu dengan bersungguh-sungguh dan sentiasa berani untuk mencuba sesuatu yang baharu. Setiap langkah yang dilakukan dalam sesuatu perkara sudah tentu mempunyai risiko yang tersendiri namun kejayaan itu memerlukan pengorbanan serta usaha yang berterusan," nasihat PW I Wan Zamri sebelum mengakhiri perbualan.

Tambah beliau lagi kepada bakal-bakal pesara tentera, mereka boleh merancang awal dan berfikir apakah jenis perniagaan atau bidang yang manakah akan diceburi setelah menamatkan perkhidmatan kelak. Ambillah peluang ketika berkursus di PERHEBAT serta gunakanlah peluang itu dengan sebaik mungkin. Banyak ilmu pengetahuan yang beliau pelajari semasa berkursus di PERHEBAT dan semestinya usia bukan faktor penghalang untuk seseorang itu menuntut ilmu.

Pengajaran yang dapat diambil dan dicontohi dari pada kisah kejayaan PW I Wan Zamri adalah kejayaan yang ingin dicapai memerlukan usaha yang tidak kenal jemu kerana kejayaan tidak datang dengan sendirinya. Meskipun dunia ketenteraan dan awam berbeza namun ia bukanlah penghalang dalam mencapai cita-cita. Apa yang penting, jangan terlalu ghairah untuk mengejar kejayaan sehingga tergelincir daripada landasan yang sebenar.



# Sjn Juliani Mohamad Din

## -Jaguh Hoki Peringkat Antarabangsa

Oleh: Sjn Nurulhaswani Ruzaini

Gambar: Pbt Mohammad Fadzil Akirul

**S**jn Juliani Mohamad Din dilahirkan pada 23 Nov 1985 di Kota Belud, Sabah merupakan anak kelima daripada lapan orang adik-beradik. Semenjak di bangku sekolah, beliau amat menggemari bidang sukan. Stamina yang dimilikinya juga amat luar biasa. Kerana itulah beliau sering menjadi harapan dalam acara larian jarak jauh mewakili sekolahnya iaitu SK Kulambai dan SMK Usukan Kota Belud. Sehingga kini walaupun telah berumur 37 tahun, namun kecenderungan dalam bidang sukan masih lagi kekal tinggi seperti zaman remajanya.

Semangat yang ditunjukkan telah menarik minat Berita Tentera Darat Malaysia (BTDM) untuk mewawancaranya. Untuk lebih mengenali siapakah Juliani Mohamad Din, ikutilah wawancara khas BTDM, Sjn Nurulhaswani Ruzaini dan jurugambar, Pbt Mohammad Fadzil Akirul menemubualnya. Beliau telah membuktikan bahawa kesungguhan, tekad, usaha serta minat mendalam akan membawa hasil yang berbaloi.

"Terima kasih atas sokongan dan dorongan terutamanya Tentera Darat (TD) kerana tidak menghalang saya untuk meneruskan impian sejak dari sekolah lagi. Pahit dan getir yang telah saya tempuh sepanjang 20 tahun berkecimpung dalam sukan hoki terbayar juga akhirnya apabila berpeluang mencipta pelbagai kejayaan mewakili Angkatan Tentera Malaysia (ATM) amnya dan Malaysia khasnya," ujar Sjn Juliani memulakan bicara.

Beliau menceritakan bahawa ketika berusia 13 tahun, beliau mula berke-





impung dalam bidang sukan hoki. Segalanya bermula semasa Juliani diserap oleh cikgunya bagi mewakili sekolah dalam sukan hoki setelah melihat potensi yang terdapat pada dirinya. Bermula daripada itu, beliau amat meminati sukan hoki.

Namun, ayahnya tidak menyokong dan membantarkan beliau untuk meneruskan latihan tersebut. Ayah Juliani mahukan anaknya memberi tumpuan sepenuhnya terhadap pelajaran. Dalam masa yang sama, beliau bimbang akan keselamatan anaknya jika terabit dalam sukan tersebut. Sukan hoki merupakan sukan yang agak lasak dan berisiko untuk mengalami kecederaan. Namun, ianya tidak membantutkan hasrat serta keinginan Juliani untuk meneruskan minat dan cita-citanya dalam sukan hoki.

Beliau sanggup keluar rumah secara senyap dengan keluar melalui tingkap biliknya semata-mata hendak berlatih bermain hoki.

Tetapi malang nasibnya apabila selesai menjalani latihan dan pulang ke rumah, ketika itulah Juliani ditangkap oleh ayahnya. Ayahnya agak kecewa, tetapi beliau berjanji untuk tidak akan mempersia-siakan pelajaran dan berjanji untuk membahagikan masa dengan adil di antara belajar dan bermain sukan.

Selepas tamat menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2003, beliau me-

lebarkan sayap dengan berhijrah ke Pulau Pinang bagi bermain hoki mewakili negeri tersebut. Setahun kemudian, Juliani terpilih menyertai *National Junior* mewakili Malaysia selepas memparmerkan aksi cemerlang dalam kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) 2004 di Negeri Sembilan.

Kemampuan Juliani mendapat perhatian Jurulatih Hoki ATM sehingga diberi tawaran untuk diserapkan ke dalam Rejimen Askar Wataniah pada tahun 2011 bagi mengembangkan kerjayanya. Rezekinya semakin bertambah setelah berjaya menamatkan latihan wataniah selama lima tahun dan diserap masuk ke pasukan Rejimen Semboyan Diraja (RSD) secara tetap.

Walau bagaimanapun, beliau perlu menyertai beberapa latihan asas tentera seperti kawad kaki, menembak dan kursus bagi kenaikan pangkat dan gaji dalam tentera. Juliani amat bersyukur atas peluang yang diberikan kepadanya. Walaupun bergelar seorang pemain sukan namun beliau tidak pernah melupakan bahawa dirinya kini adalah seorang anggota tentera.

Menceritakan kenganan pahit sepanjang hidupnya adalah ketika ibu beliau menghembuskan nafas terakhir pada 4 Jan 2014 kerana menghidap penyakit





tibi. Pada ketika itu, Juliani sedang mengikuti latihan hoki di Semenanjung. Keadaaan ini membuatkan beliau tidak sempat menata wajah ibunya buat kali terakhir.

"Tamat Sukan SEA di Myanmar pada penghujung tahun 2013, saya menerima khabar berita bahawa ibu dalam keadaan nazak di hospital melalui panggilan telefon pada jam 2 pagi. Walaupun saya tidak sempat bertemu ibu, namun saya pasrah dan bersyukur kerana diberi kesempatan berkongsi kejayaan yang dimiliki bersama ibu tanpa berbelah bahagi," katanya.

Tambah beliau lagi, arwah ibunya amat meminati barang kemas dan beliau sempat membelikan pelbagai jenis barang kemas kepada ibunya dengan menggunakan duit hasil bermain hoki.

Menurut Juliani lagi, bapa pula merupakan inspirasi bagi dirinya untuk terus berjaya dalam sukan ini biarpun pada awal pembabitan dibantah oleh bapanya sendiri. Setiap kali perasaan putus asa menguasai diri, beliau akan bangkit menguatkan semangat dirinya dengan menghayati kata-kata yang pernah disampaikan oleh ayahnya "tindakan yang sudah dimulakan hendaklah diteruskan sehingga tercapai hasilnya".

### Pencapaian Dalam Sukan Hoki

Kembali kepada pencapaian tertinggi Juliani dalam sukan hoki adalah pada tahun 2017 di mana Malaysia buat pertama kalinya layak ke *Final Liga Hoki Dunia Wanita Pusingan Kedua*. Dan tim hokinya berjaya mendapat tempat kedua daripada lapan buah negara yang bertanding.

Selain itu, Tim Hoki Wanita Malaysia merupakan antara nama besar sukan hoki di Asia Tenggara kerana berjaya memungut tiga pingat emas dalam Sukan SEA iaitu pada Tahun 2007 di Bangkok Thailand, tahun 2013 di Myanmar dan tahun 2017 di Kuala Lumpur.

Kemampuan serta pengalaman yang dimiliki oleh Juliani membuatkan khidmatnya ditagih untuk dipanggil menyertai Tim *Indoor Hockey Wanita*. Pada tahun 2019, Tim *Indoor Hockey Wanita* berjaya memenangi pingat Emas dalam temasya Sukan SEA 2019 di Filipina. Menurut beliau, Thailand merupakan pencabar terkuat Malaysia dalam setiap edisi Sukan SEA kerana kedua-duanya kerap bertembung di peringkat *final*.

Mengimbas kembali pada tahun 2006, beliau buat pertama kalinya mewakili Malaysia dalam Tim Hoki Wanita untuk bertanding di Sukan Asia di Doha, Qatar dan berjaya mendapat tempat kelima. Seterusnya beliau dipilih sekali lagi untuk mewakili Malaysia ke Sukan Komanwel pada tahun yang sama di Melbourne, Australia dan memperolehi tempat keenam. Untuk rekod, beliau dipilih mewakili pasukan Malaysia dalam empat temasya sukan Komanwel bermula pada tahun 2006, 2010, 2014 dan 2018.

Kini, Juliani memiliki 192 caps (penampilan) dan ada kalanya diberikan jawatan sebagai Kapten pasukan. Beliau sentiasa diberi tugas bermain di posisi pertahanan kerana jurulatih melihat gaya permainan beliau lebih cenderung ke arah bertahan (*third runner* atau *postman* sebelah kanan).

Mungkin ramai yang tidak memahami apa itu *postman* dalam sukan hoki. *Postman* adalah posisi di mana pemain yang diberi tanggungjawab ini akan bertindak untuk menghalang pukulan sudut penalti lawan.





### Kenangan Terindah Semasa Bermain Hoki

Masih segar dalam ingatannya pada 21 Jan 2017 ketika Malaysia menjadi tuan rumah dalam pertandingan Liga Hoki Dunia Wanita Pusingan Kedua atau dikenali sebagai *World League Round 2*. Tim Juliani berjaya menumpaskan Itali sekaligus layak ke *final* buat pertama kalinya. Sikap tidak mudah mengalah Tim Hoki Wanita negara berjaya membawa pasukan melangkah ke pentas akhir di Stadium Hoki Tun Razak.

Beliau berjaya membuktikan kepada bapanya bahawa kejayaan yang dicapai pada hari ini berkat usaha dan kerja kerasnya. Selain itu, doa dan restu daripada kedua ibu bapalah yang menjadikan beliau kuat untuk berjuang dan gigih berusaha mencapai kejayaan.

Buat masa kini, Juliani yang mewakili Sabah sedang memberi tumpuan pada Kejohanan TNB Liga Hoki Malaysia (TNB MHL) 2022 dan akan menghadapi Kejohanan FIH Hoki Piala Dunia Remaja Wanita 2021 yang akan berlangsung mulai 1 hingga 12 Apr 2022 di Potchefstroom, Afrika Selatan.

Selain itu, Juliani menerima anugerah *Player of the Match* kerana mempamerkan persembahan yang paling cemerlang ketika Malaysia menumpaskan Thailand 3-0 dalam perlawanan penentuan tempat kelima Kejohanan Hoki Piala Asia Wanita di Muscat, Oman pada 27 Jan 2022.

Beliau yang mesra dengan panggilan Kak Lily sering ditanya oleh *junior-juniornya* berkenaan cara dan rahsia mengekalkan kecergasan tubuh badan. Menurut Juliani, penjagaan disiplin pemakanan amat penting iaitu kurangkan makanan berminyak dan elakkan minuman sejuk. Selain itu, pastikan waktu tidur yang cukup, kawalan pernafasan yang baik juga amat penting sekiranya ditugaskan untuk beraksi sepenuh masa dalam satu-satu perlawanan bagi mengelakkan cepat berasa letih.

Juliani dan rakan seperjuangan yang pernah dijemput selaku pemain *import* untuk kelab Bremer HC di Jerman, mengakui walaupun seronok dengan pengalaman tersebut namun beliau akui mengalami sedikit kesukaran dalam mencari makanan halal dan yang bersesuaian selama menetap di sana.

Ketika di Jerman, Juliani dapat menyesuaikan diri dan mempamerkan aksi cemerlang di barisan pertahanan menyebabkan beliau sentiasa terpilih membarisi kesebelasan utama Bremer HC. Selain itu, rakannya yang beraksi di posisi penyerang, Nuramirah Syakirah Zulkifli turut menjadi tonggak penting Bremer HC apabila menjaringkan gol terbanyak pada musim pertama Bundesliga 2 Jerman.



Juliani yang berusia 37 tahun berhasrat untuk mencipta pelbagai rekod kejayaan bersama skuad hoki wanita negara sebelum bersara dalam tempoh beberapa tahun lagi. Sasaran beliau adalah mahu mencipta kejayaan dalam Sukan Asia 2022 yang akan berlangsung di Hangzhou, China mulai 10 hingga 25 Sep 2022. Untuk rekod, penampilan terbaik skuad hoki wanita dalam Sukan Asia adalah pada tahun 1982 apabila berjaya merangkul pingat gangsa di India. Menurutnya adalah satu keajaiban sekiranya Malaysia berjaya bergelar juara hoki dalam Sukan Asia kerana terdapat pelbagai negara yang hebat dan kuat seperti Jepun, Korea, India dan China. Namun setiap impian adalah tidak mustahil sekiranya ia diiringi dengan semangat dan usaha yang gigih.



# Lembaga Penilaian Kompetensi KPI Pegawai PMBTD



Oleh: LKpl Farah Wahidah Azhar

**KUALA LUMPUR:** Seramai 11 Pegawai Memerintah dan seorang Timbalan Komander terlibat untuk dinilai dalam Lembaga Penilaian Kompetensi *Key Performance Indicators* (KPI) bertempat di Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) pada 5 Jan 2022.

Lembaga ini dipengerusikan oleh Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan, manakala panel terdiri daripada panglima-panglima di bawah PMBTD dan wakil Markas

Tentera Darat - Cawangan Sumber Manusia.

Objektif pelaksanaan adalah untuk menilai pencapaian Pegawai Memerintah/Timbalan Komander dan memberikan sokongan sebelum dipertimbangkan bagi pertukaran jawatan yang bersesuaian atau peningkatan kerjaya seterusnya.

Lembaga ini memberi penekanan kepada pelan tindakan yang seiring dengan objektif dan misi organisasi yang digariskan dalam direktif-direktif PMBTD dan formasi masing-masing.

## Pemeriksaan Fizikal APITD Uji Kesiagaan MK PMBTD



**KUALA LUMPUR:** Pemeriksaan Fizikal Anugerah Pengurusan dan Inovasi Tentera Darat (APITD) bagi Kategori Anugerah Pengurusan Pemerintahan Tahun 2021 telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat Utama, Markas Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (MK PMBTD) pada 14 Jan 2022.

Pemeriksaan ini bertujuan untuk menilai segala aspek pengurusan dan inovasi MK PMBTD terhadap segala kriteria yang terkandung di dalam APITD bagi Kategori

Pengurusan dan Pemerintahan.

Sebelum pemeriksaan APITD dimulakan, Inspektorat Jeneral TD selaku Ketua Pemeriksa iaitu Brig Jen Datuk Johnny Lim Eng Seng berkesempatan melakukan Kunjungan Hormat kepada Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan.

Seterusnya, Tim Pemeriksa dibawa ke Bilik Mesyuarat Utama MK PMBTD untuk sesi taklimat sebelum melaksanakan pemeriksaan fizikal pembuktian dokumentasi bagi menyokong laporan APITD yang disediakan oleh MK PMBTD.

Pemeriksaan ini melibatkan tiga kriteria iaitu Pengurusan, Perkhidmatan Teras dan Pengurusan Pelanggan.

Program diakhiri dengan penyampaian cenderahati oleh PMB TD kepada semua ahli Tim Pemeriksa APITD Tahun 2021.

Perlaksanaan ini sejajar dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi. - **Sjn Yussuhaimi Yusof**

# PMB TD Terima Kunjungan Hormat Komander Rej 512 AW

Oleh: Pbt Muhamad Nawawi Mujtabar

**KUALA LUMPUR:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan menerima Kunjungan Hormat Komander Rejimen 512 Askar Wataniah (Rej 512 AW), Yang Amat Mulia (YAM) Tengku Seri Temenggong Raja Brig Jen Dato' Seri Tengku Baharuddin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah di pejabatnya pada 18 Feb 2022.

Kunjungan Hormat ini bertujuan membincangkan berkenaan pelaksanaan operasi-operasi Tentera Darat (TD) di bawah Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD) untuk dijadikan panduan sekiranya warga Rej 512 AW dimobilisasikan bersama angkatan tetap di dalam operasi TD.

Terdahulu, ketibaan Komander Rej 512 AW disambut oleh Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Zaidan Atan



dan pegawai-pegawai Kanan MK PMBTD di lobi sebelum dibawa ke Pejabat PMB TD.

Majlis diakhiri dengan acara menandatangani Buku Lawatan, pertukaran cenderahati dan sesi bergambar.

Aktiviti ini selaras dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi.

## Perbarisan Setahun Pemerintahan PMB TD Ke-22



566 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri daripada lapan detasmen iaitu Detasmen Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div), Detasmen 3 Div, Detasmen 4 Div dan Detasmen Gabungan Trup Pemerintahan Medan Barat Tentera Darat (PMBTD).

Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan mula menerajui PMBTD sebagai PMB TD Ke-22 pada 20 Jan 2021.

Selesai perbarisan, acara diteruskan dengan majlis jamuan ringan di Dewan Makan Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD) dan penyampaian sumbangan kebajikan oleh PMB TD kepada enam anggota LLP bagi meringankan beban yang ditanggung.

Turut hadir, Panglima 2 Div, Mej Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri, Panglima 3 Div, Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim, Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran dan Ketua Staf Am MK PMBTD, Mej Jen Dato' Zaidan Atan. - **Pbt Muhamad Nawawi Mujtabar**

**KUALA LUMPUR:** Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Datuk Muhammad Hafizuddeain Jantan menyempurnakan Perbarisan Tempur Setahun Pemerintahan PMB TD Ke-22 di Dataran Panglima Tentera Darat (PTD) pada 18 Feb 2022.

Perbarisan ini melibatkan seramai 30 pegawai dan

# Panglima 2 Div Santuni Veteran Tentera



Oleh: MK 2 Div

**PULAU PINANG:** Panglima Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div), Mej Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri bersama isteri iaitu Pengurus Badan Kebajikan

Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 2 Div, Datin Hjh Rosilawati Ahmad Tajri melakukan Lawatan Kebajikan ke atas SSjn Azmi Niti (B) bertempat di Kampung Manggis, Bayan Lepas pada 3 Jan 2022.

SSjn Azmi merupakan seorang veteran tentera berumur 52 tahun yang menghidap penyakit strok lumpuh separuh badan dan hanya bergantung pada sejenis susu khas sebagai makanan sehari-hari.

Beliau bersara daripada perkhidmatan pada tahun 2015 dengan jawatan terakhirnya adalah Ketua Kerani di Batalion Kedua Rejimen Askar Melayu Diraja (2 RAMD).

Dalam lawatan tersebut, Panglima 2 Div dan isteri menyampaikan sumbangan susu dan lampin pakai buang serta sedikit wang tunai bagi meringankan beban yang ditanggung oleh veteran serta ahli keluarga beliau.

## Program Book Review Bahasa Inggeris Rej 509 AW

**PULAU PINANG:** Seramai empat pegawai dan 18 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Program Book Review di Dewan Cawangan Latih, Rejimen 509 Askar Wataniah (Rej 509 AW) pada 17 Feb 2022.

Program tersebut merupakan salah satu pendekatan untuk memperkasakan lagi aktiviti rejimen dalam Pelan English Medium Briged.

Objektif utama adalah untuk memberi pendedahan dan panduan bagi meningkatkan lagi penguasaan dan kefahaman warga rejimen dalam aspek penulisan Bahasa Inggeris.

Aktiviti yang dilaksanakan secara mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) ini sejajar dengan Direktif Panglima 6 Bgd dan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi. - Rej 509 AW



## PK Gagalkan Cubaan Penyeludupan Ketum



**KEDAH:** Anggota Tentera Darat (TD) daripada elemen Pasukan Keselamatan (PK) OP BENTENG berjaya menumpaskan aktiviti penyeludupan daun ketum ke negara jiran melalui satu serbuan ke atas seorang penunggang motorsikal di kawasan sempadan Malaysia/Thailand pada 17 Feb 2022.

Hasil serbuan mendapat terdapat tiga guni putih mengandungi daun ketum seberat 100 kg ditinggalkan oleh penunggang motorsikal yang bertindak mlarikan diri.

Anggaran nilai rampasan keseluruhan berjumlah RM 3,500 diserahkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk tindakan selanjutnya. - MK 6 Bgd

# Taklimat LTAT Dan Penerangan Aplikasi MyWira Peringkat 2 Div



Oleh: MK 2 Div

**PULAU PINANG:** Chief Executive Officer (CEO) Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT), Encik Zulkofli Ismail

dari bahagian Pengurusan Pen-carum LTAT memberi penerangan berkaitan LTAT dan aplikasi MyWira kepada warga Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div) bertempat di Dewan Banquet 2 Div pada 2 Mac 2022.

Taklimat diadakan bertujuan meningkatkan kefahaman warga tentera dalam perkhidmatan mengenai kemudahan dan faedah-faedah yang boleh dinikmati oleh pencarum-pencarum LTAT.

Di samping itu, cara menggunakan aplikasi MyWira turut dijelaskan secara terperinci kepada warga 2 Div bagi memudahkan para pencarum mengakses maklumat caruman dan info yang berkaitan dengan LTAT pada bila-bila masa dengan lebih pantas.

Pelaksanaan taklimat diadakan dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dalam usaha mencegah penularan wabak COVID-19.

Program sebegini sangat bermafaat kepada warga tentera dan perlu diadakan dengan lebih kerap.

## Ceramah Kesedaran Dan Pameran Dadah 2 Div



**PULAU PINANG:** Seramai 25 pegawai dan 120 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) di bawah naungan Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div) terlibat dalam Ceramah Kesedaran dan Pameran Dadah Peringkat 2 Div di Rejimen Kedua Kor Polis Tentera Diraja (2 Rej KPTD) pada 25 Feb 2022.

Program yang dianjurkan MK 2 Div turut mendapat kerjasama daripada Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) Pulau Pinang.

Objektif program adalah untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada warga 2 Div dalam menangani

penyalahgunaan dadah, penyelewengan dan salah guna kuasa yang mampu menjelaskan prestasi kerja dan imej ketenteraan.

Acara dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Pegawai AADK Cawangan Barat Daya Pulau Pinang, Encik Ariff Fadzli Sani dan diakhiri dengan pameran dadah serta barang terlarang.

Program yang berpaksikan teras Integriti ini bertepatan dengan Tonggak Lima Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.

- MK 2 Div

# Panglima 3 Div Pantau Kerja Senggaraan KTJ Op 7 Bgd

Oleh: MK 3 Div

**JOHOR:** Panglima Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (3 Div), Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim mengadakan lawatan senggaraan di Pos Tanjung Sepang dan Kem Sri Medini pada 1 Jan 2022.

Selain melihat perkembangan projek senggaraan di kawasan Op MERPATI 1 Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Briged Ketujuh Infantri Malaysia (7 Bgd), Panglima 3 Div turut beramah mesra bersama anggota yang melaksanakan pugasan iaitu dari Rejimen Ketujuh Artilleri Diraja (7 RAD).

Walaupun keadaan keluarga anggota pasukan 7 RAD yang berpangkalan di Kem Batu 3, Temerloh Pahang sedang menghadapi situasi banjir dan terpaksa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS), namun ianya tidak menghalang pasukan ini meneruskan penugasan bagi mempertahankan sempadan negara dari segala bentuk ancaman dan pencerobohan.

Dalam ucapan Panglima 3 Div, beliau melahirkan rasa simpati terhadap kejadian banjir yang menimpa anggota dan keluarga warga 7 RAD dan akan memastikan segala bantuan disalurkan bagi meringankan bebanan yang ditanggung termasuk senggaraan semula rumah keluarga.



Selain itu, lawatan ini juga bagi memastikan projek-projek yang dilaksanakan dibuat mengikut spesifikasi serta mengikut garis masa ditetapkan.

Kerja-kerja senggaraan di kawasan tersebut diberikan keutamaan bagi memastikan anggota berkeupayaan melaksanakan tugas dengan berkesan serta menjaga kebijakan dan moral.

Turut hadir, Panglima 7 Bgd dan Peg Memerintah 7 RAD.

## Pasukan Op BENTENG Laksana Latihan Penyesuaian Kenderaan



**JOHOR:** Seramai 36 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan naungan Kawasan Tanggungjawab (KTJ) Briged Ketujuh Infantri Malaysia (7 Bgd) melaksanakan Latihan Penyesuaian Kenderaan Op BENTENG Siri 6/2022 bertempat di Kompeni Ketujuh Kor Perkhidmatan Diraja (7

KPD) mulai 3 hingga 7 Jan 2022.

Latihan ini bertujuan memberi kemahiran kepada anggota yang akan mengendalikan kenderaan di kawasan operasi KTJ 7 Bgd merangkumi kenderaan Trak 1 Tan Toyota Hilux, All Terrain Vehicle (ATV) Blade 609 LTS EPS dan Motosikal Scrambler WMOTO SRX 300cc.

Anggota juga diberi pendedahan mengenai tatacara pemanduan berhemah, senggaraan komponen kenderaan, pengurusan dokumentasi kenderaan dan tatacara pengendalian kenderaan.

Selain itu, anggota dilatih dengan disiplin halangan di jalan berturap dan offroad di Tebrau Offroad Competency Circuit (TOCC) bagi meningkatkan lagi kemahiran pemanduan.

Latihan diakhiri dengan penyerahan Lesen Memandu ATM iaitu BAT D 41 (Terhad) Kelas B dan D kepada anggota yang berkelayakan.

Pelaksanaan program ini bertepatan dengan Tonggak Pertama Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Kelangsungan Misi dan Kesiagaan. - **Komp 7 KPD**

# Bantuan Penghantaran Bahan Api Ke Menara Telekomunikasi TM



Oleh: MK 1 Bgd

**NEGERI SEMBILAN:** Markas Briged Pertama Infantri Malaysia (MK 1 Bgd) dengan bantuan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah mengatur gerak sebuah pesawat Helikopter EC 725 AP dari No. 10 Skuadron bagi membantu pihak berkuasa tempatan melakukan penghantaran bahan api seberat 41,600 kg ke menara telekomunikasi Telekom Malaysia (TM) Gunung Telapak Burok pada 17 Jan 2022.

Penghantaran udara ini melibatkan enam anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) dari pasukan 1 Kompeni Angkut Kor Perkhidmatan Diraja (1 Komp KPD) bersama seorang

pegawai dan 15 anggota LLP Platan Hantaran Udara 10 KPD.

Penerbangan dimulakan di Sekolah Kebangsaan Sri Pantai terlebih dahulu sebagai *Pick-up Point* bagi tempat pengumpulan bahan api.

Penghantaran setiap bahan api tersebut dilaksanakan menggunakan kaedah cargo sling ke puncak gunung tersebut yang berketinggian 3,780 kaki dari aras laut.

Seramai 16 anggota TM, enam anggota Platan Hantaran Udara 10 Briged dan tujuh anggota bomba telah dihantar menggunakan kaedah *hoisting* ke puncak Gunung Telapak Burok sebagai kumpulan awal bagi penerimaan bahan api tersebut.

Perlaksanaan operasi ini disebabkan Menara Telekomunikasi TM Telapak Burok telah terputus laluan darat, bekalan dan hubungan akibat kejadian tanah runtuhan di beberapa kawasan semasa bencana alam yang melanda pada penghujung tahun lalu.

Bantuan kemanusiaan ini seiring dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.

Turut hadir, Ketua Staf MK 1 Bgd, Lt Kol Syed Suhairi Syed Hussien, Penolong Pengguna Jabatan Bomba (unit udara), Rizal Buang dan Penolong Pengurus Besar TM Negeri Sembilan, Tuan Shaik Hamid.

## Dua Anggota KPTD Terima Penghargaan Panglima 3 Div



**MELAKA:** Panglima Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (3 Div), Mej Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim menyempurnakan Penyerahan Sijil Penghargaan ke atas dua anggota Kor Polis Tentera Diraja (KPTD) di MK

3 Div pada 16 Feb 2022.

Sjn Erwan Iedham Mohamad Rami dan LKpl Nor Ame Osman menerima penghargaan daripada Panglima 3 Div di atas kelakuan terpuji yang tular kerana mengutamakan laluan kepada ambulans ketika dalam tugas mengawal laluan aset tentera di persimpangan lampu isyarat Kendong.

Menurut Panglima 3 Div, tindakan dua anggota tersebut yang membantu mengawal lalu lintas dan memberi keutamaan kepada ambulans dalam kecemasan bukan sahaja membantu menonjolkan imej positif Tentera Darat (TD) dalam mendahului kepentingan masyarakat, malah ianya jelas menunjukkan anggota TD mempunyai kebijaksanaan dalam membuat keputusan yang tepat.

Tindakan sebegini sejajar dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan TD Dengan Awam. - **MK 3 Div**

# Serah Terima Tugas Panglima 11 Bgd

Oleh: MK 11 Bgd

**SELANGOR:** Seramai 15 pegawai dan 134 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) diketuai Pegawai Memerintah Batalion Ke-25 Rejimen Askar Melayu Diraja (25 RAMD) terlibat dalam Perbarisan Serah Terima Tugas Panglima Briged Ke-11 Infantri Malaysia (11 Bgd) di Dewan Jubli Emas pada 3 Jan 2022.

Serah menyerah ini di antara Brig Jen Noorul Azril Ariffin dengan Brig Jen Hj Fazal Hj Abdul Rahman selaku Panglima 11 Briged yang baharu disaksikan oleh Panglima Divisyen Keempat Infantri Malaysia (4 Div), Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran.

Acara dimulakan dengan menandatangani Nota Serah Terima Tugas dan penyerahan Tongkat Kuasa Panglima sebagai simbol peralihan kuasa dan pertukaran tumpuk pemerintahan yang baharu bagi formasi 11 Bgd.

Pada masa yang sama, Majlis Serah Terima Tugas Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 11 Bgd turut diadakan yang disaksikan oleh Ketua Staf MK 11 Bgd, Lt Kol Sharil Izuan Oshaman di Rumah BAKAT 11 Bgd.

Puan Noriza Md Rashid secara rasminya menyerahkan tugas dan tanggungjawab kepada Puan Hjh Habibah Hj



Mazlan selaku Pengerusi BAKAT 11 Bgd yang baharu.

Acara diakhiri dengan *street lining* yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 25 RAMD sebagai penghargaan dan penghormatan terakhir buat Brig Jen Noorul Azril Ariffin dan isteri di atas jasa dan sumbangan bakti yang dicurahkan sepanjang memerintah 11 Bgd.

Acara rejimental ini dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan selain sejarah dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi.

## 12 Bgd Terima Panglima Baharu



**KUALA LUMPUR:** Sebanyak empat detasmen terdiri daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja (1 RAMD), Batalion Pertama Rejimen Renjer Diraja (1 RRD), gabungan pasukan bantuan tempur dan Skuadron Istiadat Berkuda (SIB) terlibat dalam Perbarisan Serah

Terima Tugas Panglima Briged Ke-12 Infantri Malaysia (12 Bgd) Ke-24 di Dataran Panglima Tentera Darat (PTD) pada 6 Jan 2022.

Serah menyerah ini di antara Pemangku Panglima 12 Bgd, Kol Zulmadi Ariffin dengan Brig Jen Sani S Omar selaku Panglima 12 Bgd Ke-24 yang berkuatkuasa pada 3 Jan 2022.

Majlis diteruskan dengan acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas, Penyerahan Tongkat Kuasa dan Bendera 12 Bgd yang disaksikan oleh Panglima Divisyen Keempat Infantri Malaysia (4 Div), Mej Jen Dato' Ya'cob Hj Samiran.

Sementara itu, turut diadakan acara Serah Terima Tugas Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 12 Bgd di antara Puan Rose Lina Osman dengan Puan Fatimah Mohamad selaku Pengerusi BAKAT 12 Bgd yang baharu di Rumah BAKAT 1 RAMD.

Acara rejimental ini selaras dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasasi. - **MK 12 Bgd**

# Panglima 2 Bgd Lawat Kawasan Operasi



Oleh: MK 2 Bgd

**PERAK:** Panglima Briged Kedua Infantri Malaysia (2 Bgd), Brig Jen Mohd Azmurin Mat Khalib melakukan Lawatan Kerja ke Op PASIR untuk melihat dengan lebih dekat penu-

gasan yang dilaksanakan oleh pasukan di bawah naungan 2 Bgd dari 11 hingga 18 Feb 2022.

Dalam sesi perjumpaan bersama anggota, Panglima 2 Bgd memberi kata semangat serta sokongan moral kepada anggota yang bertugas agar terus komited dalam melaksanakan penugasan operasi yang telah diamanahkan serta menjaga disiplin dan tidak melakukan perkara di luar bidang kuasa yang boleh menjekas nama baik Tentera Darat (TD).

Selain itu, Panglima 2 Bgd turut menekankan beberapa aspek keselamatan dalam penugasan dan tanggung-jawab setiap anggota bertugas serta mengingatkan kepada seluruh anggota agar berhati-hati dalam melaksanakan penugasan.

Pelaksanaan program ini sejajar dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi.

## Pemakaian Pangkat Anggota LLP MK 4 Div



**KUALA LUMPUR:** Seramai 29 pegawai dan 89 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Markas Divisyen Keempat Infan-

tri Malaysia (MK 4 Div) terlibat dalam Perbarisan Pemakaian Pangkat Anggota LLP yang disempurnakan oleh Panglima 4 Div, Mej Jen Dato' Hj Ya'cob Hj Samiran di perkarangan MK 4 Div pada 25 Feb 2022.

Seramai tujuh anggota LLP dinaikkan pangkat dan kekal di cawangan masing-masing.

Dalam ucapan Ketua Staf MK 4 Div, Kol Zainudin Bahari menekankan aspek pembangunan kendiri dan disiplin wajib diterapkan ke dalam diri setiap individu agar pasukan sentiasa relevan serta efisien dalam apa jua keadaan.

Perbarisan ini dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dan mendukung Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi. - MK 4 Div

## Lawatan USARPAC Ke 11 Bgd

**SELANGOR:** Seramai 13 pegawai dari United States Army Pacific (USARPAC) terlibat dalam Taklimat *Middle Planning Conference* (MPC) Eksesais KERIS STRIKE bertempat di Bilik Mesyuarat Markas Brigid Ke-11 Infantri Malaysia (MK 11 Bgd) pada 24 Mac 2022.

Taklimat tersebut disampaikan oleh Panglima 11 Bgd, Brig Jen Hj Fazal Hj Abd Rahman kepada USARPAC dan pegawai Tentera Darat (TD) terdiri daripada Subject Matter Expert (SME) yang meliputi Artilleri, CBRNe (Chemical, Biological, Radiological, Nuclear and Explosive), Penerangan serta Military Police (MP).

Objektif taklimat dan lawatan ini adalah untuk membincangkan perkara-perkara pentadbiran, perancangan kertas latihan dan aktiviti yang dirancang oleh 11 Bgd bagi pelaksanaan eksesais kelak.

Selain taklimat, USARPAC dibawa meninjau lokasi dewan, bilik penginapan dan dewan makan di Kem Sungai Buloh yang akan digunakan bagi pelaksanaan eksesais.

Taklimat dan tinjauan ini dilaksanakan mengikut Prosedur

Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan dalam usaha mencegah penularan wabak COVID-19.

Program ini bertepatan dengan Tonggak Keempat Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pengukuhan Hubungan Pertahanan.

Turut hadir, Ketua Staf Divisyen Keempat Infantri Malaysia, Kol Zainuddin Bahari. - MK 11 Bgd



# **PMTTD Sempurnakan Perjalanan Akhir Mantan YDP Sarawak Ke-3**



Oleh: MK PMTTD

**SARAWAK:** Mantan Yang Di-Pertua (YDP) Negeri Sarawak Ketiga, Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng menghembuskan nafas terakhir pada usia 100 tahun di Pusat Perubatan Pakar Normah pada 29 Jan 2022.

Panglima Divisyen Pertama Infantri Malaysia (1 Div), Mej Jen Dato' Dzulkafli Hj Mustaffa mengetuai warga Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD)

memberikan penghormatan terakhir dengan menyempurnakan Solat Jenazah di Masjid Negeri Petra Jaya sebelum mengiringi jenazah untuk disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Semariang.

Bagi mengiringi perjalanan akhir Allahyarham, warga PMTTD telah menyempurnakan mandat dengan menyediakan dua tim pengusut daripada Batalion Ke-11 Rejimen Askar Malaya Diraja (11 RAMD) dan Batalion Ke-10 Rejimen Renjer Diraja (10 RRD) berkekuatan sembilan orang pegawai.

Allahyarham dilahirkan pada 27 Ogos 1921 di Kampung Nangka, Sibu dan pernah dilantik sebagai YDP Negeri Sarawak sebanyak dua kali iaitu pada tahun 1977 hingga 1981 sebelum kembali menggalas tanggungjawab itu pada 22 Feb 2001 hingga 28 Feb 2014 (TYT Keenam).

Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD), Lt Jen Dato' Mardzuki Muhammad dan seluruh warga PMTTD mengucapkan salam takziah dan semoga rohnya ditempatkan dalam kalangan orang beriman.

Turut hadir, YDP Negeri Sarawak, YDP Tun Pehin Sri Abdul Taib Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abang Johari Tun Openg dan Panglima Briged Ketiga Infantri Malaysia, Brig Jen Mohd Kamil Hj Abdul Latiff.

## **Perbarisan SMR PMTTD**

**SARAWAK:** Seramai 57 anggota Lain-lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Perbarisan Sarjan Mejar Rejimen (SMR) Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD), PWI Jabun Lajang di Padang Kawad PMTTD pada 31 Jan 2022.

Perbarisan ini bertujuan untuk memelihara kelestarian tradisi rejimental bertunjangkan Sistem Pemerintahan Rejimental (SPR).

Dalam ucapan SMR PMTTD, beliau menyarankan setiap anggota menjaga disiplin dan keterampilan terpuji sebagai seorang anggota tentera terlatih serta mengelakkan perilaku yang menyalahi peraturan seperti dadah, Tidak Hadir Tanpa Cuti (THTC) dan aktiviti tercela.

Kemudian, acara diteruskan dengan Ujian Kelayakan Kemahiran Individu (UKKI) bagi menguji kebolehan, keyakinan diri, dan kerjasama setiap individu di dalam kumpulan.

Perbarisan seumpama ini merupakan simbiosis ke-



mampuan jati diri di peringkat akar umbi yang diintegrasi bersama Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi. - MK PMTTD

## **Acara Menembak Pistol Novelti Erat Kerjasama Strategik PMTTD**



**SARAWAK:** Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD), Lt Jen Dato' Mardzuki Mohammad menyertai acara Menembak Pistol Novelti di Lapang Sasar 25 Meter pada 9 Feb 2022.

Acara yang julung kali diadakan ini menyaksikan penglibatan agensi keselamatan lain dan pemimpin masyarakat antaranya Pesuruhjaya Polis Sarawak, Dato' Aidi Ismail, ADUN Stakan, Datuk Hamzah Brahim serta penglibatan formasi di bawah naungan Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD).

Program ini bertepatan dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam. - MK PMTTD

# PMT TD Berkolaborasi Dengan PDRM Tepis Ancaman

Oleh: MK PMT TD

**SARAWAK:** Ketua Pengarah Operasi dan Latihan (OPLAT), Brig Jen Hassan Embong, Kol Perisikan, Kol Sukcha Din Tawan dan lima lagi pegawai sebagai delegasi Pemerintahan Medan Timur Tentera Darat (PMTTD) melakukan Kunjungan Hormat ke atas Ketua Cawangan Khas (KCK) Ibu Pejabat Polis Kontinjen Sarawak, SAC Mohd Hairuddin Che Hamid di Pejabat KCK Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Sarawak pada 8 Feb 2022.

Lawatan tersebut bertujuan menjalin dan mengukuhkan rangkaian kerjasama perisikan di antara PMTTD dengan Cawangan Khas PDRM Sarawak bagi memperkuatkannya agenda pemerkasaan keselamatan sempadan di Sabah dan Sarawak agar terhindar daripada sebarang ancaman.

Dalam ucapan Ketua Pengarah OPLAT, beliau menzahirkan ucapan jutaan terima kasih di atas kesudian pihak PDRM menerima kunjungan pihak PMTTD khususnya dalam agenda perkongsian maklumat dan perisikan antara kedua-dua agensi.

Beliau turut mengusulkan agar pertemuan berkala antara kedua-dua agensi dilaksanakan sebanyak empat kali setahun bagi mengemaskini analisis informasi ancaman di sempadan dan mengeratkan kerjasama perisikan.



Acara diteruskan dengan penyampaian taklimat dan cenderahati sebelum diakhiri dengan sesi fotografi.

Kunjungan ini bertepatan dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.

Turut hadir, Timbalan KCK (Risikan & Operasi), ACP Yuszida Basria dan Timbalan KCK (Pengurusan & Koordinasi), ACP Baharuddin Abdullah.

## Kedaulatan Wilayah 2: Keutuhan Batas Sarawak-Kalimantan Giat Diperkasa



**SARAWAK:** Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD), Lt Jen Dato' Mardzuki Muhammad bersama Panglima Briged Ketiga Infantri Malaysia (3 Bgd), Brig Jen Mohd Kamil Hj Abdul Latiff dan delegasi melakukan Lawatan Kerja ke tapak projek Pos Padang Pan pada 10 Feb 2022.

Tujuan lawatan adalah bagi melihat perkembangan pembinaan pos kawalan baharu di kawasan persempadan Sarawak-Kalimantan dan meninjau tahap kesiagaan pasukan yang sedang beroperasi.

PMT TD menekankan prinsip fleksibiliti dalam pelaksanaan tugas agar momentum pembinaan dapat dipacu dengan lebih efektif dan dinamik.

Proses pembinaan bermula sejak 17 Mei 2021 yang

lalu merupakan penampang bagi sebarang potensi kebocoran di jajaran Kalimantan Barat (KALBAR) dan seterusnya memastikan sempadan Wilayah 2 kekal utuh.

Lawatan diteruskan ke Kem Jawatankuasa Pengurusan Gerakan (JPG) Serikin bagi meninjau kesiagaan pasukan Batalion Ke-20 Rejimen Askar Melayu Diraja (20 RAMD).

PMTTD akan mengatur gerak trup tentera di kawasan operasi dengan mengekalkan penempatan di Kem/Pos JPG tetap bertujuan untuk mendominasi kawasan serta mencegah sebarang bentuk ancaman seperti penyeludupan, kemasukan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan lain-lain aktiviti lintas batas di sempadan.

Pada masa yang sama, PMT TD turut mengingatkan agar aspek peningkatan kemahiran anggota menerusi 'train the trainer' terus diperkasa dengan membudayakan amalan 'do the right thing' dalam pelaksanaan tugas.

Untuk rekod, sehingga Dis 2021, hasil operasi PM-TTD berjaya mencatat nilai rampasan sebanyak RM 23,680,319.96 dengan sejumlah 1,534 PATI ditangkap, 669 diusir dan seramai 50 penyeludup ditumpaskan.

Program diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati di antara PMT TD dengan Pegawai Memerintah 20 RAMD dan secara keseluruhan lawatan dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Aktiviti ini sejajar dengan Tonggak Pertama Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Kelangsungan Misi dan Kesiagaan. - MK PMTTD

# Lawatan Kerja Panglima 31 Bgd Ke 9 RS



Oleh: MK 31 Bgd

**SARAWAK:** Seramai lima pegawai dan 104 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Batalion Kesembilan Rejimen Sempadan (9 RS) terlibat perbarisan sempena Lawatan Kerja Panglima Briged Ke-31 Infantri Malaysia (31 Bgd), Brig Jen Hj Abdul Jalal Zaidi Abdul Majid yang diadakan di padang kawad pasukan pada 7 Jan 2022.

Lawatan ini bertujuan untuk memantau kesiapsiagaan pasukan melaksanakan Op JAGAKAWAN Siri 1/2022 dan dikesempatan ini Panglima 31 Bgd menyampaikan beberapa amanat kepada pegawai dan anggota LLP yang

akan terlibat operasi.

Dalam amanatnya, beliau menitik beratkan berkaitan pemahaman serta peranan tugas semua peringkat pegawai dan anggota dalam melaksanakan operasi serta mempraktikkan latihan dalam kawasan operasi (*Op cum Training*) dilaksanakan mengikut PROTAP yang digariskan dan menjaga keselamatan semasa beroperasi.

Beliau turut menekankan kepada semua anggota barisan belakang yang tidak terlibat operasi untuk lebih peka terhadap keselamatan kem agar terhindar dari sebarang tindakan espionaj dan sabotaj.

Di akhir ucapan, Panglima 31 Bgd mengingatkan setiap lapisan anggota agar melaksanakan penugasan operasi dengan penuh tanggungjawab di samping tidak melakukan perkara yang bertentangan dengan Akta Angkatan Tentera Malaysia (ATM) 1972 dan Perintah Keselamatan ATM 2019 yang boleh mencemarkan nama baik organisasi Tentera Darat umumnya dan 31 Bgd khasnya.

Pelaksanaan lawatan kerja ini sejajar dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi.

## Program Motivasi Kecemerlangan SPM 9 Bgd

**SARAWAK:** Seramai 14 pelajar terdiri daripada anak anggota tentera terlibat dalam Program Motivasi Kecemerlangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) anjuran Sel Pendidikan Markas Briged Kesembilan Infantri Malaysia (MK 9 Bgd) bagi sesi 2021/2022 bertempat di Rumah Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) 9 Bgd pada 5 Feb 2022.

Program ini merupakan kolaborasi bersama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) dalam memastikan kebijakan pendidikan anak-anak warga tentera terus menjadi teras utama ATM.

Terdahulu, program yang dilaksanakan secara bersempuka dan atas talian ini dirasmikan oleh Ketua Staf MK 9 Bgd, Lt Kol Anuar Ahmad.

Dalam ucapan Ketua Staf MK 9 Bgd, beliau menasihatkan para pelajar agar terus cekal dan bersemangat menghadapi peperiksaan SPM meskipun negara masih



dalam peralihan fasa pandemik ke endemik COVID-19.

Pelaksanaan program ini adalah bagi mendukung Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga.

Turut hadir, Guru Cemerlang SMK Kampung Nangka, Cikgu Ismaili Johari sebagai penceramah jemputan. - MK 9 Bgd

# Seminar Anti Dadah, Ancaman Judi Siber, Anti Rasuah Dan Integriti



Oleh: MK 1 Div

**SARAWAK:** Seramai 100 pegawai dan anggota Lain Lain Pangkat (LLP) terlibat dalam Seminar Anti Dadah, Ancaman Judi Siber, Anti Rasuah dan Integriti Peringkat Divisyen Pertama Infantri Malaysia (1 Div) di Dewan Serbaguna, Kota Samarahan pada 17 dan 18 Feb 2022.

Agensi awam dan tentera yang terdiri daripada Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Cawangan Siasatan Jenayah (CSJ) Zon Sarawak telah dijemput menjayakan seminar ini.

Objektif program berpaksikan teras integriti adalah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran terhadap gejala-gejala negatif yang mampu menjadikan prestasi kerja dan imej tentera terutamanya penyalahgunaan dadah, judi siber, rasuah, penyelewengan serta penyalahgunaan kuasa.

Selain itu, program ini bertujuan meningkatkan tahap kefahaman anggota berhubung aspek perundungan awam dan peranan agensi yang terlibat dalam menangani gejala negatif ini.

Pelaksanaan seminar ini sejajar dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam.

## Road Relay Peringkat 31 Bgd

**SARAWAK:** Pegawai Memerintah Batalion Kesembilan Rejimen Sempadan (9 RS) merangkap pemangku Panglima Briged Ke-31 Infantri Malaysia (31 Bgd), Lt Kol Shapirun Hashim merasmikan Pertandingan Road Relay Peringkat 31 Bgd di Sibu pada 17 Feb 2022.

Pertandingan anjuran 6 RS ini terdiri daripada disiplin larian sejauh 16 km berganti-ganti melibatkan 10 peserta setiap pasukan yang mana masa terpanas menamatkan larian dikira sebagai pemenang.

Johan pertandingan dimenangi oleh pasukan 7 RS dengan catatan masa 58 minit 18 saat dan diikuti pasukan 6 RS selaku Naib Johan.

Manakala, Pbt Muhammad Danial Muftaruddin dari pasukan 7 RS dinobatkan sebagai peserta larian terpantas



sepusingan dengan catatan masa 5 minit 12 saat.

Pelaksanaan pertandingan ini selari dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi. - MK 31 Bgd

## Hari Pengajian Tingkat Ilmu PTTK

**SARAWAK:** Seramai 31 Pegawai Tidak Tauliah Kanan (PTTK) Divisyen Pertama Infantri Malaysia (1 Div) terlibat dalam Hari Pengajian di Wisma Bintara Sri Enggang pada 18 Feb 2022.

Hari Pengajian bertajuk Perutusan Panglima Tentera Darat Ke-28 - Peranan dan Halatuju PTTK 1 Div ini membolehkan semua peringkat anggota memahami dan merealisasikan Tiga Prinsip dan Lima Tonggak (3P+5T) dalam tugasannya harian.

Penuntut turut dibahagikan kepada lima sindiket bagi membincangkan serta melakukan pembentangan mengikut setiap tonggak di bawah pemantauan mentor yang dilantik daripada kalan-jan pegawai staf MK 1 Div.

Pelaksanaan program ini bertujuan meningkatkan tahap profesionalisme supaya dapat menghasilkan ke-



tumbukan yang efektif dan efisien selaras dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi. - MK 1 Div

# Upacara Memperingati Mangsa-Mangsa Perang

Oleh: MK 5 Bgd

**SABAH:** Menteri Belia dan Sukan Sabah, Datuk Ellron Angin mewakili Ketua Menteri Sabah menyempurnakan Upacara Memperingati Mangsa-Mangsa Perang di Taman Peringatan Petagas pada 21 Jan 2022.

Upacara ini diadakan bagi menghargai pengorbanan, keberanian dan kesetiaan para pahlawan suatu ketika dahulu dalam berjuang mempertahankan kedaulatan tanah air yang tercinta.

Majlis diteruskan dengan upacara menerima tabik hormat dan istiadat meletakkan karangan bunga di Tugu Peringatan di mana majlis ini turut mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Turut hadir, Panglima Briged Kelima Infanteri Malaysia, Brig Jen Saiful Bahari Zainol dan Mayor Bandaraya Kota Kinabalu, Datuk Noorliza Ag. Alip.



## Perbarisan Penyerahan OPPP MK 13 Bgd Kepada MK ATB 2

**SABAH:** Seramai sembilan pegawai dan 73 anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) terdiri daripada pasukan Batalion Kelapan Rejimen Sempadan (8 RS), Batalion Ke-14 Rejimen Askar Melayu Diraja (Mekanize) (14 RAMD (Mek)) dan Rejimen Keenam Artilleri Diraja (6 RAD) terlibat dalam Perbarisan Penyerahan Op PASIR PESISIR PANTAI (OPPP) di Padang Kawad 26 RAMD pada 27 Jan 2022.

Ketua Staf Markas Angkatan Bersama (MK AB), Mej Jen Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Ghani mewakili Panglima

Angkatan Bersama menyempurnakan perbarisan yang diketuai oleh Pegawai Memerintah 2 RAMD.

Perbarisan ini turut diiringi Platun Serunai dari 22 RAMD sebagai simbolik kepada Penyerahan OPPP di antara Markas Briged Ke-13 Infanteri Malaysia (13 Bgd) dengan Markas Angkatan Tugas Bersama 2 (MK ATB 2) yang telah mengambil alih secara rasmi berkuatkuasa pada 31 Dis 2021.

Acara dimulakan dengan ketibaan Ketua Staf MK AB disusuli dengan nyanyian lagu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta acara menandatangani Nota Serah Terima Tugas Pemerintah OPPP di antara Panglima 13 Bgd, Brig Jen Suhami Hj Shamsudin dengan Komander ATB 2, Brig Jen Abdul Karim Ahmad disaksikan oleh Ketua Staf MK AB.

Seterusnya, berlangsung acara menurunkan bendera formasi 13 Bgd dan menaikkan bendera ATB 2.

Perbarisan ini dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) dan ianya sejajar dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi.

Turut hadir, pegawai-pegawai dari MK 13 Bgd, MK AB dan MK ATB 2. - MK 13 Bgd



# Lawatan Ulung Panglima 5 Bgd Ke 5 SSB



Oleh: MK 5 Bgd

**SABAH:** Panglima Briged Kelima Infantri Malaysia (5 Bgd), Brig Jen Saiful Bahari Zainol melakukan Lawatan Ulung ke Skuadron Sembilan Briged Kelima Infantri (5 SSB) di Padang Kawad 5 SSB pada 9 Mac 2022.

Ketibaan Panglima 5 Bgd disambut oleh Ketua Skuadron 5 SSB lalu diteruskan dengan acara Pemakaian Pangkat Anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) 5 SSB.

Panglima 5 Bgd seterusnya meluangkan masa menghadiri jamuan makan tengahari bagi mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai dengan anggota LLP 5 SSB di Gapmata.

Selain itu, beliau turut menyampaikan sumbangan wang khairat kematian kepada dua anggota 5 SSB iaitu Sjn Suzie Joannes yang kehilangan bapa dan LKpl Mohammad Farid Hasmin yang kehilangan isteri.

Majlis diakhiri dengan sesi penyampaian cenderahati kepada Panglima 5 Bgd dan menandatangani Buku Lawatan.

Acara ini bertepatan dengan Tonggak Kedua Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Memperkasakan Keutuhan Organisasi.

## Khidmat Bakti Warga 5 Div Diiktiraf

**SABAH:** Panglima Divisyen Kelima Infantri Malaysia (5 Div), Mej Jen Datuk Hj Mohd Halim Khalid mendahului senarai menerima Sijil Penghargaan yang disempurnakan oleh JP Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah, Datuk Seri Panglima SR. Hj Safar Untong dalam Majlis Penghargaan Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah di Kota Kinabalu pada 18 Mac 2022.

Sijil Penghargaan ini diberi kepada semua agensi yang terlibat di atas sumbang bakti dan kerjasama unggul dalam Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah semasa pandemik.

Ini sekaligus membuktikan keupayaan 5 Div dalam melaksanakan penugasan serta bekerjasama bersama agensi-agensi awam.

Terlebih dahulu, Panglima 5 Div menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri COVID-19 yang dilaksanakan secara bersemuka buat julung kalinya setelah dua tahun ia dilaksanakan secara maya dalam



usaha membendung penularan COVID-19.

Pelaksanaan program ini selaras dengan Tonggak Kelima Perintah Ulung Panglima Tentera Ke-28 iaitu Peningkatan Hubungan Tentera Darat Dengan Awam. - MK 5 Div

## Pertandingan KKU Zon Tawau



**SABAH:** Panglima Briged Ke-13 Infantri Malaysia (13 Bgd), Brig Jen Suhaimi Hj Shamsuddin menyaksikan Pertandingan Kawalan Kehormat Utama (KKU) pasukan


naungan Divisyen Kelima Infantri Malaysia (5 Div) peringkat Zon Tawau yang dilaksanakan di Padang Kawad Batalion Ketujuh Rejimen Askar Melayu Diraja (7 RAMD) pada 22 Mac 2022.

Pertandingan ini melibatkan penyertaan pasukan 7 RAMD dan Batalion Kelapan Rejimen Sempadan (8 RS).

Objektif pertandingan adalah untuk membina ketahanan mental dan fizikal, semangat kepercayaan dalam kumpulan serta memupuk semangat disiplin dan sentiasa bersedia melaksanakan tugas KKU pada sebilang masa.

Pengajuran pertandingan ini selaras dengan Tonggak Pertama Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Kelangsungan Misi Dan Kesiagaan.

Turut hadir, Pegawai Memerintah 7 RAMD dan 8 RS.  
- MK 13 Bgd



## Suku Kaum Kadazan Dusun Di Sabah

Oleh: Lt Sitti Zubaidah binti Kanisius Moa @ Benyamin

**R**oso au sabar magandad Lamai Kamaatan di tulan mikat", minimboros Sitti Zubaidah doid iso temu ramah kokomi Lamai Kaamatan poposuni nilai-nilai tosonong doid ginawo ginumuan.

Lamai Kaamatan doid komoi boros suai Tadau Kaamatan nopo nga kapanaandakan di adaton sunduan parai (Bambaazon) koutuson mantad rundun Huminodun di ramaion di ginumuan kazadandusun. Abaabayan apangkal ginumuan diti nopo nga mongomot om mananom. Amu osuaian ginumuan oroitan monongkoaugigina lamai mongomot monikid toun.

Miagal di toilaan tokou toinsanan, 1 Mikat nopo nga koropomitam Lamai Kaamatan montok poimpalid iso tinaru id Sabah,Kadazan Dusun. Unduk Ngadau di kikomoyon "haahangai di nosigaan binabang do babang do tadau" nopo nga ababayan di wajib kinama' maamaso lamai oroitan. Ababayan oroitan tomod piandad-andad di haahangai Kadazan Dusun id pointongkop Sabah sabab kaanu yolo montok popokito kinolumison insano a'anu mogowit sunduan Huminodun. Ogumu kawo norongou ku kokomoi susuyan Huminodun di honggo di maso dilo' no monimbaba kadaat kulung di sogoi nokopongulai do kololousono. Nga rundun Huminodun , i tanak kumaa Kinorohingan no minanampasi tulun kampung di maso dilo'. A'anu dati solopido' dot koubasabab moninikit om au momirubat apangkal kopio doid koposion sanggadau. Ampung koukaban ginawo montok tinaru Kadazan Dusun montok gumompi' taakanon mantad toun id toun miampai ababayan mongomot om mananom. Ponongkotoluadan om kapamantangan montok tinaru Kadazan Dusun tu luminubok i tanak koupusan diolo do manampasi tulun kampung moi do au apatai mantad kinolousono.

Nunu i kagayat do ginawo, kapanaandakan diti okon nopo ramayon di tinaru Kadazan Dusun, nga ginumuan tinaru suai maya agal nga tumanud nogi do mamaramai. A'anu dati do popokito dot kotoonongan miagal diti kaanu poposuni sunduan piisaan tinaru id Sabah. Pogulu pandemik na'antakan nogi, tutumombului i korikot mindapou id Sabah nogi opimaman tomod adada kokito sunduan piisaan olot dati mulong misusuai kotumbayaan om bansa. Maso do karamaian dii nogi do kaanu oku rumuba do koompinaian om nogi tambalut mantad sodu om misolibidang do mogigia'ampun.

Amu nogi oliuhan o poomoinan koubasanan di asaasaru' poonjuron maso Kaamatan i montok doho kaanu poposuni sunduan sipoot doid ginumuan miagal ko pomoinan Mipulos (gogol buuk tunturu, rampanau (mamanau minomoguno sisi'it, monopuk (monopuk, mobpiri (mangapui tapui) om manandus (membujak). Sukan-sukan oroitan mongobi doid mamaramai koropomitam om popokito

sunduan miulud olot timungan di da'amot dilo'. Okon ko ilo no, haro nogi o piabalan i popokito do koilalaan sosongulun mangatap parai id kaparamaian diti.

Suai ko iri, maamaso koropomitam lamai Kaamatan nogi insaru oku do mogowit tangatambalut ku om popointutun taakanon ginumuan Kadazan Dusun miagal ko Hinava, Noomsom, Bosou, Tuhau, Kinomol, Butod, Bambangan om ogumu ka'agu. Haro piapiro tambalutku di nokoumbal roso soboogian taakanon oroitan om haro nogi di wagu koiso' dolob kopuriman taakanon ginumuan Kadazan Dusun.

Mulong di toun darapas Kaamatan pinaharo mibagal sawat talian tu haro o pandemik Kovid-19, pason om dimpoton ponguridangan atatap dampot id ginawo monikid tinaru Kadazan Dusun. Lumansan oku mo'oi do piisaan tinaru id Sabah apangor kasari mulong pogun dati noon-tok temporuruol di aga' manahak bagas kumaa pogun dati poinlobi insan mihompit ekonomi. Lansan ku nopo montok toun diti mo'oi lamai Kaamatan a'anu ramaion irad pogulu diti om alasan tomod mo'oi a'anu kopogiruba' ka'agu om mamaramai koropomitam Kaamatan di tulan mikat diti. Okon ko ilo nopo, alansan koubasanan diti kaanu popoingkawas ka'agu kopointutunan koubasanan om koubasabab tinaru Kadazan Dusun id habus om doid pogun.





# “Agi Idup, Agi Ngelaban”

## Kering Semengat Di Sungai Katibas

Terjemahan: Mej Henry Maling, Sumber: Arkib BTDM

**P**ERAU panjai keterubah mai enam iko bala sedadu ti betuai ke Pegawai Waren II (PW II) Lenggu ak China, nelusur ari sepiak kanan ai Sungai Katibas pemesai 30 ngagai 40 meter. Perau siti agi mai tujuh iko sedadu ti betuai ke Leftenan Muda (Lt M) Annuar Basha Khan, nengah sepiak kiba ai. Kena lemai 20 haribulan Satu dalam tahun 1971 nya, sida seraban benong mulai ke diri ari Nanga Bangkit, ili Sungai Katibas ari Nanga Engkuah, ba sitak menua Song. Pejalai sida tu tadi sepengudah nerima berita ari bala cikgu Sekula Nanga Bangkit ti madah ke peminta barang ti ka dikenai ngaga endur anembiak bermalam ba sekulanya. Lebih maia ti mulai ke diri, dia sida seraban bisi netu ba rumah panjai sebelah kiba enggau kanan Sungai Katibas. Sida ninggal ke jako pesan ngagai semua Tuai Rumah angur program ti ka ngaga Aum Pengelikun Pendiau ba Palan Besai Batalion 1 Renjer di Nanga Engkuah pagila, tauka 21 haribulan Satu tahun 1971.

Sepengudah ti netu ba Rumah Eton, rumah ke enam, sida lalu nuju ngagai Rumah Dinggai muak ke kanan Sungai Katibas. Enda jauh ari nya, kira bisi 500 meter, Sungai Ning ti mati anyut nuju Sungai Katibas. Ba petemu ai tauka pati sungai nya bisi siti tanjung ti benama Tanjung Batu Babi. Pati sungai nya di kelinggi tebing tinggi serta babas besai. Lebuh perau sida sebuah mansa nanga Sungai Ning, di sida kena timbak belalai serta ngenyit ari sepiak kanan. Bala komunis ti ngipa sida, ukai semina nimbak bala sedadu, tang nyelinting enjin perau sida seraban. Bala sedadu ti endang selalu bejaga nya, enggau jampat serta sikar lalu belaban betimbak enggau komunis.

Perau ke ditepan bala PW 2 Lenggu lalu anyut ke tebing Tanjung Babi laban enjin sida kena timbak komunis. Taja pan sida udah teparuk ba endur ti dikarap ke munsuh, PW II Lenggu ti udah kena timbak ba perut sigi enda peduli ke pemedis diri, lalu engkechit ke tebing lalu manjung “Charge! Charge! Enggau cukup berani. Panjung “AGI IDUP” serta saut “AGI NGELABAN” nyadi ke kering semengat sida seraban. Ea serta lima iko agi bala sedadu ianya Rjr Umok ak Mambang, Rjr Lian Anyi, Rjr Limping ak Gayang, Rjr Shafie bin Saat enggau Rjr Merican lalu nyerang bala komunis enda ibuh ke leka seterum ti terebai mansa mua datai ke sida seraban nayu basah mandi ke darah. Pemerani serta pengering sida seraban betimbak nya ngujung ke empat iko komunis pengerusak menua lalu sulai ba senapang sedadu.

Penusah ti kena ipa serta timbak belalai ba Sungai Katibas nya nyadi ukai semina ketegal ari padah sida Cawangan Khas Polis ti ngumbai bala ba Rumah Dinggai endang sigi nyukong komunis, tang bisi besangkut enggau jalai ti ditengah bala sedadu maia ngambi pemakai nengah sungai nya 2 tauka 3 hari sekali ari Palan Besai Batalion ba Nanga Engkuah nuju Song. Pengawa ke sebaka selalu nyadi lalu nyamai diperati ke komunis tu meh ti mai penusah besai ngagai sedadu. Bala komunis endang meruan merati serta ngipa belama, nganti hari serta jam ke ngam. Pejalai dua itu perau enggau semina tiga belas iko sedadu endang peluang ke dianti komunis endur sida ngenatai ke julok hati.

Perau ti mai Lt M Anuar Basha Khan enggau enam iko agi bala sedadu mega nyau bepusin serta anyut ketegal



enjin kena timbak komunis. Perau sida mega enda tentu ulih putar ke agi ketegai ai deras ba nanga Sungai Katibas enggau Sungai Ning. Taja pia, Lt M Anuasr Basha Khan enda mudah ngalah ke diri, ea manjung ke leka jako “AGI IDUP” lalu disaut “AGI NGELABAN” ari bala bukai. Sida ke endang udah ngadang belama, lalu belaban timbak enggau komunis. Sigi udah nasib, Rjr Suntai di nepan ari mua Lt M Anuar Basha Khan kena timbak ba pala lalu labuh ari perau. Bangkai niang Rjr Suntai semina temu dua hari sepengudahnya ketegal dibai arus ai Sungai Katibas endang sigi deras belama.

Enda lama udah nya, Lt M Anuar Basha Khan mega kena timbak ba pala, tang ea enda mudah nyerah. Lt M Anuar Basha Khan agi mengkang ngering ke diri nimbak komunis datai ke ea sempat ngabis ke tiga itu penyimpan seterum. Datai ba ke empat, jari nyau enda ulih agi megai senapang, ngujung ke LT M Anuar Basha Khan semina ulih ngali ke diri ba perau ketegal ti kelalu balat bakal. Maya nya mega, Rjr Engkas enggau Rjr Kelabu lalu terjun ngagai Sungai Katibas ngiga endur belali sepiak kiba sungai. Rjr Midong, Rjr Nawawi enggau Signal Ahmad ke agi ba perau, meruan malas timbak komunis. Rjr Midong ka betan ari luan perau mega kena timbak ba lengan ngena senapang 303 enggau patung kiba tembus kena seterum senapang patah komunis.

Udah nya, ujan balat lalu datai nuntong ti ngujung ke perau bala sida Lt M Anuar Basha Khan, Rjr Nawawi, Signal Ahmad enggau Rjr Midong mega anyut ngili ai Sungai Katibas. Bala komunis mega lalu ngelari ke diri ari endur ngipa serta ninggal ke kaban sida ti udah bebadu kena timbak sida PW 2 Lenggu ak China. Perau sida ke anyut lebih kurang 20 minit tadi lalu bepansa enggau perau ke mai Pegawai Memerintah, Leftenan Kolonel (Lt Kol) Syed Abdul Aziz ti datai ari Song ke mulai ke diri ngagai Nanga Engkuah. Lt M Anuar Basha Khan enggau Rjr Midong lalu dibai ngagai Rumah Eton ngambi ke ulih berubat. Rjr Nawawi ke nadai bakal lalu mai Lt Kol Syed Abdul Aziz enggau tim penyaga ti bukai mupok baru nuju endor sida ke kena timbak belalai bala komunis. Datai ba endur nya, sida tetemu ke PW II Lenggu ak China tegali balat bedarah benong berimbai enggau dua iko bangkai komunis.

Enda jauh ari nya, Rjr Umok, Rjr Lian, Rjr Limping, Rjr Shafie enggau Rjr Merican mega ditemu sida udah midang layu sulai berambun nyawa. PW II Lenggu ak China udah mandang serta mantai ke siti chunto ti cukup manah ianya tuai ti chukup berani, ati ti kering serta enda nemu takut belaban enggau munsuh taja pan kena ipa lalu ditimbak belalai. Seretai enggau panjang berani, PW 2 Lenggu ak China mai bala sida seraban terus nyerang komunis, nadai dipeduli ke leka seterum ti mansa serta pemedis perut sepiak kanan ke kena timbak munsuh, sida ulih bebalas lalu munuh empat iko komunis. Lima iko agi sida sekabu ke kunsi perau mega lesi bebadu lalu nyadi Bujang Berani Pengibun Menua. Kena meri terima kasih serta basa ngagai pengawa sida tu, dia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ngemendar ka gelar Seri Pahlawan Gagah Perkasa (SP) kena 2 haribulan Enam tahun 1971 ngagai PW 2 Lenggu ak China. Pemerintah dikenatai ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kena 26 haribulan Enam tahun 1976.

# Perjumpaan MJC-TJC Bersama LWG Malaysia-Thailand


Oleh: MK 2 Div

**KEDAH:** Panglima Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div), Mej Jen Dato' Hj Muhammad Huzaimi Sabri selaku *Malaysian Joint Chairman* (MJC) mengadakan perjumpaan bersama rakan sejawatnya dari Royal Thai Army (RTA) iaitu Comd Gen 5th Inf Div, Maj Gen Woradet Detruggsa selaku Thailand Joint Chairman (TJC) bertempat di tapak pembinaan Pos Sempadan Terkoordinasi (PST) Batu Sempadan (BS) 36 pada 20 Jan 2022.

Perjumpaan ini merupakan sebahagian daripada aktiviti dua hala yang telah diputuskan dalam Mesyuarat *Land Working Group* (LWG) pada tahun 2021.

Tujuan perjumpaan tersebut adalah bagi mengeratkan persahabatan dan membincangkan pelaksanaan aktiviti-aktiviti pada tahun ini selain untuk melihat perkembangan pembinaan PST BS 36 yang bakal memberi kelebihan bersama dalam pengawalan sempadan kedua-dua negara khususnya dalam mengekang jenayah rentas sempadan.

Di akhir lawatan, Panglima 2 Div melakukan perjumpaan dengan anggota-anggota Skuadron Keenam Rejimen



Askar Jurutera Diraja (6 Skn RAJD) yang terlibat dalam pembinaan pos bagi memberi kata-kata nasihat agar sentiasa berwaspada dan mengutamakan keselamatan diri serta peralatan semasa melaksanakan tugas.

Turut hadir, Panglima Briged Keenam Infantri Malaysia (6 Bgd), Brig Jen Mohd Akib Hj Yusof, 5th Inf Task Force Comd, Col Tanitpon Hongvilai dan pegawai-pegawai kanan dari kedua-dua negara.

## RSM Exchange Programme 2022 Perkuatkannya Hubungan Pertahanan

**KUALA LUMPUR:** Sarjan Mejari Rejimen Tentera Darat (SMR TD), PW I Mohd Pauzi Mohd Ali menerima kunjungan hormat daripada *Regimental Sergeant Major* Singapore Army, Senior Warrant Officer Yeo Keng Hua di pejabatnya pada 23 Mac 2022.

Kunjungan hormat tersebut diadakan bersempena dengan *Regimental Sergeant Major* (RSM) Exchange

Programme 2022 yang mana ia merupakan salah satu program bilateral yang diadakan secara tahunan di antara Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Singapore Army (SA).

Program ini melambangkan kerjasama erat yang berterusan di peringkat tertinggi Pegawai Tidak Tauliah (PTT) di antara Tentera Darat kedua-dua buah negara.

Antara objektif program ini adalah untuk meningkatkan hubungan kerjasama dan bilateral ketenteraan serta meningkatkan diplomasi pertahanan di antara Malaysia dan Singapura.

Sebagai makluman, dengan terlaksananya RSM Exchange Programme 2022, peserta-peserta program turut didedahkan tentang keunikan budaya, rejimental dan persekitaran yang berbeza antara TD dan SA.

Program yang melibatkan SMR dari pelbagai unit dari kedua-dua TD ini juga menjadi platform untuk para peserta berkongsi dan bertukar ilmu pengetahuan serta pengalaman masing-masing.

RSM Exchange Programme ini adalah sejar dengan Tonggak Keempat Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pengukuhan Hubungan Pertahanan di mana ia menumpukan kepada aspek pengukuhan kerjasama pertahanan di peringkat serantau dan antarabangsa. - PR TD



# Hubungan Pertahanan Malaysia-Amerika Syarikat Dipereratkan

Oleh: PR TD

**KUALA LUMPUR:** Tentera Darat (TD) terus mengeratkan hubungan bilateral pertahanan menerusi Sidang Video bersama Commanding General U.S. Army Pacific (USARPAC), General Charles A. Flynn yang dihadiri oleh Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain bersama pegawai-pegawai kanan TD bertempat di Pusat Operasi Tentera Darat (POTD) pada 3 Feb 2022.

Pertemuan bilateral secara sidang video ini diadakan bertujuan mengeratkan lagi hubungan di antara kedua-dua negara serta membincangkan rancangan pelaksanaan aktiviti bilateral pertahanan dan kerjasama ketenteraan bagi tahun 2022 di antara Tentera Darat Malaysia dan U.S. Army Pacific.

Pelaksanaan aktiviti pengukuhan pertahanan sebegini



adalah sejajar dengan Tonggak Keempat Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pengukuhan Hubungan Pertahanan di mana ia menumpukan kepada aspek pengukuhan kerjasama pertahanan di peringkat serantau dan antarabangsa.

## Webinar Modernisasi Secara Maya Perkuuhkan Pertahanan Serantau

**KUALA LUMPUR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain mempengerusikan Webinar-Modenisasi Kenderaan Perisai ACV 300 ADNAN yang diadakan secara talian bertempat di Pusat Operasi Tentera Darat (POTD) pada 4 Jan 2022.

Tujuan webinar ini diadakan adalah untuk berkongsi pengetahuan mengenai teknologi dan kaedah program modernisasi khususnya bagi Kenderaan Perisai ACV 300 ADNAN, sistem persenjataan generasi baru dan teknologi kenderaan darat tanpa pemandu (UGV).

Sesi perbincangan juga merangkumi perbincangan usaha-usaha untuk mempromosikan pameran DSA & NATSEC Asia 2022 yang akan diadakan pada 28 hingga 31 Mac 2022 nanti.

Sesi perbincangan sebegini adalah sejajar dengan Tonggak Keempat Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu, Pengukuhan Hubungan Pertahanan di mana ia menumpukan kepada aspek pengukuhan kerjasama pertahanan di peringkat serantau dan antarabangsa.

Turut hadir, Timbalan Panglima Tentera Darat, Lt Jen Dato' Pahlawan Mohammad Ab Rahman, pegawai-pegawai kanan Tentera Darat Malaysia dan wakil dari DSA, Puan Normah Abu serta wakil dari Syarikat FNSS, Mr Tolga Sipahi. - PR TD



# Kunjungan Hormat Komander MALBATT 850-9 Kepada Komander 5 Bgd (LAF)

Oleh: MALBATT 850-9

**SHAAMA:** Komander 5 Briged (LAF), Brig Jen Edward Lawand telah menerima Kunjungan Hormat Komander MALBATT 850-9, Kol Megat Maz Ardi Nohuddin di pejabat beliau di Al-Bayyadah pada 24 Jan 2022.

Komander MALBATT 850-9 turut diiringi PS 1 Gerak, Lt Kol Mazli Mohamed Sain @ Mohd Said, PS 1 Latih, Kdr Ahmadi Zamani Kamaruzzaman, PS 2 Risik, Mej Muhammad Syahir Hanafi Maarof dan PS 2 Koordinasi, Mej Zulhisham Abdul Rashid.

Kunjungan hormat ini merupakan jumlah kali dilaksanakan kepada Komander 5 Briged selepas MALBATT 850-9 mengambil alih misi UNIFIL (Sektor Barat) pada 13 Nov 2021. Ianya bertujuan untuk mengeratkan hubungan diplomasi di antara MALBATT dan LAF yang telah terjalin sebelum ini.

Pelbagai perkara berkaitan pelaksanaan operasi terkoordinasi serta latihan dan kursus bersama LAF telah dibincangkan sepanjang pertemuan tersebut. Sebelum mengakhiri kunjungan hormat, Kol Megat Maz Ardi Nohuddin telah menyampaikan cenderahati kepada Brig Jen Edward Lawand sebagai tanda kenangan.



Kunjungan hormat yang dilakukan Komander MALBATT 850-9 ini bertepatan dengan Teras Ketiga yang digariskan oleh pemerintahan beliau dalam memperkuatkan Hubungan Diplomasi diantara pasukan keselamatan negara-negara yang bertugas dibawah Panji-Panji PBB khususnya Misi UNIFIL (Sektor Barat) pada tahun ini.

## Lawatan Kerja *Chief of Mission Support Centre* Kepada Komander MALBATT 850-9

**MARAKAH:** Ms.Nicoleta, *Chief of Mission Support Centre* bersama Tim MSC UNIFIL HQ telah mengadakan lawatan kerja di UNP 2-1, Kem Marakah pada 27 Jan 2022.

Ketibaan beliau disambut oleh Komander MALBATT 850-9, Kol Megat Maz Ardi Nohuddin dan Pegawai Staf 1 Log, Lt Kol Adly Majid.

Seterusnya beliau mengadakan kunjungan hormat kepada Kol Megat Maz Ardi Nohuddin, Komander MALBATT 850-9 bertempat di Anjung D Seven.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk melihat secara fizikal dan membuat pemeriksaan terhadap fasiliti yang disediakan bagi Pusat Kuarantin COVID-19 dan pada masa yang sama, beliau juga meninjau keperluan bagi mewujudkan kemudahan tandas mudah alih (*Portable Toilet*) bagi pos pemerhati yang berada di dalam UNP 2-1.

Dalam kunjungan tersebut mereka turut membincangkan isu berkenaan atur gerak wanita di dalam kontinen MALBATT 850-9. Kunjungan ini merupakan ketetapan Perintah Ulung Komander MALBATT iaitu *Lateral Engagement* di mana memperkuatkan program peningkatan kapasiti dan lawatan kerja.



Di akhir lawatannya, Ms.Nicoleta mengucapkan jutaan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama MALBATT 850-9 sepanjang lawatan kerja beliau bersama Tim MSC.

Komander MALBATT 850-9 juga mengucapkan terima kasih atas kesudian Tim MSC UNIFIL HQ untuk turun padang melihat sendiri fasiliti-fasiliti sedia ada di bawah UNIFIL serta mengadakan perbincangan dalam aspek senggaraan dan penambahbaikan di penempatan MALBATT 850-9.

# Latihan AMET Perkemas Kesiapsiagaan Tim Perubatan MALBATT 850-9

Oleh: MALBATT 850-9

**MARAKAH:** MALBATT 850-9 telah melaksanakan satu Latihan Aero Medical Evacuation Team (AMET) dengan kerjasama UNIFIL AMET Team dan Elemen Perubatan MALBATT 850-9 bertempat di Helipad UNP 2-1, Kem Marakah pada 07 Feb 22.

Latihan yang diadakan ini adalah untuk menguji kecekapan dan kesiapsiagaan Tim Perubatan MALBATT 850-9 dengan melakukan pemindahan pesakit menggunakan helikopter UNIFIL untuk dibawa mendapatkan rawatan di Hospital Naqoura.

Latihan ini melibatkan penggunaan helikopter yang berlepas dari Naqoura dan Tim Perubatan Hospital Level 1, MALBATT 850-9 dengan melaksanakan *Medical Evacuation (MEDEVAC)*.

Pelaksanaan latihan ini memberi peluang untuk Tim MEDEVAC MALBATT 850-9 dalam pengendalian pesakit yang memerlukan pemindahan dari ambulan ke pesawat. Selain itu, peralatan perubatan dapat diuji dan digunakan secara maksima bagi menghadapi situasi pemindahan kasualti jika berlaku keadaan sebenar.

Latihan ini turut menguji kesiagaan pasukan bomba dan komunikasi yang

sentiasa bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

Latihan ini sejajar dengan Tonggak Pertama Komander MALBATT 850-9 iaitu, Keberkesanan Misi dan Kesiapsiagaan yang mana teras ini berorientasikan pengukuhan polisi dan dasar untuk beroperasi berpandukan mandat yang telah digariskan pada masa yang sama perlu merencana perancangan dalam meningkatkan keupayaan tahap kesiagaan dari *sudut manpower and equipment*.



## Ketua Misi TPA Mindanao Melaksanakan Kunjungan Perpisahan Ke Atas RD PRO BAR

**PARANG, MAGUINDANAO:** Ketua Misi Tim Pemantau Antarabangsa Mindanao - 16 (TPA M-16), Mej Jen Datuk Hamdan Hj Ismail telah berkesempatan melaksanakan Kunjungan perpisahan kepada *Regional Director Police Regional Office Bangsamoro Autonomous Region (RD PRO BAR)*, Police Brigadier Arthur Ramos Cabalona bertempat di Ibu Pejabat PRO BAR, Camp BGen Salipada K Pendatun,

Parang, Maguindanao pada 10 Feb 2022.

Turut mengiringi Ketua Misi TPA M-16 adalah Ketua Penempatan Nombor 1, Lt Kol Fakaruddin Zuraidie Hj Ramli (Brunei) dan Ketua Pegawai Operasi TPA M-16, Supt Goa Jim Ming.

Semasa ketibaan di Ibu Pejabat PRO BAR, Ketua Misi TPA M-16 telah diberikan *Arrival Honour* serta disambut oleh Police Brigadier General Pablo G. Labra II, *Deputy Regional Director of Administration* sebelum dibawa untuk diperkenalkan dengan staf kanan PRO BAR.

PBGen Pablo dalam ucapannya turut melaahirkan penghargaan terhadap peranan yang telah dilakukan oleh TPA M dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif dan aman di antara pihak keselamatan Kerajaan Filipina dengan Moro Islamic Liberation Front (MILF). Beliau juga berharap agar keamanan yang dicapai ini akan dapat diteruskan untuk kebaikan warga Bangsamoro di Mindanao.

Ketua Misi dalam ucapan balas mengucapkan ribuan terima kasih kepada PRO BAR terutama PBGen Arthur Ramos kerana meluangkan masa menerima Kunjungan perpisahan beliau dan juga atas segala sokongan dan bantuan semasa TPA M-16 melaksanakan mandat dan tanggungjawab di Mindanao.





## PTD Santuni Warga PMTTD

Oleh: MK PMT TD

**SARAWAK:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyantuni dua orang waris keluarga dan seorang anggota menerusi Lawatan Kebajikan PTD bertempat di Rumah Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Briged Ketiga Infantri Malaysia (3 Bgd) pada 23 Jan 2022.

Lawatan pertama dimulakan dengan menyantuni anak kepada Sjn John Serbili Dhim dari 3 Kompeni Angkut Kor Perkhidmatan Diraja (3 Komp KPD) iaitu adik Johannes Mckenzie berusia lapan tahun yang disahkan menghidapi *Down Syndrome* oleh Pegawai Perubatan Hospital Kuala Pilah, Negeri Sembilan sejak dilahirkan dan sehingga kini masih menerima rawatan susulan daripada Pakar Kanak-kanak Hospital Umum Sarawak setiap tiga bulan sekali.

Seterusnya, PTD melawat anak kepada Kpl Mohd Arif Husaini dari KPD yang berkhidmat di Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) iaitu adik Nur Aisyah Ayunie berusia tujuh tahun telah disahkan menghidap penyakit *Autism (Speech Disorder)* oleh Hospital Umum Sarawak dan sentiasa dibawa menjalani rawatan susulan di Klinik Petra Jaya dan Hospital Umum Sarawak bagi pemantauan perkembangan kesihatannya.

PTD mengakhiri Lawatan Kebajikan dengan menyantuni anggota Rejimen Sempadan (RS) dari Rejimen 511 Askar Wataniah (Rej 511 AW) iaitu LKpl Rockey Tommy yang mengalami *Neprotic Syndrome* atau Radang Buah Pinggang dan sehingga kini masih menerima rawatan susulan sebanyak dua kali sebulan di Hospital Umum Sarawak.

Beliau disahkan menderita penyakit ini ketika menghadiri Kursus *Combat Medic* di Kem Terendak pada 27 Okt 2020 dan anggota berusia 27 tahun serta masih bujang kini menetap di bilik bujang Rej 511 AW telah dianugerahkan dengan kenaikan pangkat daripada LKpl kepada Kpl oleh PTD sebagai menghargai perkhidmatan beliau yang tidak berbelah bahagi.



Setiap waris dan anggota yang disantuni telah menerima sumbangan daripada PTD berupa hamper, barang harian, sumbangan peribadi dan sumbangan dari Tabung Kebajikan TD bagi meringankan beban yang ditanggung oleh anggota.

Turut hadir, Panglima Medan Timur Tentera Darat, Lt Jen Dato' Mardzuki Muhammad.

# Anggota Cedera 7 RAMD Terima Cek TKAT



Oleh: MK 5 Bgd

**SABAH:** Panglima Briged Kelima Infantri Malaysia (5 Bgd), Brig Jen Saiful Bahari Zainol menyempurnakan Penyerahan Cek Anggota Cedera Tabung Kebajikan Anggota Tentera (TKAT) kepada dua anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) Batalion Ketujuh Rejimen Askar Melayu Diraja (7 RAMD) di Wisma Perwira 7 RAMD pada 25 Feb 2022.

Penerima cek terdiri daripada PW II Shaiful Bahari Ismail yang mengalami kecederaan kekal tulang belakang (Slip Disc) sewaktu Latihan PASAK BUMI pada tahun 2015 dan Pbt Muhammad Safwan mengalami kecederaan kekal pada jari manis, tengah dan kelingking tangan sebelah kanan semasa melaksanakan Operasi PASIR PESISIR PANTAI Sektor Romeo pada tahun 2020.

Peruntukan Cek TKAT kepada anggota cedera akibat operasi atau latihan sejajar dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga.

Turut hadir, Pegawai Memerintah 7 RAMD.

## PTD Santuni Ibu Allahyarham Kpl Muhammad Hakimi Mohamad Khir

**KEDAH:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain mengadakan lawatan kebajikan terhadap ibu kepada staf pejabatnya yang telah meninggal dunia, Allahyarham Kpl Muhammad Hakimi Mohamad Khir di Kuala Muda pada 17 Feb 2022.

Ibu Allahyarham Kpl Muhammad Hakimi Mohamad Khir iaitu Maneh Awang, 62 menghidapi penyakit strok yang mengakibatkan bahagian sebelah kanan badan tidak dapat berfungsi dengan baik.

Beliau kini mendapatkan rawatan susulan serta ubat-ubatan di Hospital Sungai Petani dan Hospital Kepala Batas.

Ibu allahyarham anggota yang telah disantuni oleh PTD telah menerima sumbangan berbentuk hamper, sumbangan peribadi serta sumbangan Tabung Kebajikan Tentera Darat bagi meringankan beban yang ditanggung oleh beliau dan keluarga.

Siri lawatan kebajikan sebegini adalah bertepatan dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung PTD iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga.

Lawatan kebajikan ini akan terus dilaksanakan bertujuan memantau kebajikan warga dan keluarga Tentera Darat agar sentiasa terjamin. - PR TD



# PTD Santuni Anggota 21 GGK



Oleh: PR TD

**JOHOR:** Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain menyantuni dua orang waris dan seorang anggota Tentera Darat (TD) yang menghidap penyakit kritikal di Rumah Keluarga Angkatan Tentera (RKAT) Kem Iskandar pada 18 Feb 2022.

Lawatan kebajikan pertama yang dilakukan oleh PTD adalah Kpl Yuszaiman Che Pi anggota Rejimen Askar Melayu Diraja - Gerak Khas (RAMD-GK) yang disahkan mengalami sakit tulang belakang L5 S1 sehingga sekarang oleh Pakar Perubatan 94 Hospital Angkatan Tentera (94 HAT) Kem Terendak, Melaka.

Beliau telah mendirikan rumah tangga bersama Puan Nor Syazalina Alias serta dikurniakan dengan tiga orang cahaya mata iaitu Ahmad Danial Darwish (7 tahun), Ahmad Daim Daifullah (5 tahun) dan Ahmad Daiyan (10 bulan).

Kini Pegawai Tidak Tauliah (PTT) Rendah masih menjalani rawatan susulan di 21 Skuadron Medik Gerup Gerak Khas (GGK) bagi membolehkan doktor memantau perkembangan kesihatannya.

Seterusnya, lawatan kebajikan turut menyantuni anak kepada Pbt Muhammad Najib Fikri Nazri iaitu adik Muhammad Ummar Zikri.

Pbt Muhammad Najib Fikri Nazri merupakan anggota Kor Perkhidmatan Am Bahagian Kerani (KPA-BK) yang berkhidmat di Markas 21 GGK dan mendirikan rumah tangga bersama Puan Nur Azwa Nasuha Mohd Rozi serta dikurniakan seorang cahaya mata iaitu Muhammad Ummar Zikri (2 tahun).

Adik Muhammad Ummar Zikri telah disahkan mengalami masalah usus tersumbat yang mengakibatkan sukar untuk membuang air besar dan menjalani beberapa pembedahan usus.

Kini, adik Muhammad Ummar Zikri sudah mula menunjukkan

perkembangan yang baik dan masih menjalani rawatan susulan di Klinik Pakar Harian Hospital Sultanah Nur Zaharah setiap dua bulan bagi membolehkan doktor memantau perkembangan kesihatannya.

Lawatan kebajikan diteruskan dengan menyantuni suami kepada Kpl Nurul Shafifiwani Rajenan iaitu Encik Khairulazri Ahmad.

Kpl Nurul telah mendirikan rumah tangga dengan Encik Khairulazri Ahmad serta dikurniakan empat orang cahaya mata iaitu Khairul Shafiiyyah (8 tahun), Khairul Syafie (6 tahun), Khairul Syafian (5 tahun) dan Khairul Shafiqqah (5 bulan).

Encik Khairulazri Ahmad telah disahkan buta mata sebelah kirinya disebabkan diabetis dan masih menerima rawatan susulan di Hospital Mersing, Johor bagi membolehkan doktor memantau perkembangan kesihatannya.

Setiap waris dan anggota yang disantuni telah menerima sumbangan dari PTD berbentuk hamper, barang harian, sumbangan peribadi dan sumbangan dari Tabung Kebajikan TD bagi meringankan beban yang ditanggung oleh anggota.

Siri lawatan kebajikan sebegini akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa, bersesuaian dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung PTD Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga yang menekankan kepada peningkatan kualiti hidup, keperluan kebajikan dan kesejahteraan warga, keluarga dan juga veteran ATM.





## 671 Anak Veteran ATM Terima Bantuan Persekolahan

Oleh: LKpl Muhammad Nashriq Khairul Zaime



**KUALA LUMPUR:** Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ikmal Hisham Abdul Aziz menyempurnakan Majlis Penyampaian Bantuan *Back To School* Tabung Zakat Yayasan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (YVATM) dan Dana Kempen Tabung Pahlawan kepada 45 anak asnaf Veteran ATM bertempat di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur pada 8 Mac 2022.

Keseluruhan penerima berjumlah 671 anak Veteran ATM yang terdiri dari 591 penerima asnaf dan 35 penerima dalam kalangan bukan Islam menerima sumbangan sebanyak RM 500.00 yang dibayar terus ke akaun bank masing-masing pada pertengahan bulan Mac 2022.

Majlis yang dilaksanakan pada setiap tahun merupakan inisiatif Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM melalui YVATM dan Kempen Tabung Pahlawan bagi meringankan beban sara hidup asnaf Veteran ATM yang kurang berkecukupan selain menggalakkan minat serta semangat anak-anak untuk ke sekolah.

Program ini merupakan inisiatif kerajaan melibatkan peruntukan berjumlah RM 335,500.00 yang turut disumbangkan daripada Koperasi Tentera, Affin Hwang Investment Bank, Desatera Sdn Bhd dan pelbagai sumber yang menyokong Kempen Tabung Pahlawan.

Turut hadir, Panglima Tentera Darat (PTD), Jen Tan Sri Dato' Seri Zamrose Mohd Zain, Ketua Pengarah JHEV ATM, Mej Jen Dato' Dzulkarnain Ahmad dan Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan (TKPPP), Mej Jen Mohd Razali Alias.



# Perasmian Kedai Amal Shoppe BAKAT 8 Bgd



Oleh: MK 2 Div

**KELANTAN:** Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div), Datin Hjh Rosilawati Ahmad Tajri menyempurnakan Majlis Perasmian Amal Shoppe BAKAT Briged Kelapan Infantri Malaysia (8 Bgd) di Bangunan *Military Community Transformation Centre* (MCTC), Kota Bharu pada 31 Jan 2022.

Amal Shoppe BAKAT 8 Bgd diwujudkan bagi membantu ahli-ahli BAKAT di bawah naungan 8 Bgd untuk memasarkan pelbagai produk yang dikeluarkan bagi membantu menjana pendapatan sampingan keluarga.

Terdahulu, ketibaan Pengerusi BAKAT 2 Div disambut oleh Pengerusi BAKAT 8 Bgd, Puan Fazlina Mohd Daud dan pengerusi-pengerusi BAKAT pasukan serta ahli-ahli BAKAT di bawah naungan 8 Bgd.

Dalam ucapan Pengerusi BAKAT 2 Div, beliau menyokong usaha ahli BAKAT dalam menghasilkan produk untuk dipasarkan dalam Kedai Amal Shoppe yang diwujudkan.

Beliau turut mengingatkan ahli

BAKAT agar menjaga kesihatan diri, suami dan anak serta sentiasa positif dalam mengharungi liku-liku kehidupan kerana ahli BAKAT merupakan tulang belakang kepada kebahagiaan dan kejayaan setiap ahli keluarga.

Acara diteruskan dengan gimik perasmian, tandatangan Plat Perasmian, lawatan ke gerai-gerai dan sesi memperkenalkan produk jualan oleh ahli-ahli BAKAT yang berniaga di Kedai Amal Shoppe BAKAT 8 Bgd.

## Perasmian Taska Little Warrior Kem Terendak

**MELAKA:** Pengerusi Jemaah Tertinggi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Darat, Puan Sri Datin Seri Zainuriah Hj Mustapha menyempurnakan Majlis Perasmian Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) *Little Warrior* pada 3 Mac 2022.

Pembinaan TASKA ini merupakan hasil kerjasama Jabatan Arah Pendidikan dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Terdahulu, ketibaan Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat disambut oleh Pengerusi BAKAT Divisyen Ketiga Infantri Malaysia (3 Div), Datin Haslinda Mohd Ali.

Acara dimulakan dengan memotong riben sebagai simbolik perasmian dan seterusnya menandatangani plat perasmian.

Pengerusi Jemaah Tertinggi BAKAT Darat kemudiannya beramah mesra bersama anak-anak TASKA dan turut menyampaikan cenderahati.

Perasmian TASKA ini bertepatan dengan tema Hari Tentera Darat Ke-89 iaitu Kesejahteraan Keluarga TD Diutamakan, Kedaulatan Negara Terjamin sekaligus mendukung Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga.

- MK 3 Div



# Lawatan Kebajikan BAKAT 2 Div

Oleh: MK 2 Div

**PERAK:** Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Gabungan Divisyen Kedua Infantri Malaysia (2 Div), Puan Sharifah Aini Mohamad Yusof melakukan Lawatan Kebajikan ke atas dua buah keluarga di sekitar Taiping pada 15 Jan 2022.

Lawatan dimulakan dengan menyantuni anak PW II Mohd Rashid Budin dari pasukan 72 Woksyop Divisyen (72 Wksp Div) iaitu adik Muhammad Aqil Islam Mohd Rashid berusia 15 tahun yang menghidap penyakit *Cerebral Palsy* sejak berusia tujuh bulan dan sehingga kini masih menjalani rawatan susulan di Hospital Taiping.

Seterusnya, lawatan diteruskan ke rumah Guru Agama Pasukan Markas Stesen Staf (MSS) Taiping, SSJn Faridzul Azami yang mana isteri beliau, Puan Shahidatun Nadiah Muhammad mengalami masalah saraf kornea mata sebelah kanan sejak berusia 11 tahun.

Sehingga kini, Puan Shahidatun mendapatkan rawatan susulan dan ubat khas yang dikeluarkan oleh pihak farmasi di Hospital Bainun, Ipoh kerana mata kanannya tidak boleh melihat setelah pembedaan dan perlu menampal *eyes glu* bagi mengelakkan kesakitan.

Pengerusi BAKAT Gabungan 2 Div menzahirkan ucapan



terima kasih kepada kedua-dua buah keluarga kerana kesudian meluangkan masa dan beliau berharap agar semua ahli BAKAT Gabungan 2 Div sentiasa menjaga dan mengutamakan aspek kesihatan keluarga.

Kunjungan ini dilaksanakan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan selain sejajar dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga.

Turut hadir, Pengerusi-Pengerusi BAKAT Pasukan Trup 2 Div.

## Aktiviti Sukan BAKAT 31 Bgd

**SARAWAK:** Ahli Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Brigid Ke-31 Infantri Malaysia (31 Bgd) terlibat aktiviti sukan petanque yang dikendalikan oleh Persatuan Petanque Sibu bertempat di Dataran 2, Sibu pada 15 dan 16 Jan 2022.

Terdapat empat jenis pelajaran yang didedahkan kepada ahli BAKAT 31 Bgd mengenai sukan ini, antaranya adalah peraturan permainan, kaedah memegang bola, kaedah melontar serta kaedah shooting.

Selain itu, turut diadakan perlawanan mini *game* bagi mempraktikkan pelajaran yang telah diberikan dengan kerjasama Persatuan Petanque Sibu.

Aktiviti sebegini harus diterapkan dalam kalangan ahli BAKAT untuk menggalakkan minat dan gaya hidup sihat seiring dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga.

Turut hadir, Pengerusi BAKAT 31 Bgd, Puan Hjh Bashrah Hj Ali. - MK 31 Bgd



## Lawatan Kebajikan BAKAT 31 RAD



**SELANGOR:** Pengerusi Badan Kebajikan Keluarga Angkatan Tentera (BAKAT) Rejimen Ke-31 Artilleri Diraja (31 RAD), Puan Roshaslinda Kafri melakukan Lawatan Kebajikan ke empat buah rumah ahli BAKAT 31 RAD yang terkesan akibat bencana banjir di Banting, Teluk Panglima Garang, Puchong dan Hulu Langat pada 15 Jan 2022.

Tujuan lawatan tersebut adalah untuk memberi kata-kata semangat serta dorongan di samping menyampaikan sumbangan demi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka.

Lawatan Kebajikan ini seiring dengan Tonggak Ketiga Perintah Ulung Panglima Tentera Darat Ke-28 iaitu Pelestarian Kesejahteraan Warga yang menekankan peningkatan kualiti hidup, keperluan kebajikan dan kesejahteraan warga Tentera Darat. - 31 RAD



# Hukum Penglibatan Anggota Muslim Dengan Anjing Perang

Oleh: Sel Agama Markas Tentera Darat

## Pengenalan

Pengunaan anjing dalam perang bermula sejak beribu tahun dahulu. Anjing-anjing perang ini dilatih untuk melaksanakan tugas sebagai anjing tempur, penjejak, penjaga dan pengesan, khidmat anjing perang ini terus digunakan sehingga zaman kini. Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut menggunakan khidmat anjing perang kerana keberkesanan operasi bagi tugas yang tidak dapat dilakukan oleh anggota tentera biasa. Walaupun dalam kelompok haiwan, anjing perang ini boleh digolongkan sebagai sebahagian daripada "warga ATM". Khidmatnya juga penting terutama dalam misi seperti kerja mencari dan menyelamat.

Khidmat anjing pengesan dalam TD mula diperkenalkan pada tahun 1971 dan pada awalnya ia terlibat dalam operasi memburu komunis di perbatasan meliputi kawasan Semenanjung termasuk di Sabah dan Sarawak.

## Jenis-Jenis Anjing Perang

Anjing perang atau pengesan itu dikelaskan mengikut tiga kategori iaitu pengawal, pengesan dan pencari.

Anjing pengawal adalah daripada baka German Shepherd dan Rottweiler, manakala anjing pengesan yang sering digunakan untuk operasi mencari dan menyelamat pula, menggunakan anjing jenis Labrador, English Spaniel dan German Shepherd.

## Senario

Stigma semasa masyarakat Muslim di Malaysia meletakkan seluruh jenis anjing sebagai binatang yang jijik. Ini berkait dengan pegangan majoriti umat Islam dinegara ini kepada Mazhab Imam As Syafie yang meletakkan anjing sebagai binatang yang tergolong dalam jenis Najis Mughallazah atau Najis Berat. Keadaan ini menyebabkan tidak ramai anggota Tentera Muslim yang mahir dalam ilmu berkaitan kepakaran dalam mengendalikan anjing

perang sedangkan pegangan didalam Mazhab Shafie sendiri berpendapat bahawa anjing yang terlatih dan digunakan untuk tujuan pemburuan, penunjuk arah dan pengawalan tidak dianggap sebagai najis berat memandangkan khidmat anjing itu akan digunakan dengan kerap.

Allah swt berfirman dalam surah Al-Baqarah, ayat 185:

يُرِيدُ اللَّهُ بِكُمُ الْيُسْرَ وَلَا يُرِيدُ بِكُمُ الْعُسْرَ

Yang bermaksud: Allah SWT menginginkan kesenangan bagi kamu, dan dia tidak menginginkan kesusahan bagi kamu.

Kaedah fiqh juga menyatakan:

إِذَا ضَاقَ الْأَمْرُ اتَّسَعَ

Yang bermaksud: Apabila terdapat kesukaran, (maka syarak) mendatangkan dengan kesenangan.

Bagi pengasuh anjing perang mereka akan terlibat dalam beberapa keadaan iaitu:

- a. Ketika penugasan di kawasan operasi.
- b. Penjagaan harian di kandang.
- c. Ketika membuat rawatan.

Dalam ketiga-tiga situasi di atas, sebagai pengasuh anjing perang semasa melatih dan operasi akan berhadapan masalah keperluan menyentuh badan atau anggota anjing, menyentuh alatan yang terdedah kepada najis anjing, najis atau cecair dari badan dan mulut anjing dan lain keadaan yang tidak terduga. Kekangan juga akan berlaku apabila hendak melakukan ibadah seperti solat lima waktu di kawasan operasi dan dalam situasi konflik atau darurat peperangan.

## Hukum Berkaitan

1. Anggota Tentera yang beragama Islam boleh terlibat dengan penugasan anjing perang sama ada sebagai pengasuh, jurulatih atau sebagainya bagi memenuhi keperluan Fardu Kifayah.
2. Bagi anggota muslim yang ditugaskan sebagai pengasuh atau pelatih dan terlibat secara langsung dalam

operasi bersama anjing perang, beberapa kaedah dan panduan perlu diikuti. Antaranya adalah berkait dengan aspek pakaian, anggota badan, tempat rawatan dan kenderaan seperti berikut:

- a. Anggota terlibat hendaklah menyediakan pakaian khas seperti pakaian loreng lengkap atau pakaian SOP yang ditetapkan bagi melaksanakan tugas. Pakaian khas yang lengkap ini hanya dipakai ketika melakukan tugas melatih anjing perang dan tidak dipakai di lain-lain aktiviti.
- b. Tugas melatih dan mengendali aktiviti anjing perang tidak terlepas dari sentuhan anggota badan dan lain-lain cecair haiwan ini seperti air liur. Pemakaian sarung tangan adalah digalakkan sekiranya tidak mengganggu tugas.
- c. Selesai melaksana tugas, pakaian yang dipakai dan terkena semua bentuk najis dari haiwan ini hendaklah disertu (menyucikan najis mughallazah dengan air bercampur tanah sebanyak satu kali dan air mutlak enam kali).
- d. Dalam keadaan tertentu sekiranya sukar mendapatkan harus juga serti menggunakan sabun tanah atau sabun taharah yang dijual di pasaran (tanah liat yang diproses bercampur beberapa mineral semulajadi seperti sodium, kalsium dan potassium). Disyaratkan kandungan tanah lebih banyak dari bahan campuran tersebut. Menggunakan tanah asli adalah lebih utama (Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Agama Islam Malaysia Kali Ke 76 yang bersidang pada 21-23 Nov 2006). Ini kerana tanah mengandungi jirim yang dapat membunuh bakteria yang keluar dari jilatan anjing, air liur dan mana-mana dari badannya.
- e. Tindakan menyertu anggota badan yang terdedah kepada najis anjing hendaklah dilakukan sebaik selesai melaksanakan tugas.
- f. Anggota tidak makan atau minum secara bebas semasa melakukan tugas bersama anjing perang kerana kemungkinan makanan terdedah kepada kotoran dan najis seperti bulu anjing.



g. Bagi perawat anjing perang juga langkah-langkah penyucian aspek pakaian dan anggota badan adalah sama seperti pelatih anjing. Begitu juga kaedah menyertu adalah sama ketika selesai melakukan tugas.

- h. Pergerakan anjing perang dalam apa juga tugas hendaklah menggunakan kenderaan khas. Kenderaan hendaklah mempunyai ruang khas atau kandang khas di bahagian belakang dan tidak berkongsi dengan pemandu dan penumpang.
- i. Kenderaan hendaklah kerap dibersihkan dengan cucian air dan *vacum* bagi menghilangkan kotoran anjing dan bulu yang tidak kelihatan dengan mata kasar. Kenderaan khas ini tidak boleh digunakan untuk tujuan pengangkutan utiliti lain seperti membawa anggota atau membawa makanan. Sekiranya untuk dijadikan kenderaan utiliti penyertuan hendaklah dilakukan sehingga diyakini sesuciannya.
- j. Perhatian: Ketika keadaan benar-benar darurat (sukar melaksanakan langkah penyucian kerana halangan tertentu) kaedah penyucian boleh dilakukan berpandukan pandangan mazhab selain Imam Syafie setelah dirujuk kepada pihak berautoriti di pasukan, formasi atau ATM.
- k. Sekiranya anjing dibawa di tempat umum ketika operasi yang dikongsi oleh semua pengguna daripada pelbagai latarbelakang dan sekiranya kita berdiri di tempat laluan umum yang mungkin pernah diduduki atau dilalui anjing maka ia termasuk di dalam konsep umumul balwa, dan mereka tidak perlu menyertunya.

#### Peringatan


Oleh kerana negara kita mengamalkan Mazhab Syafie dan budaya memelihara anjing bagi tujuan penugasan tertentu merupakan satu budaya yang dianggap asing, maka anggota tentera tidak boleh mendedahkan kepada umum atau mempamerkan secara terbuka penglibatan mereka dengan anjing perang bagi mengelakkan berlakunya salah faham atau salah tafsiran di kalangan orang awam.

## APLIKASI



# MyWIRA

KEMUDAHAN PENCARUM DI HUJUNG JARI!



### CIRI UTAMA MyWIRA

#### PENYATA CARUMAN



Membolehkan anda melihat maklumat akaun caruman LTAT tahun semasa dan tahun sebelumnya

#### PENGELUARAN



Semak permohonan pengeluaran anda, sejarah transaksi pengeluaran, senarai semak dokumen pengeluaran caruman dan maklumat kontak kecemasan anda

#### PROGRAM MANFAAT



Akses tawaran dan promosi eksklusif oleh anak syarikat dan rakan kongsi LTAT

#### MyRA CHATBOT



Chatbot kami, MyRA sentiasa bersedia memberikan maklumat mengenai pengeluaran caruman LTAT dan senarai soalan lazim kami

**DAFTAR**

**SEKARANG!**

#### YAYASAN LTAT



Maklumat Dermasiswa anak anda dan banyak lagi



#### UNIT AMANAH

Mengakses maklumat mengenai akaun unit amanah anda dan pautan semakan dana Affin Hwang



#### PENGUMUMAN

Hebahan terbaru dari KEMENTERAH, ATM dan LTAT

#### HUBUNGI KAMI



1300 88 5828  
pencarum@ltat.org.my  
iwira@ltat.org.my



#### LAMAN WEB LTAT

Layari [www.ltat.org.my](http://www.ltat.org.my)



### CARA MENDAFTAR

1

#### MUAT TURUN

Muat turun aplikasi MyWIRA ke peranti mudah alih anda

2

#### DAFTAR

Tekan DAFTAR untuk mendaftar sebagai pengguna

3

#### ISI BUTIRAN

Isikan butiran diri yang tepat (Pastikan nombor telefon pintar dan emel yang digunakan adalah aktif)

4

#### KOD PENGESAHAN

Isikan KOD PENGESAHAN yang telah dihantar ke nombor telefon pintar / emel anda yang telah didaftarkan ke dalam kotak berkenaan

5

#### TAHNIAH

Pendaftaran berjaya. Tekan "Selesai" dan anda boleh log masuk untuk mengakses akaun LTAT anda.



MyWIRA



**MAXUS**

# WE ARE READY.

In times of uncertainty, preparing for the unpredictable is an utmost priority. Weststar Maxus is proud to present its dynamic lineup of vehicles ready for any occasion, from family outings to weekend escapes, to transporting important goods and ferrying VIPs., our Maxus vehicles, await your call.



## T60

The ultimate pickup that is serious about your work, and play. The aggressive exterior and intuitive interior works in tandem to provide the best driving experience and a sporty presence. The Maxus T60 will surely make each drive, an adventure.

## G10

From afar, the Maxus G10 leaves a strong first impression with its striking profile. Up close, its elegant design draws you in with a sense of familiarity and repose in the best environment a car could give, promising the best safety in class for you and your family.

## V80

This larger-than-life vehicle provides nimble, car-like handling. The Maxus V80 has a large customizable interior to cater for passengers and commercial use. Also packed with advanced safety and security tech that gives you a peace of mind while on the road.



ISSN 1511-0508

9 771511 050068